



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 441]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 462]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 524]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen [Ruangan 463]

Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) [Ruangan 500]

Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) [Ruangan 504]

Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) [Ruangan 515]

Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) [Ruangan 516]

Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) [Ruangan 520]

Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 524]

Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) [Ruangan 534]

Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit [Ruangan 544]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Isnin, 13hb Januari, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).

- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 - „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

FORAM DI TALIVISIYEN BAGI PELAJAR-PELAJAR

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Penerangan menyatakan samada Kerajaan ada apa-apa rancangan untuk membawa pelajar-pelajar sekolah Agama supaya menyertai forum-foram di Talivisyen memandang kepada hal bahawa pada masa ini orang ramai yang sama sahaja berbalik kelihatan tiap-tiap minggu untuk memberi syarahan dan ceramah di Talivisyen.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya memang RTM sedang membuat usaha-usaha menjemput pelajar-pelajar sekolah agama mengambil bahagian dalam Forum-foram Agama dalam siri rancangan agama RTM 1975.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, menjawab soal agama yang boleh dijadikan fatwa ialah orang yang bertanggungjawab dengan agama, sedangkan murid-murid yang belajar agama ini ialah hanya belajar. Pada hakikatnya, dari segi agama dan dari segi hukum tidak boleh menjawab sebarang perkara dalam masalah agama. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar?

Tuan Shariff Ahmad: Kita buat program berhubung dengan pelajar-pelajar ini bukanlah dari segi hukum agama, kita jemput pelajar-pelajar ini ialah mengenai perkara-perkara yang ada kaitan agama dengan pembangunan.

KUARI DI BATU CAVES— KERJA-KERJA

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kerajaan bercadang memberhentikan kerja-kerja kuari

di kawasan Batu Caves memandang kepada masalah pencemaran udara yang berat, dan jika ya, bila.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kerja-kerja kuari di kawasan Batu Caves pada sebahagian besarnya dikendalikan oleh syarikat-syarikat swasta. Kerajaan mempunyai kesedaran yang penuh keatas masalah pertaburan debu-debu di kawasan tersebut dan telahpun melakukan suatu kajian ke atasnya baharu-baharu ini. Suatu lapuran telah siap disediakan dan adalah dibuktikan pada masa kajian itu dijalankan bahawa taburan debu-debu di kawasan tersebut itu telah melebihi standard yang diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa.

Sementara itu, Kementerian ini telah mengadakan perjumpaan dengan syarikat-syarikat yang terlibat bagi mengkaji berbagai alternatif untuk mengawal pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh debu-debu di kawasan tersebut, seperti cara untuk mencegah debu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat akan menghargai, Kementerian ini akan meneliti kesemua bidang-bidang kawalan pencemaran yang berkemungkinan untuk mencari penyelesaian yang memuaskan terhadap masalah tersebut sebelum sebarang tindakan bagi memberhentikan kerja-kerja kuari semua sekali dapat diambil.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Batu Caves ini adalah satu tempat yang sangat dihormati oleh orang-orang Hindu, kerana ada hubungannya dengan keraian keagamaan mereka. Dengan keadaan yang ada pada hari ini, bukan sahaja tempat itu harmoni dan boleh jadi tinggal harmoni kepada penganut-penganut Hindu, tetapi juga mencemarkan udara. Adakah Yang Berhormat Menteri menimbangkan supaya segala usaha pengambilan batu di Batu Caves itu direntikan dengan alasan bahawa Batu Caves itu adalah satu tempat yang dihormati oleh orang-orang yang beragama Hindu.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, tetapi Kementerian

saya dalam perkara ini akan mengambil perhatian dari segi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu ada seorang Menteri telah melawat tempat itu dan melihat keadaan debu-debu itu. Debu di Rawang Cement terlalu banyak dan banyak orang komplek. Pada masa Menteri itu melawat bersama-sama saya ke tempat itu, Menteri itu kata debu itu bagus, debu boleh menjadi baja kepada pokok. Sungguhpun benda itu simen, tetapi simen itu mengandungi lime dan pokok-pokok boleh hidup subur. Saya fikir kepada Kementerian Kesihatan tentu mengatakan orang yang kena debu itu tidak boleh hidup lama; dua tiga tahun orang itu akan mati kerana mengidap penyakit batuk kering. Saya hendak bertanya kalau dibuat kuari di Batu Caves adakah debu yang banyak itu baik untuk pokok-pokok atau tidak?

Datuk Ong Kee Hui: Pendapat orang lain saya tidak dapat beri kalau hendak disamakan dengan pendapat saya sendiri, tetapi pada fikiran saya yang melibatkannya itu bukan kerana pokok boleh menyebabkan kesibukan, ini ialah berkenaan dengan kesihatan manusia.

Puan Rafidah Aziz: Soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk menentukan melalui perundangan tanggungjawab pihak swasta dalam usaha samada mencegah ataupun memulihkan kesan-kesan cemaran udara dan air dalam aktiviti mereka menjalankan industri-industri?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, memang ada undang-undang berkaitan dengan perkara ini.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara ini sudah lama lebih kurang 10 tahun, semua Menteri-menteri sudah berjanji iaitu kuari di kawasan Batu Caves itu akan dipindahkan ke tempat lain ataupun tok kong mahu dipindahkan ke tempat lain. Tiap-tiap tahun didapati 200,000 orang ada pergi bersembahyang di sana. Tadi saudara saya telah mengemukakan berkenaan dengan hal ini dan saya ucapkan terima kasih. Saya hendak bertanya Menteri yang berkenaan:

(1) Bangunan-bangunan yang ada sekarang di Batu Caves (Tok kong) bila

batu itu pecah didapati keadaannya bergoncang.

(2) Bangunan yang dijangka tahan 100 tahun, tetapi sampai 40 tahun sudah runtuh.

Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang memindahkan kuari ini ke tempat lain, atau ditutup tempat itu? Mengikut prinsip Rukunegara ada menyentuh mengenai agama. Pada tiap-tiap kali perayaan Thaipusam didapati antara 200,000-300,000 orang berada di sana kerana sembahyang. Waktu orang sembahyang banyak debu-debu turun dan menyebabkan kekotoran. Saya telah meminta perkara ini diselesaikan, tetapi tiap-tiap kali saya baca suratkhbar saya dapati perkara ini akan dapat diselesaikan dalam tahun ini, tetapi sampai sekarang belum lagi diselesaikan. Bolehkah kuari ini dipindahkan atau ditutup ataupun tok kong itu ditutup?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir, saya telah jawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi. Perkara ini sedang dikaji dan saya harap tidak lama lagi boleh dapat diselesaikan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pendapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, iaitu mana lebih penting pada mendapatkan hasil daripada kilang-kilang kuari yang ada di Batu Caves itu dari segi kesihatan rakyat yang sentiasa membanjiri kawasan tersebut?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kedua-duanya penting. Yang kita hendak timbangkan bolehkah kuari itu dijalankan dengan tidak melibatkan masalah kesihatan, itu yang kita hendak timbangkan.

SYARIKAT KERJASAMA MENDAPAT PINJAMAN KERAJAAN

3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) nama Syarikat-syarikat Kerjasama yang mendapat pinjaman dari Kerajaan;
- (ii) jumlah pinjaman yang didapati oleh tiap-tiap syarikat tersebut; dan
- (iii) samada syarikat-syarikat tersebut membayar mengikut apa yang dibentangkan dalam Perjanjian.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, sukalah saya menjawab berkenaan dengan soalan (i) dan (ii). Sejumlah 24 Syarikat Kerjasama telah mendapat pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dan nama-nama syarikat serta jumlah pinjaman adalah seperti Senarai yang akan diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat selepas ini nanti. (Lampiran "A").

(iii) Selain daripada Syarikat-syarikat Kerjasama Perumahan Angkatan Tentera Malaysia Berhad, Syarikat Kerjasama Serbaguna Kakitangan Awam Jabatan Perang Berhad dan Syarikat Kerjasama Tanah Kebangsaan, Syarikat-syarikat Kerjasama yang lain telah tidak membuat pembayarannya mengikut apa yang dibentangkan dalam perjanjian. Kebanyakan daripada Syarikat-syarikat Kerjasama ini adalah terdiri dari Syarikat-syarikat yang mengalami kedudukan kewangan yang merosot.

LAMPIRAN "A"

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA YANG MENDAPAT PINJAMAN DARI KERAJAAN

Syarikat-syarikat Kerjasama (Co-operative Societies)	Jumlah Pinjaman
1. <i>Bank Agung Kerjasama Malaysia Berhad</i>	
(a) Financial Assistance to Padi Planters	\$4,100,000.00
(b) Co-operative Marketing and Fertilizers Supply	700,000.00
(c) Co-operative Rubber Marketing	407,000.00
(d) Padi Processing and Marketing	7,400,000.00
(e) Loan Scheme to replace Small Rice Mills	1,124,950.00
2. Syarikat Nelayan dan Pasaran Kuala Linggi Bhd	(A) \$300,000.00 (B) \$ 70,000.00
3. Telok Bahang Fishermen's Co-operative Credit and Marketing Soc. Ltd	58,000.00
4. Syarikat Nelayan Bekerjasama Tanjong Piandang, Perak	120,000.00
5. Kuala Sanglang Fishermen's Co-op. Credit and Marketing Society Ltd	40,000.00
6. Syarikat Membeli dan Membuka Tanah (A) \$90,000.00 Bekerjasama Bukit Cheeding (B) \$50,000.00	140,000.00
7. Telok Gadong Fishermen's Co-op. Credit and Marketing Soc. Ltd ...	73,000.00
8. Malayan Co-operative Wholesale Society Ltd	606,517.00
9. Malacca Heng Hua (Chinese) Fishermen's Co-op. Credit and Marketing Soc. Ltd	103,000.00
10. Co-operative Rice Milling Union Ltd Tanjong Karang	450,000.00
11. Malacca Malay Co-op. Transport Society Ltd	90,000.00
12. Malacca Malay Co-op. Transport Ltd	45,000.00
13. Malacca Rice Milling Co-op. Union Ltd	120,000.00
14. Persatuan Perusahaan dan Pasaran Kopi Bekerjasama Kuala Langat D.T.B.	70,000.00
15. Sementa Fishermen's Co-op. Credit and Marketing Soc. Ltd	46,000.00
16. Bank Persatuan Syarikat Kampong Bekerjasama Seberang Perai D.T.B.	1,700,000.00
17. Bank Pusat Kerjasama Sarawak Bhd	8,138.00
18. Syarikat Kerjasama Penjaja-penjaja dan Peniaga Kecil Selangor Berhad	20,000.00
19. Kerjasama Serbaguna Kakitangan Awam Jabatan Perang Bhd ...	1,000,000.00
20. East Coast Fishermen's Co-op. Transport Society	990,568.00
21. Malaysian Armed Forces Co-op. Housing Society (A) \$2,500,000.00 (B) \$2,300,000.00	4,800,000.00
22. Singapore National Co-op. Society	425,000.00
23. Syarikat Kerjasama Perusahaan Orang Melayu, Pulau Pinang ...	800,000.00
24. National Land Finance Co-operative Society	7,500,000.00

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini memperuntukkan satu jumlah khas bagi pinjaman kepada gerakan kerjasama, misalnya khusus untuk pelancaran dan perjalanan koperatif-koperatif pelajar di sekolah-sekolah?

Datuk Athi Nahappan: Soalan ini akan ditimbang oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi syarikat-syarikat kerjasama yang tidak menjelaskan wangnya mengikut perjanjian, apakah rancangan ataupun tindakan yang Kerajaan akan ambil terhadapnya?

Datuk Athi Nahappan: Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan tiap-tiap syarikat kerjasama dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap tiap-tiap syarikat kerjasama.

PASARAN SAHAM MALAYSIA

4. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kemerosotan dalam pasaran saham sekarang di mana harga saham menurun dengan sedihnya ke bawah nilai yang sebenar saham itu; dan
- (b) samada kapitalis dan sindiket besar mempengaruhi yang menyebabkan harga menurun-naik dan jika ya, adakah Menteri akan mengambil tindakan yang sesuai untuk menentangi keadaan demikian.

Datuk Athi Nahappan: Berkenaan dengan soalan ini, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, sukalah saya menjawab berkenaan dengan soalan ini. Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa terdapat analisa mengenai Pasaran Saham Malaysia di dalam Lapuran Ekonomi Tahun 1974-75 yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan sebagai tambahan kepada Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan semasa mengemukakan Belanjawan bagi tahun 1975. Lapuran Ekonomi ini telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini dan saya mengesyorkan supaya perhatian dibuat

kepada perenggan-perenggan mengenai Pasaran Saham Malaysia yang terdapat dalam Bab III Lapuran tersebut.

Berkaitan dengan bahagian (b) soalan itu, Kementerian Kewangan belum lagi menerima lapuran-lapuran mengenai perbuatan memutarbelitkan harga-harga saham oleh sindiket-sindiket tetapi jika Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat yang tertentu bersangkutan dengan segala perbuatan itu, Kementerian Kewangan bersukacita untuk membuat penyiasatan mengenai hal ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa kemerosotan itu bukan disebabkan oleh kerana pembentukan, peranan atau pentadbiran Majlis Pasaran Saham atau Stock Exchange Council?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan akan menimbang fikiran ini dan akan mengkajinya.

IMPOT BAHAN-BAHAN MAKANAN—PERBELANJAAN

5. **Tuan Haji Othman bin Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan tiap-tiap tahun selama lima tahun yang lalu kerana mengimpot bahan-bahan makanan biji-bijian, daging dan ternakan, telur dan buah-buahan dan nama negeri-negeri dari mana barang-barang ini diimpot dan apakah rancangan yang telah dibuat sejak lima tahun yang lalu, untuk mengurangkan pengimpotan bahan-bahan makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan Malaysia mengimpot bahan-bahan makanan, biji-bijian, daging dan ternakan, telur dan buah-buahan dari luar negeri selama lima tahun yang lalu ialah 1969—\$698.5 juta, 1970—\$782.3 juta, 1971—\$625.9 juta, 1972—\$763.1 juta dan 1973—\$992 juta. Negara-negara dari mana Malaysia membuat impot itu adalah seperti berikut:

- (a) Biji-bijian diimpot dari Republik Rakyat China, Thailand, Australia, Indonesia, Singapura, Amerika Syarikat dan Canada.

- (b) Binatang Ternakan daging—persediaan daging diimpot dari Australia, New Zealand, Thailand, Indonesia, United Kingdom, Republik Rakyat China, Denmark dan Singapura.
- (c) Telur diimpot dari Republik Rakyat China.
- (d) Buah-buahan diimpot dari Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Australia dan Sepanyol.

Bagi mengurangkan impot bahan-bahan makanan yang tersebut itu, Kerajaan telah melaksanakan rancangan-rancangan secara besar-besaran bagi pengeluaran beras seperti kemudahan pengairan di Rancangan Pengairan Muda, Kemubu, Besut, Tanjung Karang, Krian dan Hilir Perak, untuk tanaman padi dua kali setahun, membuka ladang-ladang ternakan seperti yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ternakan Negara atau MAJUTERNAK serta menggalakkan tanaman dan pengeluaran hasil-hasil pertanian yang boleh dinaikkan seperti kacang tanah, sekoi, nenas, gajus, koko, ubikayu, lada hitam dan tembakau. Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau MARDI sedang menjalankan penyelidikan bagi meninggikan lagi mutu pengeluaran hasil-hasil pertanian dengan mengeluarkan benih baka baik dan yang tahan diserang penyakit.

Gerakan penanaman tanaman-tanaman yang boleh dinaikkan itu dibuat dengan cara memberi bantuan yang merupai benih, baja dan racun serangga. Jabatan-jabatan Pertanian sentiasa memberi nasihat kepada peladang-peladang dan petani-petani sementara Jabatan Perkhidmatan Haiwan pula memberi nasihat mengenai ternakan untuk memperbaiki lagi usaha bagi penghasilan pertanian. Kajian-kajian lanjut sedang lagi dijalankan terus-menerus oleh pihak MARDI untuk mengenalkan tanam-tanaman baru untuk impot. Penyelidikan juga dijalankan untuk memperbaiki baka dan mutu ternakan dan juga makanan-makanan ternakan termasuk rumput-rumput ragut untuk ladang-ladang ternak.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam dasar penggantian impot, khususnya impot bahan-bahan makanan apakah targets ataupun sasaran-sasaran mengenai peratusan impot yang kita hendak kurangkan bagi lima tahun yang akan datang bagi kategori-kategori bahan-bahan makanan yang tertentu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan beberapa kawasan-kawasan baru, terutama dalam mem-banyakan lagi sawah-sawah padi yang boleh ditanam dua kali dan tanah-tanah baru yang boleh dijadikan tanah-tanah sawah. Selain daripada itu, soal ternakan-ternakan juga sedang diperbesarkan lagi jumlah bilangan ladang-ladang ternakan yang ada di seluruh negara supaya dapat dikurangkan jenis ternakan yang diimpot daripada luar negeri. Daripada segi buah-buahan juga pihak Kementerian sedang menjalankan kempen dengan bersungguh-sungguh supaya rakyat negeri ini cintakan ataupun suka memakan buah-buahan yang dikeluarkan oleh negeri ini sendiri, kerana sudah menjadi kebiasaan bagi tiap-tiap rakyat negeri ini—tetapi bukan semuanya—setengah-setengah rakyat mereka lebih suka memakan buah-buahan yang datang daripada luar negeri. Misalnya, saya beri contoh di sini buah apple. Buah apple itu rasa dan lazatnya tidak begitu lazat kalau kita bandingkan dengan buah ciku yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri walaupun buah apple itu cantik. Tetapi kadangkadangkang rakyat negeri ini oleh kerana buah ciku itu rupanya agak gelap sedikit, kelabu sedikit, jadi orang di sini tidak tertarik dengan buah-buahan ciku itu pada hal rasanya cukup manis. Jadi, ini yang patut difahamkan. Saya sukalah kalau dapat kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya rakyat negeri ini gemarkan memakan buah-buahannya sendiri untuk menjaga kewangan kita daripada mengalir keluar negeri.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan soalan saya tadi, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri agak tidak dapat menangkap kerana panjang sangat. Sebenarnya, saya bertanya berapa peratuskah misalnya dalam lima tahun yang akan datang kita bertujuan untuk mengurangkan impot misalnya beras, kalau kita sekarang mengimpot 15%, dalam lima tahun yang akan datang berapa peratus setahun, begitu juga bagi kategori-kategori makanan-makanan yang lain pengurangan impotnya itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat ini memintakan peratusnya, suka saya menjawab itu biarlah benar

mengikut daripada statistics yang dibuat oleh pegawai-pegawai saya. Jadi, saya harap tolong memberi notis supaya dapat memberi jawapan yang tepat betul-betul. Kalau saya jawab dengan tidak ada statistics yang cukup betul, saya bimbang kerana Ahli Yang Berhormat ini ahli ekonomi maka akan berbangkit soal ini lagi di dalam Dewan ini kelak.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soal No. 5 ini berkenaan import barang-barang makanan ke dalam negeri dan juga langkah untuk mengurangkannya. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab tentang import dan export ini. Dalam negeri ini ada mengeluarkan bahan-bahan makanan, terutama sekali buah-buahan. Apakah tindakan Kerajaan kita terhadap negeri-negeri yang tidak mahu membeli barang-barang kita. Timbalan Menteri yang bertanggungjawab tahu negeri-negeri yang tidak mahu membeli barang-barang kita, misalnya, kita hendak menghantar pisang, tetapi mereka kata tidak boleh, kerana pisang kita berulat. Jadi adakah negeri-negeri yang tidak mahu membeli dan apa tindakan Kerajaan terhadap negeri-negeri itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu soalan buah-buahan ini kita ada juga mengeksport keluar negeri seperti ke Singapura. Pada tahun 1974 negara kita telah mengeksport buah-buahan ke Singapura lebih kurang \$15 juta oleh kerana negeri jiran yang sangat berhampiran ialah Singapura, dia memerlukan buah-buahan yang banyak daripada negeri-negeri kita, kita telah mengeksport sebanyak \$15 juta. Saya tidak tahu di mana adanya negeri yang tidak mahu menerima buah-buahan kita. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, pisang kita hendak hantar keluar negeri yang jauh-jauh, seperti ke Eropah saya fikir pisang ini tidak boleh tahan lama, sebab dia busuk. Kalau dia busuk tengah jalan susah sedikit, kecuali kalau pisang-pisang ini dijadikan barang masakan, pisang kering dan sebagainya masuk dalam plastic. Saya dengar di Mekah ada juga orang menjual pisang kering, tetapi tidak begitu banyak jumlahnya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang bertanggungjawab

tahu iaitu pisang daripada West Indies boleh dihantar ke Eropah. Adakah Kementerian ini membuat satu kajian tentang pisang ini, samada ditaruhkan satu chemical supaya dia boleh tidak masak, apabila sampai ke sebuah negeri baru dia masak. Jadi tidaklah pisang itu busuk. Bolehkan Timbalan Menteri mengkaji hal itu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya negara kita mendapat pesanan daripada negeri yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini, insya Allah, kita akan meneruskan, tetapi sepanjang ini kita belum dapat pesanan pisang-pisang daripada luar negeri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, saya ingin mendatangkan soalan tambahan. Adakah Kementerian ini mengakui bahawa buah-buahan yang lebih banyak diimport daripada luar negeri seperti asam, anggor dan juga durian yang dengan banyaknya kita telah mengimport barang-barang daripada luar negeri, bahawa Kementerian ini telah gagal hendak membanyakkan buah-buahan dalam negeri ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak kenalah kalau Ahli Yang Berhormat itu mengatakan Kementerian ini gagal untuk membanyakkan lagi buah-buahan dalam negeri ini, kerana usaha Kementerian ini di dalam membanyakkan buah-buahan di dalam negara ini sudah dijalankan dengan sedaya upayanya. Saya suka memberi penerangan sedikit, bantuan-bantuan yang telah diberi oleh Kementerian ini bagi menjalankan galakan supaya petani-petani dapat membanyakkan jenis buah-buahan dalam negeri ini. Bantuan ini telah diberi merupakan benih-benih baka baik, baja dan kimia pertanian. Peruntukan pada tahun ini sahaja ialah \$4,600,000 dan sehingga ini sebanyak \$2,292,498 telahpun dibelanjakan, seluas 18,171 ekar tanah telah ditanam dengan benih-benih ini. Rancangan ini dijalankan di semua Negeri dan bantuannya boleh didapati daripada Pejabat-pejabat Pertanian di peringkat Negeri dan banyak benih-benih yang telah diberi. Pada tahun 1974 sahaja durian, Kementerian ini telah memberi benih sebanyak 11,128 pokok, rambutan 5,348 pokok, jambu batu 4,404 pokok, belimbing besi

2,088 pokok, mangga 1,697 pokok, nangka dan cempedak 994 pokok. Selain daripada itu badan-badan pertanian seperti Lembaga Persatuan Peladang dan Persatuan Peladang adalah digalakkan untuk menanam buah-buahan ini dan ini bergantunglah kepada sambutan daripada petani-petani. Dan kerana kebetulan pula dengan adanya gerakan Bumi Jaya ini, saya percaya masalah jumlah impot yang begitu banyak daripada luar negeri ini akan dapat dikurangkan daripada masa ke semasa.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sudah lama digalakan untuk menanam buah-buahan tempatan. Pisang elok dimakan, tidak sakit perut, mengandungi banyak vitamin dan bermacam-macam lagi. Sudah beberapa tahun. Tetapi Kerajaan tidak menyekat impot bahan makanan seperti buah apple, buah anggur, buah lai dan sebagainya terus juga masuk. Jadi, untuk menggalakkan petani-petani ini supaya menanam pisang, belimbing, jambu batu dan lain-lain bila-bila masa dari peringkat ke peringkat, misalnya 20% tahun ini dan 10% tahun hadapan hinggakan habis peratusnya tidak boleh lagi diimpot bahan-bahan ini. Seperti mana yang berlaku di Siam dan di Jamaica dan lain-lain negeri tidak ada langsung buah-buahan di-impot daripada lain-lain negeri. Bila masanya?

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin bagi pihak Menteri untuk menjawab. Perkara ini telah dibincangkan oleh Kerajaan dalam Jemaah Menteri. Itu adalah polisi Kerajaan. Kalau kita hendak menutup barang-barang impot seperti barang-barang daripada luar negeri dengan satu ayat sahaja boleh ditahan. Perkara itu akan ditimbang oleh Kerajaan. Oleh kerana difikirkan negeri kita ini ada juga orang yang berkehendakannya—bukan semuanya—sedikit manusia sahaja yang hendak memakan bukan semata-mata buah-buahan dalam negeri ini, tetapi juga buah-buahan dari luar negeri, oleh itu untuk mengelakkan keadaan dan mengadakan di antara orang yang hendak dan juga ekonomi negara, Kerajaan telah menaikkan dengan setinggi-setingginya cukai buah-buahan yang dimasukkan ke dalam negeri ini, sehingga seperti buah apple kalau hendak membelinya hari ini harganya 40 sen atau 50 sen sebiji.

Ini bermakna menggalakkan supaya orang negeri ini menanam lebih banyak lagi buah-buahan negeri ini supaya dapat harga yang lebih mahal sebab kebanyakannya tidak mampu hendak membeli buah apple dan lain-lain yang harganya 40 sen-50 sen sebiji, melainkan kalau saudaranya sakit di hospital. Itu selalunya dibeli walaupun \$1 sekalipun. Dibelinya juga dua tiga biji ataupun buah anggur 5 tahlil. Itu yang ada dibuat. Tetapi orang miskin tidak beli lagi. Tetapi Kerajaan masa ini tidak menghadkan setengah-setengah buah-buahan itu masuk, tetapi meninggikan cukai seberapa tinggi. Tindakan ini juga tidak menggalakkan orang negeri kita menanam selain daripada bantuan daripada Kementerian yang disebutkan tadi, kita akan menaikkan lagi atau diharamkan semua sekali. Perkara ini telah ditimbang oleh Kerajaan maka bagi pihak Kerajaan saya bertanggungjawab menyatakan sudah ditimbang dan polisi Kerajaan belum lagi dan tidak masa ini mengharamkan atau menahan buah-buahan melainkan ditinggikan cukai. Sekiranya hendak perkara ini akan dibincangkan lagi kerana ini satu perkara polisi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandang kepada angka-angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi daripada segi impotnya, kita ambil sahaja daripada tiga tahun yang lalu iaitu tahun 1971, 1972 dan 1973, nampaknya dari setahun ke setahun angka itu meningkat; daripada tahun 1971 sebanyak 625.9 juta, 1972 sebanyak 763.1 juta dan 1973 sebanyak 962.1 juta bahan-bahan impot. Memandang kepada angka-angka yang meningkat dari setahun ke setahun, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa itu telah menjadi dasar Kerajaan sekian lama ini supaya membenarkan impot yang begitu banyak dan meningkat supaya daripada tahun ini dan pada tahun akan datang bahawa angka itu dapat dikurangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, manusia bertambah di negeri ini. Pendapatan dan taraf hidup negeri ini naik, maka dengan itulah bertambahnya buah-buahan yang masuk di negeri ini. Itu satu daripada sebabnya. Bukan buah-buahan dalam negeri ini tidak bertambah dari segi penanamannya, tetapi angka-angka itu bukan buah yang seperti apple dan anggur

sahaja, tetapi termasuk kebanyakan buah-buahan kering daripada Negeri China yang dibawa masuk. Itu yang banyak sekali saya fikir yang dibawa masuk ke negeri ini kerana di negeri kita banyak lagi saudara-saudara kita orang China yang suka memakan buah kana, asam kecut dan lain-lain lagi. Barang-barang kering ini yang banyak dibawa masuk. Buah-buahan seperti apple dan anggur tidak banyak. Saya percaya buah mangga juga banyak dibawa daripada negeri tetangga kita iaitu daripada Thailand. Tetapi walau bagaimanapun, saya nyatakan harga buah-buahan pada masa ini adalah tinggi walaupun buah-buahan itu dikeluarkan daripada dalam negeri, ini untuk menggalakkan orang-ramai menanam buah-buahan. Kita tidak mahu bila kita tahan buah-buahan masuk ke negeri ini barang dalam negeri belum banyak lagi. Pokok durian baru ditanam 5,000 batang sekarang dan lapan tahun lagi baru berbuah. Jadi sementara itu barang yang ada di dalam negeri ini, seperti buah-buah pisang yang dapat 30 sen sekati, sekarang telah naik 40 sen sekati dan naik lagi iaitu 80 sekati. Memberontak lagi rakyat, hendak memakan buah-buahan pun mahal sangat. Maka semuanya ini perlu ditimbang. Perkara hendak mengimpot, samada hendak menahan atau tidak akan dibincangkan oleh Kerajaan, bukan Kerajaan mendiamkan diri sahaja kerana tiap-tiap bulan Jemaah Menteri menimbang import and export balances dan bila-bila masa sahaja akan boleh menghadkan satu-satu perkara yang timbul. Sekiranya impot buah-buahan akan bertambah, maka saya akan membawa perkara ini kepada Kerajaan samada dinaikkan lagi cukai atau ditahan setengah-setengah atau dihadkan banyak bilangannya masuk ke negeri ini akan ditimbang oleh Kerajaan. Maknanya tidak digalakkan impot oleh Kerajaan. Kerajaan tidak mendiamkan diri dalam masalah ini terutama mengenai import and export termasuk buah-buahan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan mengurangkan impot buah-buahan daripada luar negeri ini selain daripada menaikkan cukai impotnya, adakah kemungkinan misalnya kita menggunakan sekatan-sekatan melalui peraturan-peraturan fizikal seperti yang dijalankan oleh negeri-negeri di sebelah Eropah atau Jepun. Misalnya quarantine yang agak ketat bagi buah-buahan ini untuk masuk supaya dengan secara tidak langsung

dia mencegah kemasukan buah-buahan ini kerana susah hendak dibawa masuk, seperti quarantine yang dikenakan ke atas buah-buahan negeri kita apabila cuba hendak masuk ke pasaran Eropah ataupun Jepun. Dengan ini dia sendiri tidak mahu mengimpot.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya buah-buahan itu telah diperiksa dan tak payah quarantine, kalau quarantine itu tak ada makna. Maknanya menyekat maka timbul pula retaliation daripada negeri itu atas bahan-bahan kita pula. Kalau barang itu boleh merosakkan pokok tanaman buah-buahan dalam negeri ini, kita akan quarantine. Cadangan itu boleh, sebab cadangan itu baik, buat apa quarantine, baik ditahan terus, lebih senang, kalau quarantine barang itu busuk, orang tak bawa masuk barang itu, barang dalam negeri akan naik lebih mahal lagi. Itulah yang hendak ditimbang. Saya bimbang bagi pihak rakyat jelata yang ramai membeli buah-buahan itu, kalau kita hadkan buah-buahan itu di bawa masuk sebelum cukup banyak pengeluaran dalam negeri ini, maka naikhlah harga barang-barang yang kita beli, orang yang membeli lebih ramai dari orang yang menanam. Ini membawa akibat politik kepada Kerajaan yang ada, kita memandang daripada semua segi, bukan memandang sekali imbas sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya dalam Dewan ini berasa bangga atas benih-benih yang diberi oleh Kementerian ini kepada rakyat, tetapi adakah Kementerian ini sedar benih dan baja yang disampaikan itu tidak dapat digunakan oleh rakyat dengan sempurna dan tidak dapat memberi kesuburan pokok itu dengan sempurna, sebab itu pokok tersebut tidak berbuah. Adakah Kementerian sedar bahawa ini akibat kurang teliti dan kurang nasihat daripada Kementerian Pertanian ini selama ini?

Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sedar ada pokok yang tak berbuah ataupun salah penggunaan baja dan sebagainya, sebab yang saya dapat tahu semua Jabatan Pertanian ada di tiap buah negeri, kemudian ada pegawai pertanian di tiap daerah. Di sini petani-petani boleh mendapatkan nasihat

percuma untuk mendapatkan nasihat bagaimana cara pokok yang tak berbuah itu boleh berbuah, bagaimana cara hendak memberi baja, bagaimana untuk menyuburkan, bagaimana untuk membanyakkan daun, bagaimana untuk membanyakkan buah. Jadi pegawai-pegawai kita cukup, tetapi kalau petani sendiri sudah tak mahu meminta nasihat, saya tak tahu hendak buat apa-apa. Jadi sepanjang yang saya tahu barangkali ada juga satu dua pokok yang tak berbuah, sebab pokok itu walaupun tidak ada nyawa macam manusia, tetapi hidup macam manusia juga, ada juga yang mandul. (*Ketawa*) Tetapi keadaan seumpama itu boleh diperbaiki kalau sekiranya petani dapat berjumpa dengan pegawai pertanian untuk nasihat dan minta digantikan dengan pokok yang lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya tidak boleh mengakui atas semua pokok yang diberi oleh Kementerian itu dapat digunakan oleh peladang kita dengan sempurna. Jadi, bila Kementerian ini beri bahan-bahan itu diberi dengan lepas tangan tidak ditanya, tidak dinasihatkan samada pokok itu jaya atau tidak. Ini satu kelemahan daripada Kementerian ini, sebab peladang kita berkehendakkan nasihat yang banyak. Yang kedua, masalah pokok tak berbuah ini memang ada. Saya pernah diberitahu oleh rakyat bahawa pokok asam ini sudah

Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Ahli Yang Berhormat itu buat soalan ataupun jawapan?

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan. Pokok asam yang besar yang telah diberi nasihat oleh Jabatan Pertanian, tetapi malangnya dengan nasihat dan baja dengan macam-macam ubat tak berbuah juga. Jadi siapa salah, pokokkah salah atau Kementerian yang bersalah?

Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Sebenarnya, Kementerian ini tak pernah memberikan pokok asam. Kalau mempelam, ada. Pokok asam ini, adakah pokok asam jawa atau asam apa? (*Ketawa*).

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Buah mempelam.

Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Saya fikir petani itu kena berjumpa dengan pegawai sebab pegawai tak dapat pergi ke tiap-tiap buah rumah memeriksa orang yang mengambil benih itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat tolonglah jaga dalam kawasan beliau, kalau ada petani-petani yang pokoknya tak berbuah, tolong banci semua sekali, kemudian kalau pegawai di sana tak mahu pergi menyiasat, saya boleh arahkan daripada Kementerian supaya pergi siasat pokok-pokok yang tak berbuah dalam kawasan Tangkak misalnya, itu boleh saya buat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Yang Berhormat sendiri bolehkah pergi atau tidak?

Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Kalau saya pergi pun saya tak mengerti bagaimana hendak membuah pokok itu (*Ketawa*). Jadi, pegawai yang khas ada.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tiap-tiap tahun berpikul-pikul, berkapal-kapal limau manis Mandarin datang daripada Tiongkok atau negeri China dan pada tahun ini kita turunkan cukainya supaya boleh orang Malaysia makan limau dengan murah; sekarang sudah 20 sen murah daripada dahulu. Tidakkah boleh oleh kerana tanah negeri kita subur dan ditanam limau, cuma limau itu tak boleh jadi kuning, bolehkah atau tidak dibuat satu penyiasatan tanam limau Mandarin itu supaya dia jadi kuning, manis dan elok dan tak payah lagi kita impot daripada negeri China, dan dapat orang kita makan limau dengan lebih murah lagi.

Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, masalah tanaman itu banyak bergantung daripada segi iklim, keadaan bumi sesebuah negeri itu. Jadi, ada kalanya, misalnya, saya suka beri contoh tanaman anggur di Malaysia ini kita sudah cuba tanam di Pahang dan juga di Kelantan, Tetapi kalau kita bandingkan dengan anggur yang kita bawa daripada luar negeri anggur kita tidak boleh cukup manis, barangkali itu kerana cahaya matahari tidak cukup pancarannya dan keadaan iklim di sini tidak begitu sesuai. Ini juga menyebabkan kurang manis, tetapi kalau kita betul-betul sayangkan negeri kita sendiri, apa salahnya kita makan anggur masam sedikit. Ini satu daripada cara menjaga kesihatan. Apa yang kita sibuk hendak cari yang manis sangat, eksport

daripada luar negeri. Jadi, saya fikir kita sendiri hendaklah mengubah sikap, walaupun masam sedikit kita hendaklah galakkan rakyat memakannya. Hawa negeri kita panas apa kita hendak buat? Kita tak boleh berbanding dengan negeri yang berhawa sejuk yang buah limaunya lain sedikit, tetapi kita juga ada kelebihan daripada segi buah-buah yang lain.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan berkenaan pembahagian benih-benih yang disebutkan beberapa jenis buah-buah yang diberikan kepada petani; ada yang 900, ada yang 1,000 dan lain-lain. Saya hendak bertanya atas pemberian ini, adakah dengan pemilihan yang dibuat oleh pegawai atau Kementerian ini kepada siapa yang hendak diberi atau dengan permohonan petani itu sebanyak mana yang diminta.

Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, caranya senang, sebab kita sudah mempunyai Persatuan Peladang. Kalau petani-petani ingin mendapatkan benih-benih bolehlah berurus dengan persatuan peladang di tiap-tiap kawasan dan benih-benih seumpama ini jika dikehendaki kita hendaklah membuat pesanan terlebih dahulu berapa ribu yang dikehendaki supaya dapat siapkan benih-benih itu, oleh Pengurus Besar Persatuan Peladang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kalau demikian bentuknya, maka rancangan untuk menambah buah-buahan kita ini tentulah tidak sampai kepada matlamatnya, sebab terlalu lambat prosesnya hendak disampaikan kepada rakyat baru didapati sebiji benih rambutan misalnya, dan ditanam dalam masa empat tahun baru berbuah dan kemudian kita tengok jumlahnya hanya beberapa ratus pokok sahaja. Jadi, rakyat kita yang 10 juta bilangannya, sebahagian besarnya adalah kaum tani, dan dengan jalan 1,000—2,000 pokok itu saya rasa tidak sampai kepada matlamat kita untuk mencukupkan buah-buahan dalam negeri kita, dan kerana itu kita terpaksa mengimpot buah daripada luar negeri. Kita harap dengan tanaman ini dapat mengurangkan wang yang mengalir ke luar negeri. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mengurangkan tetapi menambah daripada jumlah kecil kepada jumlah yang lebih besar. Jadi, nampaklah pemberian itu tidak efektif. Yang saya hendak bertanya sesuai dengan ran-

cangan Buku Hijau, adakah Kementerian ini mempunyai satu dasar supaya melipatgandakan pemberian ini tidak 100—200 benih, tetapi berpuluh-puluh ribu sehingga kalau revolusi hijau itu berjalan dalam tempoh lima tahun yang akan datang kita tak mustahak lagi membawa barang-barang daripada luar negeri, tetapi kalau setakat 200-300 benih saya tak percaya benda ini kita akan dapat atasi. Adakah Kementerian bercadang betul-betul hendak merevolusikan bumi hijau ini dengan menambahkan sejumlah yang banyak benih-benih bagi tujuan ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan ini ialah yang sudah diberikan, yang sudah dipohon oleh petani-petani yang ingin menanam. Yang sebenarnya di stesyen ada banyak, bukanlah ini sahaja. Oleh kerana itu apabila saya sebut jumlah ini daripada 11,000 sampai 900 maknanya bukan ini sahaja persediaan kita—tidak, kita banyak mempunyai persediaan dan kita tak dapat berikan kepada orang yang tidak meminta. Bila ada orang yang meminta maka Kementerian ini adalah menyediakan benih-benih ini untuk disiapkan. Soal Buku Hijau ini adalah satu perkara yang cukup senang, sebab semua rancangan gerakan bumi jaya di bawah Buku Hijau ini dibuat daripada peringkat daerah dan di tiap-tiap daerah disenaraikan apa yang diperlukan di tiap-tiap daerah itu dan dia boleh beritahu kepada Kementerian ini apa juga yang dikehendaki maka kita boleh siapkan mengikut keperluan yang dikehendaki oleh daerah masing-masing. Dengan penjelasan ini, saya harap tidak akan menjadi kekeliruan kepada Ahli Yang Berhormat.

Angka-angka yang saya sebutkan tadi bukanlah ini sahaja yang kita sediakan—tidak, tetapi kita adalah menyediakan lebih lagi daripada ini—dua kali ganda, tiga kali ganda bahkan empat kali ganda pun boleh, kalau sekiranya ada permohonan-permohonan yang betul-betul ingin menanam pokok buah-buahan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Saya tidak hendak membangkitkan masalah ini tadi kalau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan data ini sebab sepatutnya tidak membangkit jumlah-jumlah tersebut, tetapi manakala disebut untuk menguatkan hujjahnya

maka jumlah-jumlah ini dikemukakan. Manakala kita tengok jumlah-jumlah ini dikemukakan, disesuaikan dengan kehendak kita sekarang ternyata adalah bahawa jumlah itu tidak mencukupi. Saya tahu benda yang ada di stesyen-stesyen pertanian itu banyak, berjuta-juta, cuma tak dikeluarkan sahaja, orang tak minta. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun rakyat tidak minta daripada peringkat yang paling bawah, adakah tidak kita mempunyai rancangan supaya Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ini mengambil langkah yang lebih cergas lagi, bukan menunggu orang minta tetapi memberikan supaya rancangan bumi hijau ini dengan tempoh yang pendek dapat kita hasil yang memuaskan seperti yang kita maksudkan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul

Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya suka menerangkan di sini bahawa Kementerian ini tidak dapat memberikan kepada orang yang tidak berhajat, sebab benih-benih ini berharga; ini saya cakap terang-terang, kena minta, kalau berhajat, baru boleh Kementerian ini beri. Kalau kita berikan kepada orang yang tak berhajat, Kementerian ini bimbang sungguh bahawa benih-benih ini akan dicampakkan begitu sahaja.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang suka sangat untuk mengurangkan impot dan menambahkan bahan makanan seperti buku hijau dan sebagainya, tetapi adakah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar mempunyai bahan-bahan selective yang hendak ditanam dalam Buku Hijau. Kalau sudah ditanam kangkong, sawi banyak dan tak dapat-dapat dijual payah juga, kerana itu bahan makanan juga. Yang saya maksudkan selective ialah macam kacang goreng ditanam banyak-banyak sebab kalau tak ada digunakan di sini kita boleh hantar keluar negeri ataupun soya bean jika sudah puas kita makan di sini kita boleh hantar keluar negeri, tetapi kalau sayur kangkong ditanam banyak-banyak payah juga. Saya takut apabila banyak sangat sayur tak termakan, orang kampung marah sebab harga sayur satu sen pun tak sampai. Jadi adakah selective untuk menanam pada masa akan datang?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul

Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini akan menunggu segala keputusan rancangan yang dibuat oleh Majlis-majlis Tindakan Daerah yang mana Pegawai Daerah menjadi Pengerusi di dalam Majlis Tindakan Daerah bagi menyiapkan rancangan masing-masing dalam Buku Hijau. Oleh kerana itu, saya fikir Ahli Yang Berhormat tak payah bimbang apa benda yang akan dipilih oleh daerah itu untuk ditanam. Saya tak fikir semua daerah hendak tanam kangkong belaka dan mereka boleh memikirkan masalah pasaran yang senang dipasarkan dan menguntungkan kepada petani-petani yang akan menanam sebab Pegawai-pegawai Daerah ini adalah pegawai-pegawai pentadbir yang mahir dan di dalam Pejabat Daerah ini bukan sahaja Pegawai Daerah yang ada, tetapi ada Pegawai Pertanian, Pegawai FAMA dan ada pegawai-pegawai yang lain di situ untuk bersama-sama memberi nasihat supaya rancangan Buku Hijau ini boleh berjalan dengan lancar bukan sahaja untuk memperbanyakkan jenis-jenis tanaman, tetapi untuk mendapatkan kemudahan daripada segi pemasaran dan menambahkan pendapatan petani-petani. Inilah rancangan daripada Buku Hijau. Oleh kerana itu kalau soal Buku Hijau kita hendak babitkan di sini lebih panjang, saya fikir kita membuang masa.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Perkara 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah diluluskan, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 15hb Januari, 1975.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga perkara 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah diluluskan, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 15hb Januari, 1975.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN, PENCEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.27 ptg.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta-akta dan Ordinan yang ada sekarang berkaitan dengan saraan, pencen dan ganjaran bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.

Pindaan-pindaan kepada Ordinan (Saraan) Menteri-menteri, 1957 dan Akta Menteri-menteri Muda, 1960 ialah untuk membolehkan Kerajaan menetapkan elaun keraihan, perumahan, drebar dan orang gaji bagi Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Demikian itu juga Akta (Saraan) Setiausaha-setiausaha Parlimen, 1965 dipinda untuk membenarkan Kerajaan menetapkan elaun rumah dan keraihan bagi Setiausaha-setiausaha Parlimen.

Tujuannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah perkara ini dipulangkan kepada Kerajaan menetapkan kerana perkara ini adalah perkara kecil dan kalau kita kemukakan pindaan tiap-tiap kali dibawa ke Parlimen dan menggubal undang-undang akan mengambil masa, tetapi diberi atas kebijaksanaan kepada Kerajaan yang bertanggungjawab kepada Parlimen dan kalau Ahli-ahli

Parlimen hendak tahu sehingga puas hati bila-bila masa boleh bertanya, buat dalam soalan dan akan dijawab dalam Parlimen.

Adapun tujuan pindaan kepada Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960 ialah untuk menaikkan elaun bulanan Ahli-ahli Dewan Negara kepada \$1,000 daripada \$750 dan ahli-ahli Dewan Rakyat kepada \$1,500 daripada \$1,000 sebulan.

Tambahan kepada elaun yang dicadangkan itu ialah difikirkan oleh Kerajaan adalah menasabah dan wajar pada masa sekarang ini sebab kita telah dengar tanggagaji Kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai dalam masa lima tahun yang lepas ini semuanya telah disemak semula dan diperbaiki dan dinaikkan. Dan lagi disebabkan pembangunan negeri kita telah bertambah pesat pembangunannya, tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen kedua-dua Dewan ini telah bertambah berat dari semasa ke semasa dan tujuannya ialah untuk memperbaiki lagi perkhidmatan wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara pada memikul tanggungjawab pada masa akan datang. Kalau sudah naik elaun misalnya, kalau Ahli-ahli hendak bercakap lebih banyak lagi dalam Dewan ini, saya akan memohon kepada Kerajaan dan Yang di-Pertua juga supaya dipanjangkan masanya kepada mereka.

Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun mengorbankan masa dan tenaganya meninggalkan pekerjaan sendiri masing-masing, meninggalkan perniagaan yang lumayan dan lain-lain untuk menunaikan tanggungjawab sekarang ini. Di Dewan Rakyat misalnya adalah dikehendaki mengadakan pula pejabat (secretariat) dan kakitangan ataupun kerani untuk menjaga kawasan itu selain daripada dia sendiri ada dalam kawasan itu. Ini lagi hendak menambahkan perbelanjaan dan juga memperbaiki perkhidmatan Ahli Dewan Rakyat dalam kawasan masing-masing. Ada pula yang mengatakan di Dewan Negara ini tidak ada kawasan, mengapa pula ditambah? Tetapi kalau kita memandang cara itu adalah pandangan yang tidak adil, saya fikir, kerana kita tahu elaun Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara begitu juga Ahli-Dewan Negeri pun ada proportion. Jikalau ada tambahan di Dewan Rakyat maka sudah sewajarnya Ahli Dewan Negara yang juga berat tanggungjawabnya terhadap negara dinaikkan juga proportionately. Perbandingan juga

telah dibuat dengan elaun-elaun yang telah dibayar kepada Ahli-ahli Parlimen-parlimen negeri-negeri lain yang lebih kurang sama taraf dengan Malaysia didapati elaun yang kita cadang hendak dibayar ini tidaklah tinggi sangat, jauh lebih rendah daripada negeri-negeri itu.

Akhir sekali, Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 pula dipinda untuk mengadakan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan pemberian pencen kepada orang-orang tanggungan seseorang yang mati semasa menjadi Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran jika ia telah genap sembilan tahun perkhidmatan masukkira. Jika tidak ada orang tanggungan, pencen akan dibayar kepada wakil-wakil di sisi undang-undang Ahli itu atau anggota itu iaitu sesiapa yang berhak di bawah undang-undang. Pencen boleh diberi jika ia bukan seorang Ahli atau Anggota Pentadbiran pada masa ia mati dengan syarat bahawa ia telah genap sembilan tahun perkhidmatan masukkira dan belum mencapai umur empat puluh lima tahun. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, biar saya terangkan di sini supaya faham, ada orang yang telah menjadi Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran yang telah cukup kira sembilan tahun atau lebih, kemudian berhenti daripada berkhidmat umurnya masih empat puluh tahun, maka dia tidak berhak mendapat pencen, kena menunggu sampai empat puluh lima tahun baru dapat pencen. Sekiranya umur empat puluh satu tahun dia meninggal dunia, anak isterinya yang tinggal berkehendakkan bantuan, takkan hendak menunggu sampai empat puluh lima tahun baru dibayar pencen. Maka tatkala itulah tujuan yang tersebut ini dibayar pencen serta-merta kepada mereka itu. Mana tahu ada yang muda yang hendak pencen, yang hendak berhenti terlebih dahulu.

Pencen ini dibayar selama $12\frac{1}{2}$ tahun dari tarikh kematian Ahli atau Anggota itu dan jika Ahli atau Anggota itu telah menerima pencen dan meninggal dunia dalam masa $12\frac{1}{2}$ tahun dari tarikh dia menerima pencen itu, maka orang tanggungan atau wakil dirinya di sisi undang-undang akan diberi pencen yang sama sebanyak selama tempoh bakinya sahaja, yakni kalau seseorang telah menerima pencen, katalah enam tahun, dia meninggal dunia, bakinya enam tahun setengah bolehlah isteri dan anak-anaknya atau warisnya

menerima sampai $12\frac{1}{2}$ tahun tetapi kalau dia mati sudah $12\frac{1}{2}$ tahun mendapat pencen, tidak ada lagi dia boleh menerima. Ini bagaimanapun jika orang-orang tanggungannya atau wakil-wakilnya di sisi undang-undang seorang Ahli atau Anggota adalah juga berhak mendapat faedah kematian, maka mereka itu adalah dikehendaki untuk memilih samada hendak menerima faedah kematian atau pencen.

Di sini saya huraikan lagi, Ahli-ahli Parlimen mendapat dua faedah. Satu berhak mendapat pencen dan satu di bawah faedah kematian atau kita katakan macam insuran. Sekiranya seorang wakil rakyat menjelajah dalam kawasannya dan bertemu dengan ahli-ahli kawasannya ataupun misalnya Ahli berkhidmat Dewan Negara dalam perjalanan datang ke mari, ada berlaku kemalangan di hutan dihempap pokok tumbang, yang datang ke mari misalnya motokar accident dan ada kematian, maka ada dua faedah bagi dirinya. Kalaulah orang itu sudah mendapat pencen lebih dari sembilan tahun dan yang satu lagi itu di bawah faedah kematian, boleh dapat sekali gus, kadang-kadang sampai \$150,000 dan pencen pun ada juga, maka hendaklah dipilih salah satu sahaja, tidak boleh kedua-duanya, mana yang lebih besar faedahnya. Tetapi kalaulah seseorang itu sebelum sembilan tahun berlaku kemalangan ini, maka dia tidak berhak pencen, itu senang sahaja dia ada berhak menerima faedah kematian. Ada satu faedah dalamnya misalnya luka parah, tidak boleh berjalan pun ada faedahnya, tetapi seseorang itu tidak boleh menerima dua faedah. Pilihlah salah satu mana yang besar faedahnya. Kita fikirkan berkenaan dengan $12\frac{1}{2}$ tahun, sebelum daripada ini memang tidak ada untuk Ahli-ahli Parlimen. Pada masa ini untuk orang-orang Kerajaan sahaja. Kita memandang dari segi keadilan, bukan semua Ahli-ahli Parlimen samada di Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat orang yang senang, ada juga orang-orang yang tidak berapa senang kehidupannya. Maka kalau adalah pada masa-masa yang lepas, kita tengok ada sahabat kita yang telah meninggal dunia, maka tinggallah isteri dan anak-anaknya itu dengan tidak ada apa jua pun pada hal suaminya itu berkhidmat begitu lama kepada negara walhal orang-orang Kerajaan adalah diberi. Maka difikirkan oleh pihak Kerajaan adalah adil juga faedah $12\frac{1}{2}$ tahun itu untuk menolong anak yatim yang tinggal atau isteri

itu patut diberi juga kepada Ahli-ahli Parlimen. Maka inilah tujuan Rang Undang-undang ini dan saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.38 *ptg.*

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebelum perkara ini dibahaskan, saya ingin minta penjelasan mengenai perkara teknikal, kerana ini saya rasa ada implikasi yang besar.

Dalam Seksyen 5 iaitu mengenai pencen dan sebagainya, nampaknya dalam Bill itu sendiri hanya terdapat peruntukan untuk balunya sahaja. Maknanya kita membuat assumption yang semua Ahli-ahli Dewan Senate ini adalah laki-laki belaka. Saya minta adakah ini mempunyai interpretation clause misalnya untuk Ahli-ahli Wanita yang meninggal dudanya (widower). Adakah interpretation clause in dibuat?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu apakala sudah bangun sekali tidak boleh lagi berucap. Kalau hendak berucap mengikut Peraturan Mesyuarat kita, hendaklah terus berucap, selepas daripada itu tidak berhak lagi.

Saya tidak boleh menerangkan melainkan seseorang itu sudah habis berucap. Ini saya menerangkan, boleh jadi Ahli Yang Berhormat itu belum faham lagi Peraturan Mesyuarat.

Puan Rafidah Aziz: Sebenarnya saya memang tidak hendak bercakap dalam perbahasan, cuma minta penjelasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau itu sahaja, baiklah.

3.39 *ptg.*

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak bercakap banyak tetapi cuma saya adalah menyokong di atas Rang Undang-undang ini.

Di muka 4 mengatakan apabila genap sembilan tahun berkhidmat. Lima tahun dahulu saya mendengar satu syarahan mengatakan, ini rakan-rakan saya di dalam

Parlimen yang telah keluar daripada Parlimen, dia telah berkhidmat selama sembilan tahun tetapi sembilan tahun mereka berkhidmat ini juga katakan State Council kemudian lima tahun di Parlimen.

Dahulu dikatakan jikalau mereka ini lima tahun di State dan lima tahun di sini, maka khidmatnya akan dicantumkan, akan mendapat ganjaran dan pencen sekali, tetapi sayang sekali sampai hari ini sudah sembilan tahun belum juga dapat saya pastikan, belum dapat apa-apa keputusan. Yang saya dengar ialah disebabkan tiap-tiap negeri itu, seperti Negeri Perlis kecil sangat, wakil rakyatnya ada. Dengan sebab itu wakil rakyat ini tidak boleh dapat pencen, sebab negeri itu kecil, macam mana hendak dibayar pencen oleh kerana tidak cukup budgetnya. Negeri Selangor boleh, barangkali Negeri-negeri yang lain tidak boleh. Dengan sebab itu tidak dapat diputuskan dalam lima tahun lamanya dan dalam Negeri-negeri juga ada State Councillorsnya. State Councillors juga mendapat ganjaran dan pencen, tentu sekali. Misalnya Negeri Perlis, jikalau Negeri Perlis tidak boleh mendapat pencen oleh kerana Negerinya kecil, tetapi tiap-tiap Negeri lain boleh mendapat pencen oleh kerana ada wang untuk membayarnya, maka di sini hendaklah dibuat dengan seberapa segera, sebab ramai yang telah berhenti daripada Dewan ini atau Dewan Rakyat yang belum lagi mendapat apa-apa yang telah bertanyanya bagaimana keadaan-keadaan mereka. Itu adalah mustahak oleh kerana seperti mana Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi setengah-setengah mereka ini bukanlah ada pencarian yang lain, melainkan susah juga. Dengan sebab itu, saya mintalah dengan seberapa segeranya dapat dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Kabinet.

Selain daripada itu, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas ganjaran dan pencen kepada wakil-wakil rakyat dan juga Ahli-ahli Senate oleh kerana tugas-tugas mereka ini banyak dan ada setengahnya orang mengatakan iaitu pihak Pembangkang mengatakan apa sebab ditambah. Mereka ini adalah wakil rakyat, apa sebab hendak ditambah? Di sini saya menyatakan, barangkali ramai yang telah menjadi wakil rakyat dahulu, banyak betul tugas-tugas sebagai wakil rakyat. Wang seribu ringgit itu tidak dapat \$200 pun

padanya. Seratus ringgit pun tidak dapat dimakan, habis didermanya. Semuanya hendakkan cup belaka. Ada sekolah Tamil, ada sekolah China, ada sekolah Melayu yang hendakkan cup. Pertandingan Quran juga hendakkan cup, itu dan ini. Hendak derma di situ, hendak derma di sini. Kenduri hendak buka masjid pula di situ hendak kerbau, di sini hendak lembu, di situ pula hendakkan kambing. Kalau tidak wakil rakyat ini dikatakan kedekut sangat. Masa pilihanraya macam-macam dikatakan hendak menolong rakyat, kalau sekarang kenapa tidak boleh menderma. Ini semua mesti diberi. Kalau tidak diberi susah.

Dengan sebab itu, hari ini kalau Ahli Parlimen dari Dewan Rakyat mendapat \$500 sahaja tambahannya dan Ahli Dewan Negara cuma ditambah \$250 saya rasa tidak begitu banyak oleh kerana socialist state di Singapura pada masa dahulunya kata mereka tidak usahlah hendak menggunakan wang lagi menjadi Ahli Parlimen, tak usahlah hendakkan elau banyak-banyak, tetapi hari ini di Singapura sendiri Ahli Parlimennya kalau saya tidak silap elauannya sampai \$2,500 satu bulan. Saya ingat \$1,500 untuk Ahli Dewan Rakyat ataupun \$1,000 untuk Ahli Dewan Negara tidaklah besar dan juga di sini saya tentulah hendak bercakap sedikit berkenaan layanan yang mestilah ditimbangkan juga. Oleh kerana Ahli Senate dan Ahli Dewan Rakyat ini dipandang oleh kerana undang-undang diperbuat daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetapi layanan kepada Ahli-ahli ini mesti dipertimbangkan oleh Kerajaan juga. Kalau menaiki kapalterbang misalnya diberi second class. Wakil Rakyat ini dilantik dalam pilihanraya, dan dipilih oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan oleh Negeri-negeri, tetapi kemudahan naik kapalterbang diberi second class. Kadangkadang Ahli Parlimen tahu, saya juga dahulu Ahli Parlimen dan oleh kerana kalau hendak turun daripada kapalterbang ke satu tempat itu, kita pergi ke tempat first class, selepas itu baru turun. Orang ingat kita duduk di first class, sebab kita hendak meninggikan imej negara kita. Di Indonesia kita disambut misalnya, kita terpaksa pergi ke first class. Tuan Speaker sahaja yang duduk di first class—panggil semua yang lain-lain, nanti orang Indonesia tengok M.P. di Indonesia duduk di first class, kita pula bagaimana? Dengan sebab itu, layanan ini mesti diper-

timbangkan oleh pihak Kerajaan oleh kerana malunya Ahli-ahli Dewan Senate ini kepada Kerajaan ataupun wakil rakyat malu juga kepada Kerajaan Malaysia seluruhnya.

3.45 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini pada dasarnya dan tujuan yang dikemukakan tadi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang adalah menasabah memandangkan kepada perbelanjaan hidup sekarang ini serta kepada perkara-perkara yang perlukan sebagai wakil rakyat di dalam sesebuah kawasan pilihanraya. Walau apapun hendak disebutkan wakil rakyat atau Senator, maka kedua-duanya ini adalah Ahli Parlimen belaka dan anggota Parlimen ini pada segi undang-undang atau peraturan atau Perlembagaan kita maka dia terdiri daripada dua buah Rumah, Rumah Rendah, Rumah Atas, kemudian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ada tingkat bawah, atau tingkat atas, juga tingkat atas lagi.

Pada faham saya kedua-dua Rumah ini baik tingkat bawah atau tingkat atas patutlah disetingkatkan pada semua layanan yang hendak diberikan kepada anggota Parlimen. Saya tidak mencadangkan supaya anggota Parlimen, khasnya Senate ini mesti ditinggikan elauannya lebih daripada Rumah Bawah. Sebab Rumah Atas dengan Rumah Bawah pada hakikatnya serupa, tetapi dengan membeza-bezakan itu di antara Rumah Bawah dengan Rumah Atas ini satu hal yang patut diambil perhatian juga oleh Kerajaan walaupun misalnya anggota Senate ini telah berpuashati dengan apa yang dia dapat. Tetapi menyebutkan kalimat melebihi di sana dan mengurangkan di sini akan menimbulkan juga perasaan yang tidak baik dan oleh kerana itu timbullah perbahasan di dalam Dewan Rakyat mungkin sewaktu hendak meluluskan Rang Undang-undang ini yang menyebutkan bahawa Ahli Dewan Negara ini tidak berguna satu sen oleh parti Pembangkang. Parti Pembangkang dalam Dewan Rakyat banyak, barangkali parti Pembangkang dalam Dewan Negara ini hanya seorang sahaja. (Ketawa) Yang menyebutkan "tidak" tadi—suara sumbang. Adakah beliau itu akan menggunakan perkataan-perkataan yang digunakan oleh ahli-ahli Pembangkang di Dewan Rakyat yang

menyebutkan Ahli Senate ataupun Ahli Dewan Negara ini tidak berguna. Sepatutnya orang ini tidak diberi elaun langsung, dihina di Dewan Rakyat. Sepatutnya Ahli-ahli Dewan Rakyat tidak sepatutnya menghina walaupun dia daripada pihak Pembangkang, walaupun daripada pihak yang menentang Kerajaan, tidak baik mereka itu mengeluarkan perkataan-perkataan yang melukakan perasaan Ahli Dewan ini. Kita duduk di sini bukan dengan kehendak kita. Kita duduk di sini dengan kehendak Perlembagaan dan Rukunegara mengatakan iaitu Kedaulatan Undang-undang atau Keluhuran Perlembagaan di mana Ahli-ahli Dewan Rakyat dari parti Pembangkang mahu menerima konsep Rukunegara ini. Disebut sahaja, menerima konsep Rukunegara :

Kepercayaan kepada Tuhan,

Kedaulatan Undang-undang,

Keluhuran Perlembagaan dan sebagainya.

Tetapi di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, saya tidak hadir, tetapi baca dalam suratkhobar parti Pembangkang daripada pihak D.A.P. telah menggunakan alat-alat ini untuk menghina Ahli-ahli Dewan ini. Kita tidak duduk di dalam Dewan ini dengan kehendak kita, tetapi kita duduk di sini dengan kehendak Perlembagaan, dengan kehendak Undang-undang, dengan kehendak Keluhuran Perlembagaan yang ada kepada kita dan pihak mereka itu sepatutnya menghormati Dewan ini samada Dewan ini mereka setuju atau tidak. Mereka harus menghormati Dewan ini. Oleh kerana kalau sekiranya Ahli Dewan ini hendak menjalankan kuatkuasa yang ada padanya mereka boleh juga menggunakan kuatkuasanya. Kalau saya tidak salah ada kuatkuasa Dewan Negara ini untuk menangguh satu-satu Rang Undang-undang dan dikembalikan balik kepada Dewan Rakyat; memang boleh dilakukan oleh Ahli Dewan ini. Kalau sekiranya banyak Ahli-ahli Dewan Rakyat yang membuat sesuatu yang tidak menghormati Perlembagaan, tidak menghormati Ahli-ahli Dewan ini, mungkin agaknya nanti Ahli-ahli Dewan ini berpakat untuk mengembalikan sebarang Rang Undang-undang kepada Dewan Rakyat, dan waktu itu barulah mereka tahu harga \$500 lebih yang mereka perolehi itu tidak berharga lagi. Walaupun

kita di sini kurang \$500 daripada mereka, tetapi, bila kita pulangkan Rang Undang-undang ini balik kepada mereka harga \$500 itu tidak berharga lagi. Rupanya orang yang mendapat elaun \$1,000 ini lebih berkuasa daripada mereka yang mendapat elaun \$1,500 itu.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan ini saya memberi amaran kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada Parti Pembangkang supaya mereka tidak lagi mengeluarkan perkataan-perkataan yang menghina Dewan ini. Jangan lagi mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyatakan kita ini tidak berharga, tidak ada prestige, tidak ada maruah dan tidak ada hak. Kita ada hak, Tuan Yang di-Pertua, dan kita mempunyai maruah kita sendiri. Bagi Ahli Dewan ini dan bagi saya tidak menitekberatkan berapa banyak yang kita dapat. Tetapi yang menjadi soal yang penting kepada kita ialah hak kita dalam penyertaan diri kita di dalam berkhidmat kepada negara. Saya bersetuju, \$1,500 diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat itu, malahan saya rasa \$2,500 pun patut. Kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat \$1,500 bukan sahaja patut tetapi ditambah lagi \$2,500 sebab mereka itu terpaksa berjalan daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Mereka hanya mendapat \$1,500 sebulan dan kalau ada meeting di sini barulah mendapat tambahan. Kalau di dalam kawasannya, berkehendak mereka itu supaya berkhidmat kepada rakyat, pergi sembahyang tiap-tiap mesjid, pergi tiap-tiap surau nampaknya \$1,500 tidak cukup. Misalnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri jauh dari sini walaupun beliau seorang Timbalan Menteri tetapi kawasannya itu pula kawasan baru, mesjid banyak, suraupun banyak, jadi Timbalan Menteri tidak apalah, ditambah sedikit duit itu, tetapi kalau \$1,500 sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat tentu tidak mencukupi. Lebih-lebih kalau dia mewakili kawasan-kawasan yang banyak terdiri daripada orang-orang Melayu yang mana pada bulan puasa mereka hendak mengadakan moreh. Kalau tiap-tiap surau buat moreh sudah berapa banyak belanjanya. Jadi \$1,500 itu memang tidak cukup. Walaupun sekarang ini kita tidak akan mencadangkan supaya ditambah, tetapi elok juga seperti Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengatakan patut difikirkan pada masa yang akan datang ditambah seperti pegawai-pegawai Kerajaan. Maka pada tahun hadapan, insya Allah, ada

tambahan. Kami sokong, Tuan Yang di-Pertua, sebab biasanya kalau naik tangga ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati sebenar-benarnya dengan Ahli Dewan Rakyat atas perkara ini, kerana buku-buku sekolah bukan Kerajaan sahaja yang beri, tetapi wakil rakyat juga ada memberi. Di dalam kawasan mereka, mereka juga kena beli buku, seluar dan sepatu sekolah. Kita Yang sudah menjadi wakil rakyat selama 10 tahun tahu benar kesulitan yang dipikul oleh wakil rakyat. Bila kita minta tolong kepada Wakil Rakyat, jawabnya, bukan aku hendak jadi wakil rakyat, tetapi parti suruh jadi wakil. Pada waktu itu dia kata parti suruh jadi wakil. Tetapi waktu hendak menamakan calon itu, dia yang hendak jadi calon. Bila sudah menang, dia kata parti yang suruh. Yang paling baik sekali dia kata Tun Abdul Razak suruh jadi calon. Dia hendak melarikan diri daripada tugasnya. Saya harap supaya Yang Berhormat Menteri Undang-undang memikirkan bukan dari sudut kita sebagai parti yang berkuasa, tetapi di sudut tugas yang dijalankan oleh wakil rakyat, yang mana \$1,500 itu tentulah tidak mencukupi. Elaun harian diberi \$150.00 sehari supaya mereka dapat mengganti perbelanjaan waktu bertugas. Kita di sini ialah Ahli Dewan Negara adalah merupakan orang-orang yang tawakkal kepada Allah, dan orang-orang yang masuk syurga belaka (*Ketawa*) sebab kita tidak minta banyak. Kalau sekiranya Ahli-ahli Dewan Rakyat diberi \$150 sehari mereka boleh duduk tempat yang menasabah, tidaklah di Hawaii Hotel dan di hotel-hotel di tepi jalan, mereka merasa jugalah duduk di Hilton Hotel sekali-sekala. Sekarang ini kalau kata mereka itu duduk di hotel mana, jawabnya, tidak usah tanya, kami duduk dekat sini juga. Berapa sewanya. Jawabnya maklum dan faham-faham sajalah. Kadang-kadang apabila dia sampai ke mari dia buka badge Ahli Dewan Rakyat di keretanya dan kemudian duduk di hotel dengan elaun \$50 sehari itu. Sewa hotel \$20, belum masuk makan tengah hari, makan petang, makan malam. Ada wakil rakyat yang bawa kawannya hendak menyaksikan mesyuarat, jadi habislah \$50 itu. Jadi inilah asasnya, walaupun kecil sepatutnya Kerajaan menimbangkan perkara ini terhadap wakil rakyat.

Saya minta Ahli-ahli Dewan Rakyat yang terdiri daripada pembangkang ini janganlah menghina-hina sangat Ahli Dewan Negara

ini. Walaupun kalimat menghina ini kita telah dengar 10-15 tahun dahulu, mereka kata kita rubber stamp. Tetapi rubber stamp ini ada guna bukan rubber stamp tepi jalan. Kalau kita tidak letak rubber stamp memang tidak dapat dikuatkuasakan semua undang-undang. Jadi rubber stamp kita ini berguna dan ada pula. Kami hendak beritahu kepada orang-orang muda di Dewan Rakyat itu, kerana setengah-setengah orang muda itu tidak layak menjadi Ahli Dewan Negara, sebahagiannya memang tidak boleh. Kalau hendak menjadi ahli pun kita tolak, kerana umurnya kurang daripada 30 tahun. Ahli Dewan Negara mesti berumur 30 tahun ke atas. Kalau ada Ahli Dewan Rakyat berumur 25, 28 tahun hendak bercakap banyak-banyak dan hendak masuk dalam Dewan Negara ini tidak boleh sebab umurnya tidak cukup. Yang bernasib baik, Yang Berhormat Puan Rafidah, baharu sahaja cukup 30 tahun. Kalau tidak tentu 3 tahun yang sudah beliau telah masuk, tetapi umur belum cukup. Mengikut peraturan Dewan Negara umur mesti 30 tahun. Kalau ada Ahli Dewan Rakyat yang kurang daripada 30 tahun ke bawah tidak usahlah cakap besar-besar sangat terhadap Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya minta sekali lagi supaya pertimbangan-pertimbangan yang adil patut diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam menjalankan tugasnya yang berat masa sekarang ini.

3.58 ptg.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini, tetapi ada satu clause sahaja yang saya tidak menyokong, iaitu di dalam Explanatory Statement, Clause 3 yang berbunyi:

PARLIAMENT (MEMBERS'
REMUNERATION) ACT, 1960

The purpose of the amendments to the Act is to increase the monthly allowance of members of Dewan Negara to \$1,000 and members of Dewan Rakyat to \$1,500.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan begini: "the monthly allowance of members of Dewan Negara to \$1,300 and members of Dewan Rakyat to \$1,500." Jadi bermakna

Ahli Dewan Negara akan dapat \$1,300 kurang \$200 daripada Ahli Dewan Rakyat. Saya ada banyak sebab mengapa saya minta begitu. Kalau saya tidak terangkan orang-ramai akan mengatakan banyak sangat. Sekarang ini nampaknya tidak adil. Anggota-anggota Dewan Rakyat mendapat kenaikan daripada \$1,000 kepada \$1,500 bermakna 50%. Dewan Negara naik daripada \$900 ke \$1,000 bermakna 10%. Adakah lojik Ahli Dewan Rakyat dapat 50% manakala Ahli Dewan Negara dapat 10% Nampaknya jauh sekali bezanya antara kedua-dua Dewan ini. Saya mendapat tahu daripada setengah-setengah Menteri mengatakan Ahli Dewan Negara ini tidak buat kerja, atau kerjanya kurang daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Tetapi mengikut experience saya, Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya menjadi Ahli Dewan Rakyat dan sekarang menjadi Anggota Dewan Negara, bila saya jadi Ahli Dewan Rakyat saya menjalankan tugas saya, dan sekarang jadi Ahli Dewan Negara saya menjalankan tugas yang sama. Tetapi masa saya menjadi Ahli Dewan Rakyat dahulu, saya menjadi wakil rakyat kawasan Sungai Petani. Tetapi apabila saya menjadi Ahli Dewan Negara, saya mewakili dua kawasan. Ahli daripada Sungai Petani dia duduk di Alor Setar iaitu jauhnya 40 batu. Ini menyebabkan rakyat susah hendak menemuinya. Manakala Ahli dari kawasan Kedah Tengah ialah Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Khir Johari yang mana beliau sekarang sedang berkhidmat di Amerika. Bagaimana hendak menemuinya kerana ini menggunakan belanja yang banyak. Dengan sebab itu kedua-dua kawasan saya kena menjaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak complaint kerana saya tahu saya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi Ahli Dewan Negara Malaysia. Saya fikir kawasan yang saya wakili itu ialah kawasan daripada Perlis sampai ke Sabah. Kalau orang Sabah meminta pertolongan dari saya, saya akan tolong. Itulah sebab saya kata saya minta \$1,300 ini supaya ditambah, kerana kita tahu sebagai Ahli Dewan Negara kita ada kawasan yang hendak dilawat, kiranya tambahan ini diberi kita hanya mendapat tambahan sebanyak 44% sahaja kurang daripada Ahli Dewan Rakyat yang mendapat 50% itu.

Satu lagi yang saya tidak bersetuju ialah disebabkan peraturan yang dibuat ini tidak kena. Di masa saya kanak-kanak dahulu saya rajin baca history, jadi saya boleh dikatakan

pandai dalam history dan mendapat distinction dalam mata-pelajaran tersebut. Saya ingat dalam tahun 1775 orang Amerika marah kepada orang British disebabkan taxation without representation. British dikenakan taxation kepada mereka dengan tidak ada representation. Maka kerana itu orang Amerika marah dan pada satu malam mereka telah membuang baju mereka dan menyanyi lagu Red Indian naik di atas kapal sambil memegang tong teh yang datangnya dari Ceylon dilemparkan ke laut semuanya. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat membaca history tentu masih ingat berkenaan dengan sejarah Boston Tea Party. Dengan kerana Boston Tea Party itulah orang Amerika berperang dengan England sehingga menang dan dapat merdeka sampai hari ini. Perkara yang menimbulkan peperangan itu ialah sedikit sahaja, iaitu taxation without representation. Oleh sebab hari ini Dewan Negara sudah jatuh keadaannya seperti orang Amerika. Kalau orang Amerika dapat taxation without representation, hari ini kita buat berita dalam Dewan ini mengatakan kita tak puas hati; mereka buat satu legislation without representation kepada kita. Mereka legislate kepada kita: let us swallow in toto. Principle ini saya tidak setuju Dewan Rakyat buat begini dengan tidak memberi hak kepada kita. Kalau orang Amerika marah kepada orang British kerana mengenakan taxation without representation, sebagai Ahli Dewan Negara tentu marah kepada Dewan Rakyat kerana berbuat begitu dengan tidak memberi hak kita sama untuk menentukan dirinya; we must remember why should we let Dewan Rakyat determine our fate and destiny?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Ini bukan Dewan Rakyat menetapkan, pihak Kabinet iaitu Kerajaan yang mencadangkan \$1,000 kepada Ahli Dewan Negara dan \$1,500 kepada Ahli Dewan Rakyat, bukan Ahli Dewan Rakyat yang menetapkan. Jangan silap faham. Dewan Rakyat tidak kena-mengena menetapkan e'laun Kerajaan yang bertanggungjawab dan yang recommend nama-nama Ahli Dewan Negara ialah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang menetapkannya.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat Menteri ini silap, walaupun dia lawyer. Dewan Rakyat sudah luluskan. Walaupun Kerajaan buat, atau siapa pun buat dia tidak

kira, tetapi yang mereka luluskan dengan tak fasal tentulah tak kena. Ini principle of taxation without representation yang saya katakan. Kalau mereka bertanya kepada kita dahulu macam mana buat, tentu kita setuju dan ini tidak menimbulkan apa-apa masalah. Ini mereka yang luluskan that is the point. Kita tahu dalam Parliament British kita dipanggil Dewan yang tertinggi (Upper House). Dewan Rakyat itu Lower House, kalau kita duduk di England, kita dipanggil House of Lords.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, never in the history of the British Parliament has the House of Commons ever forced the Lords to do something without the Lords' permission. Never! So never in the Parliament of Malaysia shall we allow the Lower House to force us to obey things which we do not want to obey. That is the reason why I do not agree to \$1,000. Just make it \$1,300. Bukan saya mahu. Yang saya minta hari ini ialah \$1,300 sebulan, bukan Samad yang mencadangkan hendak \$1,300, bukan Raja Nong Chik dan bukan Puan Rafidah Aziz yang mahu, ini ialah Ahli Dewan Negara sendiri yang mahu. Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan supaya Dewan Negara mencadangkan tiap-tiap Senator akan dapat \$1,300 sebulan elauun.

4.08 p.g.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Peguam Negara. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memandangi tinggi Dewan ini dan telah melebihi elauun bulanan. Tetapi apakah yang jadi musykil, sebagaimana sahabat saya menerangkan tadi, ini ialah satu pandangan yang rendah atau menghinakan kepada Ahli Dewan Negara. Jika sekiranya Peguam Negara dapat menimbangkan semula bagaimanakah kedudukan Dewan ini supaya disamakan tarafnya, walaupun Ahli-ahli menyatakan Dewan ini tidak berguna sebagai rubber stamp, tetapi kerja-kerja yang diterangkan oleh sahabat-sahabat saya tadi banyak perkara-perkara yang telah dijalankan oleh Ahli Dewan Negara ini.

Saya sebagai salah seorang wakil wanita, walaupun saya menjadi Ahli Dewan Negara lebih banyak kerja dan penting yang saya jalankan sebagai Ahli Dewan Rakyat juga.

Mereka yang setengah-setengahnya menjadi Ahli Dewan Rakyat tetapi tempat mereka yang dimenangi tidak pernah mereka jalankan tugas atau melawat sekalipun di tempat itu. Inilah yang saya menyatakan di dalam Majlis ini.

Berkenaan dengan elauun harian ini patut ditimbang juga. Sebagai seorang ibu, kalaulah saya hendak tinggal di hotel-hotel yang kotor, tentulah Ahli-ahli Dewan ini malu. Saya cuba menumpang di rumah orang, iaitu rumah Menteri itu dan Menteri ini untuk menghabiskan masa. Kalaulah satu masa nanti Menteri tak suka kepada saya, dimanakah tempat yang saya akan dapat menumpang.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta dengan segala hormatnya kepada Peguam Negara menimbang semula kedudukan ini. Dan juga saya hendak bertanya sebagaimana Yang Berhormat Puan Rafidah Aziz tadi bertanya, saya ini tidak mempunyai suami bagaimana kalau sekiranya masa saya sudah tiba, siapakah akan menerima pencen saya itu atau wang-wang yang saya akan diberi oleh Kerajaan. Ini saya minta ikhsan Peguam Negara, mengemukakan pindaan supaya anak-anak atau saudara-saudara yang tinggal akan mendapat pencen itu.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang sebab banyak Ahli-ahli Dewan ini akan bercakap. Saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan juga kepada Peguam Negara, wahai Peguam Negara, tolonglah timbangkan semula permintaan kami di dalam Majlis ini.

4.12 p.tg.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang. Dan di sini saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk J. E. S. Crawford: Terima kasih. (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I rise to support the Bill fully, and I regret to say that I cannot agree with the views of some of the speakers, particularly of my Honourable friend, Y.B. Tuan Abdul Samad bin Osman. The Dewan Rakyat, Sir, meets at least five days to our one day. They have also got their

constituencies to serve. So the sum of \$1,500 is a very reasonable allowance compared to our allowance of \$1,000.

Also, there is one other point which strikes me, on a logical matter. We have, Sir, in this Honourable House elected Members sent by the respective State Assemblies. A member of the State Assembly gets \$1,000-a-month allowance. So, would it be right for the Wakil-wakil from the State Assembly to get more than the Members of the State Assembly who are sent to this Honourable House?

There is also one other point, in conclusion, which I would like to mention on a matter of history in regard to the House of Commons and the House of Lords, as mentioned by my Honourable friend. The House of Commons has told the House of Lords what to do. In fact, it has threatened and made them increase its numbers by creating life peerages. That is all I have to say.

4.15 *ptg.*

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut menyokong Rang Undang-undang ini dengan menarik dua perhatian. Yang pertama berkenaan dengan elaun kepada pemandu-pemandu kereta bagi Ahli Dewan Negara, kalau tidak silap saya dapat \$3 sehari. Jadi \$3 sehari ini, Tuan Yang di-Pertua, jika datang ke Kuala Lumpur dia hendak duduk di mana-mana hotel pun tidak dapat makan, kalau \$3 sehari itu tidak payah kita bercakap lagi. Barangkali buruh-buruh I.M.G. yang menggunakan kemahiran tangan pun sudah tidak dibenarkan lagi menerima gaji ataupun wage \$3 sehari. Ini saya harap mendapat pertimbangan.

Yang kedua, saya dukacitalah sebab sahabat saya tadi mengatakan ada Ahli-ahli Parti Pembangkang menghina Ahli Dewan Negara ini. Yang sebenarnya, saya tidak menjadi Pembangkang di dalam Dewan Rakyat, dan saya tidak ada parti. Jadi, kawan-kawan saya yang masuk bertanding bersama dengan saya pun semuanya kalah, termasuk saya sendiri dan parti saya pun belum didaftarkan lagi. Jadi tidak patutlah kita serang satu puak yang belum lagi exist dalam dunia ini, Tuan Yang di-Pertua. Dan lagi kalau pun saya seorang dalam Dewan ini membangkang, bukanlah sepatutnya

hendak dikatakan saya ini sebagai “suara sumbang”, saya ini memberi second opinion, itu pun bukan lama, cuma tiga tahun sahaja lagi. Tiga tahun lagi sepatutnya suara saya ini tidak dianggap sebagai suara sumbang tetapi dianggap sebagai suara merdu di dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam “suara merdu” ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya kepada pihak Kerajaan tentang penerangan tadi iaitu apabila seseorang angguta yang sudah layak menerima pencen iaitu sudah sembilan 9 tahun genap, tiba-tiba berlaku accident, dan dia kena memilih yang mana satu yang lebih besar, iaitu menerima 150,000 atau satu angka yang tertentu sekali gus, ataupun menerima pencen. Tuan Yang di-Pertua, di sinilah saya hendak bertanya di manakah “principle of justice” iaitu criterion yang mengatakan suruh pilih salah satu sebab Menteri dan Timbalannya yang ada di sini ahli undang-undang. Mengapa kalau di dalam criminal case kita berkehendakkan benda itu tegas iaitu “to prove beyond any reasonable doubt” dan kalau di dalam “civil case” pula orang hendakkan neraca iaitu balance of probaility. Jadi sekarang ini, apakah neraca yang Peguam Negara kita mewakili Kerajaan dapat mengatakan di dalam Dewan ini bahawa Ahli yang malang ini disuruh pilih yang mana satu, dan dasar keadilan itu tidak dikemukakan oleh Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa kita mengadakan jawatan Peguam Negara bukan semata-mata mewakili Kerajaan membaca Bil dan mengemukakan Rang Undang-undang. Kalau itu sahaja tugasnya, jawatan ini tidak mustahak, kerana dalam kotak peti air sejuk ini saya pernah duduk di situ dan saya pernah mengemukakan Rang Undang-undang bagi pihak Kerajaan. Apa yang kita kehendaki kepada jawatan Peguam Negara itu selain daripada mengemukakan Rang Undang-undang itu, tolong memberi keterangan dari segi legal aspect dan dasar keadilan negara ini, dan di sinilah yang Peguam Negara kita gagal atau fail to serve, dan ini tidak patut, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau begitu saya minta Peguam Negara yang mewakili Kerajaan tolong menerangkan di mana duduknya neraca ataupun criterion yang dia meletakkan ataupun menyokong Kerajaan supaya Ahli yang malang tadi memilih yang mana satu, pada hal biarlah

dia dapat dua sekali, kerana mati dengan accident ini tidak sama dengan mati biasa. Kalau sekiranya nature mati itu tidak sama, mengapa pula hak dan kewajipan itu hendak disamakan. Tidak patut, Tuan Yang di-Pertua, dan saya tidak nampak di mana Yang Berhormat Peguam Negara dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang kita ini berdiri dan saya percaya yang satu itu tidak akan sama dengan yang satu lagi walaupun mereka itu satu jawatan.

4.19 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada tujuan Kerajaan untuk mengemukakan satu Undang-undang begini ialah untuk menaikkan semangat kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat, dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara untuk memberi lebih berkhidmat kepada rakyat. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu Kerajaan patutlah memandangkan keadaan pada keseluruhannya yang ada pada masa sekarang. Patutkah menaikkan elau kepada Wakil-wakil Rakyat di atas kedua-dua peringkat ini sesuai atau tidak. Oleh kerana menaikkan elau ini telahpun membawa satu ill-will antara rakyat dengan Wakil Rakyat dan Senator-senator. Saya bukan hendak membantah Rang Undang-undang ini, tetapi pada fikiran saya jika Kerajaan ingin menaikkan elau kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat daripada masa ke semasa, tidak payahlah dibawa Bil seperti ini untuk dibahaskan dalam Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara. Kita patut serahkan kepada Kerajaan atau Kabinet sahaja untuk meluluskan undang-undang ini tetapi kita mestilah memandang bila masa hendak dinaikkan elau itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ialah masa inflasi dan stagflasi, beberapa banyak Union telah meminta kenaikan gaji dan kita pula telah menghadapi banyak masalah-masalah, maka oleh kerana itulah tujuan saya untuk merayu kepada Kerajaan iaitu berjaga-jaga jangan membawa Bil seperti ini dengan tidak memandang kepada keadaan keseluruhannya. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah saya disalahkan fahamkan siapakah yang tidak mahu naik gaji dalam dunia ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat tahu apabila seseorang Ahli

Dewan Rakyat atau Dewan Negara pencen, beliau tidak dapat first class medical treatment atau menaiki keretapi dengan first class sebagaimana Senior Officers dalam Kerajaan diberi semasa mereka berpencen. Kita hanya diberi semasa kita berkhidmat menjadi Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara selepas pencen kemudahan-kemudahan itu habis. Di sini saya merayu kepada Kerajaan oleh kerana Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara telahpun berkhidmat kepada negara ini diberi semua kemudahan-kemudahan bagaimana yang telah diberi kepada Pegawai-pegawai Division I, akan diberi juga kepada kita setelah kita berpencen. Itulah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.23 ptg.

Tuan Haji Mohamed Said bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan memberi sedikit-sebanyak alasan. Jikalau kita kaji kedudukan Ahli-ahli Dewan Negara pada masa ini sangatlah jauh perbezaannya jika dibandingkan dengan Dewan Rakyat. Dewan Rakyat ada mempunyai 154 ahli. Tetapi segala fikiran-fikiran yang telah dikeluarkan dalam Dewan Rakyat itu, Ahli-ahli Dewan Negara ini juga mengkaji dan menghalusi serta mengeluarkan fikiran yang baru kepada Dewan Negara ini. Jadi, untuk mengecil-kecilkan Dewan Negara ini, saya merasa hairan sedikit dan saya suka memberi pandangan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, khasnya perkara yang tidak dibawa sama sekali oleh Dewan Rakyat, tetapi dibawa oleh Dewan Negara dan dituluskan oleh Kerajaan. Satu daripadanya ialah tuntutan Sabah yang dibawa oleh Dewan Negara ini dan perkara itu diselesaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu.

Satu lagi berkenaan dengan dadah tidak tersebut langsung di dalam Dewan Rakyat, bahkan Dewan Negaralah yang membawa perkara ini dan Kerajaan telah mengambil tindakan yang hebat.

4.25 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Saya sedar bahawa ada orang-orang di luar Dewan ini dan juga di dalam Dewan ini yang mengatakan ini bukannya masa bagi

kita hendak menaikkan gaji ataupun elaun memandangkan kedudukan ekonomi negara kita sendiri. Tetapi, sekiranya kita pandangan kepada taraf kedua-dua Dewan kita dan kita pandang pula kepada Ahli-ahli yang menganggotai Dewan-dewan itu, rasa saya kenaikan gaji ataupun tambahan elaun ini tidaklah keterlaluan. Kalau kita bandingkan dengan imbuhan ataupun elaun-elaun yang didapati oleh Ahli-ahli Parlimen negara lain, kita dapati negara kita jauh ketinggalan di bawah. Kalau saya ambil dua tiga contoh sahaja, umpamanya, di Amerika Syarikat seorang Ahli Kongress, seorang Senator mendapat kalau wang kita sebanyak lebih kurang \$8,100 sebulan. Kalau kita ambil elaun yang dibayar kepada seorang Deputy di Negeri Pranchis ataupun Ahli Parlimen di Negeri Prancis, bayaran sebulan bagi mereka ialah hampir \$5,500. Di Negeri Jerman umpamanya \$3,500 sebulan. Jadi bagi kita \$1,500 itu tidaklah terlampau keterlaluan.

Saya percaya, bayaran yang dibayar kepada Ahli-ahli biasa dan juga kepada Ahli-ahli Pentadbir seperti yang diminta di bawah Rang Undang-undang ini kerana Rang Undang-undang ini, bukan sahaja untuk Ahli-ahli Parlimen, tetapi juga diperuntukan dibuat untuk memberi bayaran yang lebih sedikit kepada Ahli-ahli Pentadbir Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen, sungguhpun tidak secara duit ringgitnya tetapi secara bantuan yang lain atau "perks" dalam bahasa Inggeris. Kalau kita ambil sahaja bayaran yang didapati oleh Menteri kita di negara ini, barangkali bayaran itu ataupun gaji mereka itu tidaklah tinggi sangat. Pada saya tidak cukup kalau kita bandingkan dengan apa yang mereka boleh dapat sekiranya mereka bekerja di luar.

Sungguhpun di sini kita nampak \$4,000-\$5,000 itu tinggi, tetapi bila kita bandingkan dengan bayaran yang didapati atau dibayar oleh pihak swasta sampai \$15,000-\$30,000 sebulan itu memang rendah, dan saya percaya ramai Menteri-menteri kita di sini yang ada sekarang ini dengan mempunyai kelulusan seperti mereka sekarang, mereka boleh mendapat imbuhan ataupun bayaran ataupun gaji seperti yang saya sebutkan daripada swasta sekiranya mereka duduk di luar. Inilah perkara yang patut kita timbangkan. Kalau kita berkehendakkan Ahli-ahli Pentadbir kita boleh menjalankan kerja dengan lebih baik, terpaksa kita bayar

gaji dengan berpatutan. Tetapi bukan dengan keterlaluan. Dan saya berpendapat, gaji-gaji yang diberi kepada Ahli-ahli Pentadbir kita adalah berpatutan, dan juga saya berpendapat elaun-elaun yang hendak ditambah tidaklah begitu banyak sangat.

Apa yang saya suka bercakap sedikit telahpun disentuh sedikit-sebanyak tadi oleh Yang Berhormat Raja Nong Chik bin Raja Ishak iaitu berkenaan dengan bayaran-bayaran elaun ataupun tambang-tambang kapal-terbang yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan, bukannya sahaja di Dewan ini tetapi juga di Dewan Rakyat sana.

Nampaknya di sini kita tidak diberi taraf kehormatan. Apa yang diberi ialah dari segi jika seseorang itu menjadi Menteri atau seseorang itu menjadi Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri, itu ada bezanya sedikit, umpamanya jika hendak naik kapal-terbang mereka itu dibayar dengan tambang Kelas Pertama tetapi kalau sebagai Ahli biasa, kita cuma berhak naik Kelas Ekonomi sahaja. Ini menunjukkan taraf, sungguhpun mereka Menteri tetapi mereka menjadi Menteri oleh kerana menjadi ahli salah satu Dewan.

Kalau umpamanya kita terpaksa keluar pergi ke lain tempat dengan arahan Parlimen umpamanya seperti seorang yang menjadi ahli Select Committee, mereka pergi dengan tugas-tugas Parlimen, tetapi mereka pergi dengan mendapat bayaran kapal-terbang Kelas Ekonomi sahaja. Kalau mereka hendak menjaga maruah diri, terpaksa mereka mengeluarkan duitnya sendiri untuk naik Kelas Satu.

Saya sedar, tidak ada bezanya kalau kita duduk Kelas Satu dengan Kelas Ekonomi, sampainya sama juga, tetapi tarafnya berbeza, bukan bermakna jika orang yang duduk di Kelas Satu duduk di depan dia sampai dahulu, tidak, tetapi orang memandangkan taraf. Bila seseorang itu pergi sebagai Ahli Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat sudah tentu kalau dia pergi secara rasmi, kalau dia pergi dengan diundang oleh sesuatu pihak, tentulah taraf mereka itu hendak dijaga. Dan saya harap perkara ini mendapat perhatian Kerajaan dengan sehalus-halusnya. Janganlah kita pandangkan sangat dari segi kewangan yang mungkin lebih sedikit terpaksa dibayar jika semua Ahli Dewan samada Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat diberi taraf yang tinggi sedikit

dari segi perjalanan, dari segi penginapan dan apa juga segi sekiranya mereka itu membuat kerja-kerja ataupun menjalankan tugas-tugas bagi pihak Parlimen.

Saya tidak menyentuh perkara lain yang patut diberikan kepada Ahli Dewan kerana saya rasa ini mungkin keluar sedikit daripada maksud Rang Undang-undang ini. Sekianlah pandangan saya, terima kasih.

4.33 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di samping saya memberikan sokongan atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kita. Saya tidak akan menyentuh pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini saya gemar memberikan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan yang telah memberikan pembelaan kepada kami Ahli Dewan Negara ketika perbincangan masaalah ini di Dewan Rakyat atas kecaman yang telah datangkan oleh Parti Pembangkang dengan tujuan merendahkan Dewan yang mulia ini.

Yang kedua, saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana bersimpati dan bertimbang rasa kepada Ahli-ahli Parlimen ini dengan mengadakan Rang Undang-undang ini, dengan tambahan elaun dan lain-lain lagi.

Satu perkara yang patut difikirkan oleh Kerajaan atau yang patut difikirkan oleh Kabinet demi ketinggian taraf darjah Dewan Negara. Saya hendak menyentuh dalam perkara Akta Saraan Parlimen, bukan maksud saya bercakap dengan sebab kekurangan \$500 bukan saya membelakan diri saya, saya adalah membela Dewan yang mulia ini. Daripada segi kekurangan kewangan \$500 pada pandangan masyarakat bahawa Dewan kita ini dipandang rendah. Dengan keadaan yang macam ini, Kerajaan tentu bertimbang rasa pada masa hadapan akan mengkaji supaya sama tarafnya apa yang diberikan imbuhan kepada Dewan Rakyat sama juga dengan Dewan Negara. Faktor-faktor banyak.

Pertama sekali, imbuhan ini nilai yang diberikan kepada Dewan Negara sama juga dengan yang diberikan kepada Dewan Rakyat.

Yang Kedua, kuatkuasa kita adalah diakui penting dari segi Perlembagaan.

Yang ketiga, kata Yang Berhormat Peguam Negara, Wakil-wakil Rakyat ada pejabat, kami Ahli Dewan Negara khasnya yang duduk di luarbandar ini juga ada mempunyai hubungan dengan orangramai, terpaksa kami mengadakan pejabat. Dengan sebab itu maka elaun yang diberikan itu telah dihabiskan dengan urusan Pejabat. Kalau diseimbangkan dengan Dewan Negara alangkah adilnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bahawa dalam Dewan Negara ini juga banyak ahli-ahli professional, saya fikir markahnya lebih daripada Dewan Rakyat. Kita ada lecturer, ada loyar dan ada seorang loyar yang hendak mengasah otaknya hendak menjadi loyar dan dia mengakui dirinya anggota Parti Pembangkang, dan juga doktor-doktor jadi patut kita memberikan sama taraf dengan Dewan Rakyat. Itu adalah adil. Ini saya fikir Kerajaan kena fikirkan.

Yang akhirnya, dahulu saya kemukakan bahawa ganjaran dan pencen kepada ahli keluarga Ahli Dewan Rakyat ini patut diberi sebagaimana pegawai-pegawai Kerajaan. Pada ketika itu bangunlah Menteri, dia kata bahawa, kamu sekalian datang daripada parti tidak mustahak menerima ganjaran-ganjaran itu. Tetapi saya berterima kasih kepada Kerajaan hari ini telah memberikan ganjaran kepada keluarga dan isteri ahli-ahli Dewan Negara yang mustahak dan ini juga saya fikir pada masa akan datang dapat disamakan elaun tambahan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Kemudahan-kemudahan patut diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang telah bersara berhubung dengan kemudahan di hospital sebab bila kita sudah bersara hendak pergi hospital kena bayar 50 sen semula. Penghormatan ini patut Kerajaan beri kepada mereka, kerana mereka telah berkhidmat kepada Negara. Kerajaan patut fikirkan dalam masaalah ini. Itulah sahaja pandangan-pandangan saya yang dapat saya berikan dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.38 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun adalah untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Lebih dahulu saya ucapkan terima kasih

kepada Menteri yang membuat undang-undang ini walaupun Rang Undang-undang ini kita faham sudah diluluskan tetapi oleh kerana kita telah diberi hak di dalam Dewan ini untuk kami perbahaskan, maka sebab itu hak yang diberi kepada kami Ahli Dewan ini maka kami bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini.

Pertama, apa yang menyedihkan kami Ahli Dewan ini bahawa pada sebutan kita bunyinya besar iaitu Ahli Dewan Negara, tetapi dari segi pendapatan kita kurang daripada Ahli Dewan Rakyat.

Kedua, merendahkan pula moral kita bahawa tidak banyak kononnya tugas kita Ahli Dewan Negara, manalah mereka tahu Ahli Dewan Rakyat itu bahawa kita Ahli Dewan Negara tidak menjalankan tugas yang sudah dibebankan kepada kita. Selain daripada itu, kerana Ahli-ahli Dewan Negara dipandang rendah dan sanggup pula Parti Pembangkang memberi kata-kata yang begitu tidak lumayan pada pendengaran kita Ahli-ahli Dewan Negara. Apakah sebab perkara ini boleh berbangkit? Pada pandangan saya boleh jadi kerana layanan yang diberikan oleh pihak yang berkenaan kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak sejajar dengan mereka. Sebab itu pihak Pembangkang sanggup melemparkan kata-kata yang begitu pedih kepada Ahli Dewan Negara. Dengan demikian, Menteri Undang-undang patut mengambil tindakan. Berilah layanan yang sewajarnya dan pendapatan yang sama dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya tidak dipandang rendah lagi moral kami yang tugas kami begini berat dan kami sedia menjalankan tugas dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli-ahli Dewan Negara ini juga sedar apa yang sudah dibebankan tugas dan tanggungjawab sebab itu kami sanggup duduk di dalam Dewan yang tersebut ini.

Berbangkit soal yang dibangkitkan oleh saudara saya iaitu soal kapal terbang tadi di mana ada dipercakapkan oleh saudara-saudara kita bahawa soal tempat kemungkinan juga pihak Yang Berhormat Menteri Undang-undang kita memandang ataupun membuat jawapan nanti, soal tempat tak payah kita besar-besarkan kerana tempat duduk Kelas I ataupun Kelas Ekonomi itu sama sampainya, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sanggup menegaskan perkara ini kerana saya sendiri sudah cuba perkara

ini. Saya belum pernah menjadi Menteri, memang saya tak menjawat jawatan Menteri lagi dan sebelum saya menjadi Ahli Dewan Negara, waktu saya menaiki kapal terbang MAS dengan wang saya sendiri, ini soal moral, pada ketika itu saya cuba membeli tiket First Class tetapi di tempat First Class itu memang ditempatkan bagi Menteri-menteri, kemudian orang-orang yang hidungnya mancung, kulitnya putih, matanya biru, maka kita orang Melayu anak bumiputra ini dipandanginya tidak layak menaiki tempat Kelas I itu.

Dengan demikian, saya perjuangkan masalah ini sehingga sampai hari ini saya tidak sanggup lagi menduduki Kelas Ekonomi dalam kapal terbang MAS itu. Walaupun perbelanjaan itu dari wang saya sendiri, saya perjuangkan menduduki tempat Kelas I bila menaiki kapal terbang MAS demi menjaga imej, bukan sebagai Ahli Dewan Negara, bukan Menteri, tetapi menjaga imej bangsa Melayu sanggup duduk di tempat yang istimewa demikian. Soal ini patut pihak Yang Berhormat Menteri Undang-undang kita mengambil alih kembali layanan kepada kami Ahli-ahli Dewan Negara. Kami adalah Ahli Dewan Negara, walaupun saya Ahli baru di dalam Dewan ini barangkali dipandang kami memperjuangkan soal mahu gaji banyak, ini tidak sekali-kali, tetapi soal layanan. Kalau pendapatan kami sama, insya Allah tidaklah ada berbangkit pandang-memandang, ini rendah duduknya dan itu tinggi duduknya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini dtempohkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.44 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

5.05 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang saya bentangkan

tadi dan memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran berkenaan dengan undang-undang itu. Saya akan menjawab, kalau tidak semua pun, sebahagian daripadanya dan semua teguran-teguran itu adalah dicatat untuk ditimbang oleh Kerajaan, mana yang patut boleh kita laksanakan pada masa akan datang.

Perkara yang pertama ialah perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Rafidah. Saya memandangkan kepada Rang Undang-undang ini, kalau kita tengok untuk maksud Seksyen 6A baharu yang berikut selepas sahaja Seksyen 6. Di tepi undang-undang itu ada disebutkan :

“Pencen bagi orang-orang tanggungan Anggota yang mati semasa masih lagi menjadi anggota.”

Perkataan yang besar di sini ialah “tanggungan” (dependants). Dalam undang-undang ini ada menyatakan, iaitu :

“ . . . mana-mana daripada orang-orang tanggungannya sebagaimana yang diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong atau jika tiada orang-orang tanggungan, maka wakil dirinya di sisi undang-undang boleh diberi pencen sebanyak amaun yang sama dengan amaun pencen yang Anggota itu tetap layak mendapat di bawah Akta ini jika pada masa kematiannya ia telah berhenti menjadi seorang Anggota selepas genap sembilan tahun perkhidmatan masukira”

Tuan Yang di-Pertua, di sini terang dan nyata prinsip di bawah ini ialah “tanggungan”. Kemudian di bawah itu disebutkan pula Seksyen 6A. (4) “balu atau balu-balunya” menerima dan menerima juga seorang balu yang mengenainya yang diberi pencen. Di sini terang dan nyata kalau dipandang dari segi ini ialah undang-undang ini dibuat mengikut Pencen Ordinan yang dibuat dalam tahun 1951 mengenai kakitangan Kerajaan. Dalam kakitangan atau pegawai Kerajaan ialah undang-undang sebelum merdeka dahulu. Masa itu kebanyakan lelaki yang bekerja dan isteri duduk di rumah dan isteri dan anak-anak itu ialah “orang tanggungan”. Sebab jarang terdengar di sebelah kita, zaman itu belum merdeka yang suami duduk di rumah isteri bekerja, suami menjadi “tanggungan”. Perkara ini saya menerangkan dahulu kerana saya sendiri ada interest (faedah), di dalam ini, kerana masa ini Tan

Sri Fatimah menerima pencen. Saya pun tidak berani bercakap. Saya terang ini, sebab saya ada interested party dalamnya berkenaan dengan diri saya sendiri. Kalau misalnya suaminya itu orang yang tidak bekerja atau sakit dan ialah “tanggungan” isteri yang menjadi Ahli Parlimen dan mendapat pencen, memandangkan kepada undang-undang ini boleh jadi suaminya itu tanggungan isterinya tidak mendapat faedah pencen sekiranya isteri yang pencen itu mati kelak. Ini adalah tidak adil dipandang daripada segi ini, kerana disebut widow (balu) bukan spouse. Kalau spouse itu ialah samada dia itu suami atau isteri, maka saya fikir kalau kali ini kita tidak boleh pinda perkara ini, saya semak semula, dan barangkali berkehendakkan revision atau pindaan pada masa akan datang. Bukan sahaja undang-undang ini boleh jadi undang-undang pencen khasnya bagi kakitangan Kerajaan juga. Itu pun boleh jadi akan timbul dan hendak dipinda juga. Teguran itu, saya ucapkan terima kasih dan akan ditimbang, dan kalau mustahak akan kita pinda dari satu masa yang akan datang. Boleh jadi perkara itu silap atau sebagainya, saya akan teliti sekali dan ditimbang balik dengan sehalus-halusnya.

Yang Berhormat Raja Nong Chik telah menimbulkan satu lagi perkara iaitu seorang Ahli Yang Berhormat yang telah berkhidmat sebahagian daripada perkhidmatannya lima tahun di peringkat Negeri dan lima tahun di peringkat Parlimen, maka di dalam undang-undang ini ada menyatakan terang dan nyata bolehlah perkhidmatan kedua-dua itu disatukan supaya seorang itu dapat benefit sembilan tahun supaya dia dapat pencen, tetapi tanggungjawab membayar pencen kepada Ahli Parlimen ialah Kerajaan Persekutuan dan tanggungjawab membayar pencen Ahli Dewan Negeri adalah tanggungan Kerajaan Negeri. Perkara ini telah dibawa oleh Kerajaan dan masa ini satu peraturan di bawah Undang-undang itu ada menyatakan hendaklah Kerajaan mengadakan satu regulation atau peraturan untuk menyatukan kedua-dua perkhidmatan dan menentukan berapa patut dibayar pencen. Masa ini peraturan itu sedang digubalkan dan saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Raja Nong Chik bin Raja Ishak menimbulkan perkara ini yang sedang dalam kajian Kerajaan dan regulation itu sedang ditimbang, saya harap akan dapat disegerakan kerana ada

terdapat yang telah bersara dalam pilihan-raya yang lepas ini belum dapat pencen sehingga sekarang ini yang masih lagi ada berkhidmat di kedua-dua tempat iaitu di Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah timbulkan soal elaun antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Perkara ini sebenarnya telah timbul tiap-tiap kali kita bawa undang-undang ini dan pindaannya hingga boleh dikatakan sudah enam kali. Saya mengingatkan di sini iaitu masa kita mendapat kemerdekaan dahulu undang-undang yang pertama dibuat pada waktu itu pun ada berlainan iaitu Ahli Dewan Rakyat, kalau tidak salah saya \$500 dan Ahli Dewan Negara pula kalau tak salah ialah \$250 atau \$350 antara dua. Pada mulanya perinsip itu telah berjalan hinggalah sekarang ini dan perkara ini telah ditimbang oleh Kerajaan dan Kerajaan telah mengarahkan Jabatan saya untuk menggubalkan Undang-undang ini. Kerajaan telah menimbang perkara ini halus-halus dan memutuskan bahawa itulah pertimbangannya dinaikkan \$1,500 kepada Dewan Rakyat dan \$1,000 kepada Dewan Negara, memang telah ditimbang dengan sehalus-halusnya oleh Kerajaan dan keputusannya menurut banyak segi dan sebab-sebabnya. Tetapi janganlah kita pandang tentang taraf itu. Dengan sebab sama misalnya elaun itu baharu sama taraf. Kerana kalau kita bandingkan dari segi itu wang sahaja tidak akan menentukan taraf. Tetapi taraf yang dipandang orang itu ialah tentang kebolehan kita masing-masing dalam kedua-dua Dewan ini membawa perkara-perkara yang dibahas sekarang ini yang dipandangkan seperti saya kata tadi taraf. Misalkanlah saya sendiri sebagai Menteri mendapat gaji \$3,000 tetapi kakitangan Kerajaan di bawah saya gajinya \$4,000; penolongnya \$3,500 tetapi tidaklah bermakna Menteri itu jauh rendah daripada pegawai Kerajaan di Jabatan saya, dipandang rendah daripada yang lain, itu tentang taraf kedudukan kita, protokol kita memanglah berlainan daripada Dewan Rakyat. Memang Dewan Negara tinggi tarafnya dari segi protokol dan lain-lain tetapi elaun sahaja yang tidak sama oleh sebab tugas-tugas yang hendak ditimbang oleh Kerajaan dengan sehalus-halusnya.

Saya bersetuju dengan pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah berkenaan dengan elaun \$3 sehari kepada drebar-drebar. Elaun

drebar itu juga pun samalah dengan drebar Menteri. Memanglah elaun yang diberi \$3 itu tidak cukup kalau duduk di Kuala Lumpur ini, untuk makanannya dan juga elaun malamnya boleh ditimbang, kerana perkara ini bukan ada dalam undang-undang, tetapi di bawah pentadbiran dan keputusan Jemaah Menteri sahaja membuat peraturan. Saya akan mengambil ingatan dan akan ditimbang.

Satu perkara lagi berkenaan dengan elaun harian \$50. Ini pun sama, samada Menteri, Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara kalau keluar dapat \$50 sehari. Ini memang betul kalau dibandingkan dengan kenaikan harga barang-barang makanan dan hotel-hotel seperti di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, kalau \$50 termasuk makan tidaklah dapat duduk first class hotel. Ada yang pergi ke second class hotel. Kadang-kadang saya jumpa sendiri, Ahli-ahli Yang Berhormat ada yang malu dan tutup badge keretakeretanya siang-siang sebelum pergi. Perkara ini saya akan kemukakan kepada Kerajaan menyatakan rayuan daripada Kedua-dua Dewan ini bahawa \$50 itu tidak cukup bagi mereka untuk mendapatkan tempat yang sewajarnya dengan kedudukannya semasa hadir di dalam persidangan Parlimen. Pada fikiran saya perkara itu boleh ditimbang, kerana itu bukan undang-undang, tetapi, boleh dibuat di bawah peraturan.

Perkara am, berkenaan keistimewaan masuk di dalam hospital semasa dia berkhidmat, maka adalah sama dengan pegawai Kerajaan Division I tetapi lepas dia pencen, dia tidak lagi menerima hak itu. Pandangan ini boleh dibawa juga kepada Kerajaan, kerana kalau dia masih berpencen lagi tidak apalah, tetapi saya fikir dengan sebab sudah ada undang-undang Pencen ini, maka saya akan bawa kepada Kerajaan minta dilanjutkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat jasa kepada negara dengan begitu lama, kalau dia sudah tua pada masa yang akan datang dan dapat sakit maka patutlah mereka itu menerima taraf yang sama apabila masuk ke hospital dan mendapat rawatan di hospital seperti mana juga pensioner Division I di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan.

Berkenaan dengan tuduhan yang dilemparkan oleh parti Pembangkang dari Dewan Rakyat, maka janganlah dengan sebab seorang Ahli Pembangkang membuat bangkangan dan memperkecilkan hati Ahli-ahli

Dewan Negara ini, kita pula di sini marah kepada sekalian Ahli Dewan Rakyat, itu tidak kena pada tempatnya. Saya ingat saya telah menjawab desakan Ahli-ahli Pembangkang bahawa bilakah Kerajaan hendak meminda Perlembagaan dan hendak menghapuskan terus yakni adakan satu Dewan sahaja, tidak payah lagi adakan Dewan Negara, membazir, tetapi saya tolak desakan itu.

Yang keduanya, bilakah Kerajaan hendak adakan iaitu mengikut Perlembagaan semua Ahli Dewan Negara diadakan pilihan dan bukan lagi dilantik. Jawapan saya, kita belum hendak mengubah, kerana yang memerintah ini ialah Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat, esok bila mereka mendapat kuasa, bolehlah buat dan ubah. Tetapi buat masa ini Kerajaan berpendapat adalah mustahak dan patut diadakan Dewan Negara sebagai penapis kepada Bill-bill yang datang daripada Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Tuan Abdul Samad bin Osman pula ada membawa perkara presentation; saya tidak faham sangat cakupannya, perkara itu tidak timbul langsung. Kerana Dewan ini pun boleh membawa Undang-undang, kemudian dibawa kepada Dewan Rakyat untuk diluluskan. Bukan undang-undang itu mesti dibawa dahulu kepada Lower House, bila-bila masa boleh dibawa dari Dewan Negara ke Dewan Rakyat, tinggal lagi tidak ada yang dibawa. Dewan ini juga boleh membawa undang-undang perebet, private Bill. Perkara presentation itu tidak timbul.

Berkenaan dengan ketetapan menetapkan clauln bukanlah Dewan Rakyat, tetapi Kerajaan yang mengesyor dan menetapkan, Dewan itu meluluskan sahaja. Perkara itu tidak timbul.

Berkenaan dengan tambang kapalterbang. Ini satu perkara yang dibangkitkan dan perkara ini akan saya bawa kepada Kerajaan untuk ditimbang supaya diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua-dua Dewan khasnya semasa melawat keluar negeri atau rombongan pergi keluar negeri dalam persidangan antarabangsa dan lain-lain tambang kapalterbang itu diberi Kelas Pertama bukan Kelas Ekonomi sebagaimana yang diberikan sekarang, kerana Kelas Ekonomi itu diberi kepada Pegawai-pegawai Kerajaan. Ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili sesebuah Negara. Ada saya

dengar seorang Ahli Berhormat berkata bila tiba ke negeri itu, dia tengok ramainya rombongan menyambut melalui pintu depan. Semuanya lari minta izin hendak keluar dari pintu depan, kalau hendak keluar daripada pintu belakang, tidak ada orang menyambut, mereka menyambut daripada pintu depan. Mereka tidak sangka Ahli-ahli Yang Berhormat kita semua turun dari pintu belakang. Tidak ada yang keluar daripada pintu depan. Ini pun satu perkara yang saya fikir mengikut peraturan dan akan saya bawa kepada Kerajaan untuk menimbangkannya.

Yang susah sedikit ialah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak yang berulang alik ke mari, ini besar perbelanjaan dan ramai pula orangnya, barangkali saya rasa ini susah sedikit dan terpaksa menggunakan second class. Tetapi untuk mesyuarat di luar negeri, adalah perkara yang besar. Yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Dewan Negara hendak meninggikan taraf, itu betul barangkali bukan soal gaji yang hendak disamakan. Perkara itu saya akan kemukakan kepada Kerajaan.

Perkara kapalterbang MAS. Walaupun perkara ini perkara lain, sungguhpun begitu kita akan ambil ingatan, jikalau betul ianya berlaku bukan sahaja kepada Puan Siti Fatimah seorang tetapi sesiapa sekalipun apabila sudah membayar tambang Kelas Pertama maka mereka berhak duduk Kelas Pertama, kalau tidak dia mesti bayar balik wang yang sudah dibayar. Kalau sudah duduk di tempat Kelas Pertama, tidak siapa boleh mengalihkan kita daripada tempat itu walaupun Menteri. Ini memang tidak patut kalau berlaku perkara itu dan saya percaya apa yang dicakapkan itu memang berlaku, kalau tidak, dia tidak akan membawanya ke Dewan ini.

Saya tidak lupa menjawab pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah yang membangkitkan soal dasar mengapa tidak membenarkan seorang Ahli yang meninggal dunia mendapat dua benefits. Ini ialah Treasury telah mengemukakan kepada Kerajaan untuk menimbangkannya dan Kerajaan telah menetapkan hal itu, kerana kalau kita pandang dari segi ini mula-mula dahulu Ahli-ahli Yang Berhormat memang tidak ada pencen. Maka timbul satu perkara kalau dalam menjalankan tugas sebagai

Ahli Yang Berhormat, bukan kerana lain, samada dalam berjalan atau dalam kawasan-nya, maka dia meninggal dunia disebabkan kemalangan, bukannya mati dengan lemah jantung atau sakit-sakit lain, perkara ini patutlah diberi ganjaran. Masa dahulu tidak ada pencen, dan sekarang kita buat undang-undang pencen, dan saya kemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri samada hendak tarik balik yang satu ini, kerana sekarang sudah ada undang-undang-nya. Tetapi kita memikirkan kalau Ahli itu belum cukup sembilan tahun, misalnya, baru berkhidmat setahun mati kena hempap kayu kerana hari itu ribut semasa melawat kawasannya, atau dalam perjalanan motor-ke Mesyuarat Parlimen, beliau tidak dapat apa-apa, cuma dapat bonos sahaja, maka kecil sangatlah ganjaran itu. Oleh itu, kita jangan tarik undang-undang yang lama itu, biarlah berjalan kuatkuasanya. Tetapi bagi Ahli yang berkhidmat lebih sembilan tahun kiranya dapat dua benefits akan membebankan negara dan rakyat, kerana bayaran itu besar. Kerajaan telahpun menimbang dengan sehalus-halusnya dalam perkara ini tidak boleh seseorang itu mendapat dua benefits. Bagi kakitangan Kerajaan pun begitu juga. Misalnya, dalam kemalangan kapalterbang atau lain-lainnya ada juga bayaran, tetapi satu sahaja yang akan diterima. Kerajaan telah menimbang perkara ini dan memutuskan adalah tidak patut dan tidak adil kalau dia dapat kedua-duanya. Mereka boleh dipilih satu-satu daripadanya. Ini keputusan dan polisi Kerajaan bukan atas prinsip yang lain sebab memandangkan dari segi kewangan.

Itulah sahaja yang dapat saya huraikan. Kalau ada yang tertinggal saya minta maaf, tetapi akan diambil ingatan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 2—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di bawah Fasal 2 muka surat 4

iaitu berkenaan dengan “Pencen bagi orang-orang tanggungan Anggota yang mati semasa masih lagi menjadi Anggota.”

Tuan Pengerusi, kita tadi telah mendengar Yang Berhormat Senator Puan Rafidah telah membangkitkan satu perkara dan telahpun dijawab dengan diberi jaminan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kita. Saya mempunyai perkara yang lain dalam masaalah yang sama, iaitu bukan sahaja dari segi perkataan (nomenclature) balu itu bolehkah digunakan bagi suami jikalau Anggota itu isteri ataupun sebaliknya, tetapi perkataan tanggungan itu sendiri. Ini akan berbangkit apabila kita luluskan sebuah Rang Undang-undang yang saya percaya tidak lama lagi akan diluluskan berkenaan Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian orang-orang Bukan Islam. Di dalam Undang-undang itu akan berbangkit legal personality, siapa dia yang dikatakan suami dan siapa dia yang dikatakan isteri. Walaupun akan bertambah lagi rumit, Tuan Pengerusi, apabila undang-undang itu tidak termasuk orang-orang Islam. Jadi perkataan tanggungan bagi seseorang Anggota itu akan terbuka kepada bermacam-macam cabaran. Misalnya, yang kita tahu secara biasa, bukan secara undang-undang iaitu isteri tanggungan suami. Tetapi kita belum dengar lagi orang mengatakan suami itu tanggungan isteri, dan mungkin isteri tidak mahu mengatakan tanggungan kecuali apabila mati. Masa hidup dia tidak hendak tanggung. Saya cukup baik dengan isteri saya, tetapi kalau ada apa-apa hal dia kata saya tanggungan tuan, bukan tuan tanggungan saya. Ini berlaku di ketika suasana yang baik, tetapi dari segi undang-undang Islam yang menanggung itu ialah suami. Jadi, bagaimana kalau kita hendak samakan satu undang-undang yang akan dikenakan kepada orang Islam dan bukan Islam hendak mengatakan suami tanggungan isteri. Bagaimana pula hukum dari segi religious value.

Tuan Pengerusi, tambahan pula Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian Orang-orang Bukan Islam yang akan kita luluskan ini terkena banyak lagi ugama iaitu Ugama Brahman, Bahai dan bermacam-macam lagi yang kesemuanya itu akan mengemukakan takrif tanggungan kepada suami-isteri itu berlainan. Ini akan terdedah kepada bermacam-macam challenge lagi.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan atau mengemukakan kepada Kerajaan dan merayu supaya kita bersabarlah supaya Rang Undang-undang ini kita tangguhkan dan kita hantar balik kepada Dewan Rakyat dan bukan sahaja kita betulkan tentang angka-angka (amount) yang dikatakan, dipertikalkan tadi tetapi takrifnya amat besar. Ditakdirkannya kita meluluskan dan kita menunggu janji-janji yang kita kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Ini saya amat bimbang, kalau Rang Undang-undang ini diluluskan tentulah tidak boleh dikemukakan dalam masa setahun, dua tahun lagi anything can happen. Kalau orang lain memerintah mana kita hendak cari Peguam Negara yang kedua-duanya baik yang semacam ini, jadi mereka tidak akan meminda perkara ini. Kalau parti saya memerintah, barangkali saya kena fikir dua tiga kali hendak meminda undang-undang ini. Semuanya ini membawa kelambatan. Jadi daripada kita menunggu lebih lambat, kita boleh bersabar ke atas Rang Undang-undang ini dan kita akan kemukakan dan serahkan balik kepada Dewan Rendah, bukan sahaja angka tadi tetapi tentang takrif tanggungan ini amat merbahaya. Bahayanya cuma Peguam Negara kita tidak mengakui sahaja, tetapi dia mengakui bahawa dia hendak semak balik. Ini bukan masalah tengok, masalah kita ternampak terang, bukan tanggungan ini tidak patut di jadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang ini. Saya mengeluarkan fikran ini dan saya merayu kepada Kerajaan supaya ditolak Rang Undang-undang ini dan diberi balik kepada Dewan Rendah.

5.32 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, bagi menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat itu yang pertamanya saya tidak bersetuju hendak ditolak Rang Undang-undang ini. Pandangan itu boleh diterima, tetapi saya menerangkan di sini bahawa ini adalah di atas principle, prinsipnya telah keluar iaitu yang kita hendak beri kalau seseorang itu mati ialah tanggungannya. Kalau tidak ada tanggungannya dengan lain-lain waris, soal pencen tidak timbul hendak diberi kepada sesiapa. Ini adalah terang dan nyata bahawa tanggungan itu ialah dependant dan yang lain itu janganlah dipandang dari segi kita sebagai orang Islam khususnya kalau orang itu dependant, tanggungan itu ialah nafkah, bila nafkah itu

isteri, tidak pernah di dengar nafkah zahir oleh seseorang itu ditanggung oleh isteri dan memanglah dari segi Islam tidak timbul. Kalau tidak mulalah bercerai, suami boleh dapat nafkah. Di sini tanggungannya ialah dependant sebagaimana disebutkan di dalam Undang-undang ini, tanggungan sebagaimana yang diputuskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini takrifnya bahawa Yang di-Pertuan Agong akan membuat rules atau regulations yang memutuskan sesiapa dia tanggungan-tanggungan itu, samada dikatakan suaminya tidak berupaya mencari nafkah, tidak ada orang yang lain menanggungnya selama masa hidupnya yang mengharapkan ke atas isteri yang menolongnya kerana dia sakit di rumah, itu bermakna sebagai orang tanggungan. Ianya adalah terang dan nyata. Tetapi tidaklah akan timbul dengan sebab masalah perkataan "tanggungan" itu pula kita kena bawa Undang-undang Islam berkenaan dengan tanggungan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Saya tidak nampak perkataan lain daripada tanggungan ini yang saya hendak bawakan balik pada masa akan datang. Ini hendaklah difikirkan dengan sehalus-halusnya samada kita hendak beri benefit ini kepada tanggungan itu, atau kalau seseorang itu telah mendapat hak pencen sampai 12½ tahun maka itu adalah hak dia, maka dia meninggal dan bakinya itu adakah patut diberi sebagai hak kepada waris-waris yang tinggal atau samada isterinya, suaminya kaya atau miskin tidak dikira, atau khususnya hendak diberikan kalau ada dependant, orang yang ditanggung berkehendakkan tanggungan. Kalau tidak ada pencen, tidak cukup makan—itu dia prinsipnya. Maka itulah sebabnya perkara itu timbul, dengan sebab Undang-undang lama itu, ikutannya bahawa balu yakni isteri, di situlah yang akan timbul kerana ada kalanya suami pun boleh jadi orang tanggungan. Itulah perkara yang saya katakan tadi saya hendak selidiki.

Berkenaan hendak kita tangguhkan perkara ini, saya fikir tidak patut sebab kita boleh meluluskan perkara ini supaya sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat benefit dan arrears kebelakangan supaya berjalan dahulu, kemudian kita boleh bawa dalam mesyuarat yang akan datang 3 bulan lagi, atau 6 bulan lagi untuk dipinda perkara ini. Kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju

hendak tangguhkan perkara ini, itu terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat, tetapi perkara ini tidak dapat berjalan; Dewan Rakyat tidak berjalan, Dewan Negara pun tidak berjalan dan kalau ada kematian berlaku, pencennya tidak berjalan—saya serahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, “kepada saya” tidak apalah kalau saya dikalahkan dalam perbahasan ini, tetapi saya rasa amatlah dukacita dikalahkan dengan hujjah-hujjah yang menakut-nakutkan dan yang tidak adil iaitu misalnya kalau kita mati apa kita hendak buat. Ertinya kita tidak dapat benefit daripada imbuhan ini.

Biasanya, boleh kita kebelakangan hari-bulan itu. Apakah salahnya, misalnya kalau seorang itu mati kita katakan kuatkuasa ini berlaku di hari Dewan pada hari itu ber-sidang bukan tidak boleh. Jadi saya di kalahkan dalam Dewan ini dengan cara yang menakut-nakutkan, ertinya tidak

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya pulangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada ini supaya mengundi atas cadangan itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya berterima kasih. Tetapi yang saya tidak mahu dalam Dewan ini janganlah ada suatu kuasa mengalahkan orang dengan cara yang menakut-nakutkan hendak deprive the fundamental right dalam Dewan ini, itu saya tidak mahu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya rasa itu tidak timbul, cuma seorang Ahli Yang Berhormat sahabat saya itu sahaja berasa perasaan menakut-nakutkan (*Ketawa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI-RAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.36 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Peruntukan Di-Raja (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab jarang-jarang Undang-undang yang semacam ini kita bahaskan di dalam Parlimen atau kedua-dua Dewan kerana Peruntukan Di-Raja, maka saya fikir biarlah saya menerangkan seberapa lanjut, yang luas kepada Dewan ini.

Mengikut Fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan Undang-undang memperuntukkan suatu peruntukan di-Raja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar annuity kepada Raja Permaisuri Agong dan peruntukan Di-Raja itu hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam kuasa Yang di-Pertuan Agong selama memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan Fasal 35 (1) Perlembagaan itu maka satu Ordinan Peruntukan Di-Raja No. 70 Tahun 1957 (Civil List Ordinance No. 70, 1957) telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Jadual Pertama kepada Undang-undang itu telah tiga kali dipinda dan peruntukan yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama itu pada masa ini adalah seperti berikut:

KELAS I Peruntukan Di-Raja \$264,000
 KELAS II Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana \$409,400
 KELAS III Perbelanjaan Istana \$188,600
 KELAS IV Kurniaan Di-Raja \$8,000.

Berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut itu sukalah saya menerangkan seperti berikut:

Peruntukan bagi KELAS I ialah untuk gaji dan elaun keraian bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, peruntukan tahunan sebanyak \$264,000 yang telah diluluskan semenjak Januari tahun 1964, telah didapati tidak mencukupi disebabkan oleh kenaikan harga barang, terutamanya dalam

masa setahun dua ini. Tambahan yang diminta sekarang ialah sebanyak \$24,000 sahaja bagi perbelanjaan keraian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menjadi \$60,000 setahun.

Peruntukan bagi KELAS II ialah untuk gaji dan elaun kakitangan istana. Peruntukan tahunan sebanyak \$409,400 yang telah diluluskan semenjak 1 Januari tahun 1972, untuk tujuan itu telah didapati tidak mencukupi untuk menemui pembayaran Bonos-bonos, Elaun Bantuan Khas kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang menerima gaji sebanyak \$500 sebulan dan ke bawah dan juga untuk membayar gaji bagi seorang Kerani tambahan dan seorang Jurutaip Tingkatan I yang telah diluluskan mulai daripada tahun 1974. Tambahan yang dikehendaki sekarang bagi menampung kekurangan \$44,600.

KELAS III—Perbelanjaan Istana. Peruntukan ini untuk perbelanjaan sehari-hari bagi menemui kewajipan-kewajipan Istana. Peruntukan tahunan sebanyak \$188,600 yang telah diluluskan semenjak tahun 1971 telah juga didapati tidak mencukupi bagi menemui perbelanjaan letrik, air, minyak petrol, penyenggaraan pesawat hawadingin, pakaian seragam, penyenggaraan kenderaan, bayaran bil talipon, perbelanjaan cap-mengecap, perbelanjaan alatulis, penyelenggaraan dan penggantian perabut-perabut Istana dan lain-lain lagi. Harga barang-barang tersebut telah meningkat naik dalam setahun dua ini. Tambahan yang dikehendaki ialah \$11,400.

KELAS IV—Kurniaan di-Raja. Peruntukan bagi KELAS IV ini ialah untuk pembayaran ampun kurnia kepada masjid-masjid, badan-badan sukarela dan rumah kanak-kanak. Peruntukan setahun sebanyak \$8,000 yang telah diluluskan semenjak tahun 1971 inipun tidak cukup dan meningkat naik. Tambahan yang dikehendaki ialah \$7,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.43 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Bill ini, saya hendak bercakap sepatah dua mudah-mudahan mendapat

pandangan daripada Yang Berhormat Menteri dan pihak yang berkenaan. Peruntukan yang ditetapkan ini kita dengan segala hormatnya dan Dewan ini dengan sukacitanya menyokong. Apa yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai Kementerian yang bertanggungjawab bagi meneliti dan menengok keadaan Istana Negara.

Pada masa ini, Istana Negara tempat kediaman Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diletakkan di bawah Kementerian yang menengok dan memerhatikan keindahan, kecantikan istana itu. Saya telah bercakap di dalam Dewan ini beberapa kali dan juga dalam Dewan Rakyat. Tetapi pada hari ini kesempatan itu masih ada, maka saya mengambil peluang ini walaupun Bill ini pada kali yang pertama dirujukkan atau dibentangkan di Dewan ini untuk diluluskan secara Rang Undang-undang. Apa yang saya maksudkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah tempat keluhuran taat setia kita dan hendaknya sebarang perkara yang diperletakkan haruslah sesuai dengan kedudukan tinggi mengikut Perlembagaan.

Pada hari ini, kalau seorang yang baru datang daripada luar Malaysia tentulah tempat yang paling menarik bila melawat bandar Kuala Lumpur ini ialah hendak melihat keindahan tempat tinggal ataupun semayam tempat Raja pemerintah yang berperlembagaan dalam negara kita ini. Begitu juga kalau kita pergi ke England, kita suka hendak menengok dan menyaksikan Istana Buckingham sekali pun di luar pagar ataupun di jalanraya yang penuh sesak dengan kereta.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Inggeris sendiri bukan sahaja menengok Istana Buckingham, tetapi kalau dapat peluang menyaksikan Ratu Inggeris itu keluar menunjuk diri di beranda Istana Buckingham itu, beribu orang Inggeris sendiri yang menanti dan mensifatkan sebagai satu pandangan yang indah. Kerana orang Inggeris ialah satu hangsa yang suka mengamalkan perkara tradisional termasuk menyimpan barang-barang purba. Bagi kita pun tidak kurang juga. Mengikut sejarah negara kita ini, ketaatan ataupun kemuliaan yang kita lakukan, kalau tidak lebih daripada apa yang dibuat oleh rakyat British, maka tidak kurang juga dalam negeri kita. Akan tetapi sekarang ini jikalau kita datang dari Kuala

Lumpur menghalai jalan ke Kelang, kita nampak mercu Istana Negara dan di sanalah tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong iaitu tempat yang akan diletakkan ke taatsetiaan rakyat negeri ini semua. Yang saya suka hendak membangkitkan perkara ini walaupun kecil, tetapi besar artinya kepada saya iaitu keadaan pagar Istana Negara itu sendiri. Pagarnya masih dekat dengan batang jati yang dua tiga pemelok tumbuh di tepi jalanraya itu. Pagarnya masih pagar besi yang sepatutnya pagar itu sudah tidak ada, tetapi oleh sebab barangkali kita kurang melintas jalan di situ, kita telah terlupa atau ketinggalan daripada memerhatinya.

Saya merayu kepada Majlis ini, seimbang pada tempat yang kita letakkan kesetiaan kita sebagai rakyat negeri ini, apalah kiranya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya pagar-pagar itu diganti, diperelokkan seimbang dengan mercu ketinggian.

Pada rakyat di luar negeri yang datang ke negeri ini, ini menjadi satu ilham. Satu perkara yang menjadi ingatan jikalau mereka kembali ke negeri masing-masing sebagaimana yang saya katakan tadi kalau seorang pelawat melawat England, tempat yang perlu dilawati itu ialah Istana Buckingham, samalah juga dengan negara kita. Perkara ini kecil, tetapi kadang-kadang perkara yang kecil ini ketinggalan kita memperbaikinya. Saya merayu bahawasanya kawasan itu hendaklah diperhiaskan, dipercantikan, diperelokkan seimbang dengan ketinggian, kemercuan dan ketinggian darjat satu-satu negara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil ingatan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAF-TARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang-undang bersangkutan dengan pendaftaran kelahiran dan kematian terkandung dalam Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 bagi Semenanjung Malaysia. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sarawak (Bab 10) bagi Negeri-negeri Sarawak dan Sabah (Bab 123) bagi Negeri Sabah. Ordinan-ordinan yang tersebut itu meliputi bagi pendaftaran kelahiran dan kematian yang terjadi dalam Wilayah Malaysia sahaja.

Tiap-tiap tahun sewaktu jemaah-jemaah haji menunaikan Fardu Haji ada berlaku beberapa kematian dan kelahiran samada dalam perjalanan ke Hidjaz sendiri ataupun dalam perjalanan balik ke Malaysia.

Pada masa yang sudah-sudah sijil-sijil kematian atau kelahiran dikeluarkan oleh Kapten-kapten Kapal Haji ataupun oleh pihak berkuasa Saudi Arabia. Perkara ini tidaklah berjalan dengan memuaskan oleh kerana kekecewaan ataupun kegagalan mereka yang naik Haji itu sendiri untuk melapurkan berlakunya kematian atau kelahiran kepada pihak-pihak yang berkenaan. Dengan demikian apabila mereka itu telah kembali ke Malaysia baharulah mereka sedar tentang perlunya sijil-sijil tersebut untuk kegunaan penyelesaian harta pesaka, pendaftaran persekolahan, mendapatkan kerakyatan dan sebagainya. Berikutan dengan keadaan yang tidak memuaskan seperti yang telah saya nyatakan itu maka Kerajaan telah membuat keputusan untuk

mengemukakan satu undang-undang menambah peruntukan yang ada sekarang untuk membolehkan pendaftaran kelahiran dan kematian bagi mereka yang menunaikan Fardu Haji itu.

Rang Undang-undang ini memberi peruntukan seperti berikut:

- (a) Memperuntukkan pendaftaran kelahiran dan kematian rakyat Malaysia yang sedang menunaikan Haji;
- (b) Menentukan orang-orang yang berkelayakan memberi maklumat kepada Pendaftaran untuk kegunaan Pendaftaran seperti dinyatakan di Fasal 5;
- (c) Menetapkan cara-cara penyimpanan rekod-rekod mengenai kelahiran dan kematian.

Untuk makluman mulai pada musim Haji tahun ini pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun menghantar seorang pegawai menyertai rombongan pegawai-pegawai daripada Tabung Haji untuk menjalankan tugas-tugas yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini. Memandangkan mustahaknya sijil kelahiran dan kematian seseorang rakyat Malaysia itu bagi kegunaan yang tertentu itu maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengadakan kemudahan yang sesuai supaya mereka yang menunaikan Fardu Haji itu tidak akan menghadapi masaalah-masaalah tersebut kemudian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.55 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua saya bangun mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana membawa satu Bill berkenaan dengan Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, kerana pada pendapat saya ini adalah satu perkara yang baik dan sudah patut undang-undang yang lama dimansuhkan. Perkara ini banyak orang ramai tidak mengambil berat berkenaan dengan kelahiran anak-anak mereka yang kebanyakannya terdiri dari orang bukan Melayu khasnya orang India kerana selama saya menjadi Senator banyak orang-orang ini meminta pertolongan saya.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak mendapat tahu dari Kerajaan bagaimana pula seseorang warganegara Malaysia yang isterinya pun warganegara Malaysia balik ke negeri asalnya melawat atau menetap buat selama-lamanya; sebelum pergi itu isterinya hamil dan sampai ke negeri asal itu dia bersalin. Siapakah yang akan mengesahkan pendaftaran anak itu? Memadakah dengan isteri itu memberitahu suaminya dengan surat menyatakan ia sudah bersalin dan suami mendaftarkan di Pejabat Polis di sini. Kalau itu dibenarkan dengan tiada surat jaminan dari Duta kita di negeri itu banyak orang yang akan menipu Kerajaan kita, kerana pada masa ini banyak rakyat kita isterinya balik ke negeri asalnya beranak tiap-tiap tahun dan akhirnya anak-anak itupun mendapat Kad Pengenalan Biru, sebab mereka ada didaftarkan oleh bapanya di sini. Saya suka mendapat penjelasan tentang hal ini.

Satu perkara lagi yang banyak berlaku berkenaan dengan ejaan yang tak betul antara surat beranak dan kad pengenalan, nama tak sama, di surat beranak lain dan di kad pengenalan lain. Kesalahan ini kebanyakannya dibuat oleh kerani-kerani yang bertugas, maka dengan kesilapan ini beberapa kesusahan telah timbul, orang itu terpaksa mengambil sumpah keluar belanja dan menunggu pula berbulan-bulan baru dapat. Ini menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kelahiran dan kematian bagi orang-orang yang menunaikan fardu haji itu pula sangat mustahak dan dengan adanya Bill ini akan menyenangkan orang-orang yang menunaikan fardu haji, tetapi masanya sangat singkat. Kalau kita baca perenggan 4 (1) kematian dalam tempoh 7 hari dan kelahiran dalam tempoh 14 hari. Ini tak cukup. Saya suka ianya dipinda dalam tempoh satu bulan bagi kedua-duanya, samada kelahiran dan kematian.

Itulah sahaja pandangan saya pada Bill ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

5.58 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi saya ingin menarik perhatian pihak Peguam Negara tentang Undang-undang ini sendiri.

Di ketika kita membahaskan Ucapan Titah Di-Raja telah berbangkit satu perkara iaitu ketinggalan di dalam naskah Inggeris dan Dewan ini telah diberitahu oleh Peguam Negara iaitu naskah Inggeris itu semata-mata terjemahan, yang validnya ialah di dalam Bahasa Kebangsaan. Saya mengambil fahaman bahawa Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini pun ialah dibuat dalam Bahasa Kebangsaan dan naskah Inggeris itu sebagai terjemahan. Jadi kalau ini pengambilannya betul, saya hendak proceed bercakap, jikalau tidak, no point saya hendak bercakap. Saya minta Peguam Negara tolong bercakap sepatutnya dalam perkara ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya fikir boleh jadi undang-undang ini yang sahinya yang dalam bahasa Inggeris, terjemahannya dalam bahasa Malaysia. Saya tak berani beri jaminan yang mana yang sah undang-undang ini, tetapi biasanya undang-undang yang ada ini yang sah masa ini, sebab dibimbangkan dalam Bahasa Kebangsaan itu belum berapa pakar lagi orang yang menterjemahnya, jadi masih lagi dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kalau ada teguran-teguran dalam Bahasa Kebangsaan itu memang patut Yang Berhormat bawa supaya diperbetulkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, meskipun saya berhak menegur, tetapi tentulah saya tidak begitu mengambil advantage hendak menegur, kerana saya layman, tetapi apabila Yang Berhormat Peguam Negara sendiri tak tahu yang mana satu yang sah, ini satu cerita yang cukup seronok dalam Dewan ini, Kerajaan berani mengemukakan satu Rang Undang-undang yang wakilnya berjawatan Peguam Negara tak tahu yang mana satu yang sah. Jadi yang kita hendak bahaskan di atas apa? Jawatan ini patut di abolishkan atau jangan diadakan dalam Kerajaan kita. Yang saya hendak tanya ini sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau di abolishkan pun personal Yang Berhormat Peguam Negara kita ini kita kehendaki ada juga dalam Dewan ini, kalau beliau tak ada sayalah orang yang paling susah hati sekali. Tuan Yang di-Pertua, katakanlah yang mana satu, saya sanggup mengatakan yang dalam Bahasa Kebangsaannya yang sah dan sanggup juga menerima yang dalam bahasa Inggerisnya yang sah, dan yang mana satu

juga yang Peguam Negara berpegang, maka beliau berpegang di hujung pisau, bukan di hulu.

Saya boleh tunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau terjemahan mengapa di dalam interpretation di sini, iaitu di dalam Fasal 2, Tafsiran (Interpretation) itu "buku lapuran", manakala di dalam bahasa Inggerisnya "certificate"—sijil. Yang kedua "daftar", manakala dalam bahasa Inggerisnya "Minister". Dahulunya selalu kita katakan sebab kita mengikut abjad (alphabetical). Itu kalau sekiranya undang-undang itu dibuat secara masing-masing (independent), tetapi yang ini terjemahan. Bila terjemahan kita tidak peduli huruf apa pun, kalau sekiranya bahasa Melayu kata "buku", dalam bahasa Inggeris kata "book", dia tak pedulikan huruf abjad itu. Jadi, itu bukan terjemahan. Kalau berpegang yang bahasa Inggeris pun teruk, Yang Berhormat Peguam Negara itu, pegang yang bahasa Melayu pun teruk, dan yang lebih teruknya Yang Berhormat Peguam Negara kita ini begitu berani sanggup mengatakan bill yang beliau sendiri tak tahu yang mana satu yang sah. Ini menyebabkan saya tak dapat hendak proceed lagi ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, kecuali Peguam Negara kita sanggup mengatakan yang mana yang sah.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan di-Pertua, saya suka kata di sini sebetulnya baru seminit undang-undang ini dihantarkan kepada saya untuk mengemukakan, kerana Menteri yang berkenaan ada urusan lain. Saya dengan ikhlas bercakap di sini iaitu dengan teraba-raba menengokkan dan tak tahu barangkali kerana bukanlah semua undang-undang itu Menteri Undang-undang yang bertanggungjawab; itu terserah kepada Menteri masing-masing. Baharu dua minit Yang Berhormat Menteri berikan undang-undang ini kepada saya minta tolong saya mengemukakan. Saya bercakap dengan ikhlas di sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan maksudkan diri Peguam Negara, saya maksudkan the mover bagi pihak Kerajaan. Jadi, kebetulan kena kepada Yang Berhormat Peguam Negara, itu apa boleh buat, dan saya tentulah tak mahu melukakan hati abang saya itu, kerana Peguam Negara ini berkahwin dengan family saya tentulah tak patut, tetapi ini duty saya sebagai Member, dan saya rasa satu perkara

yang cukup malu dalam Dewan ini pihak Kerajaan berani kata Kerajaan sendiri pun tak tahu yang ini sah, yang ini tak sah. Saya rasa kita patut bermesyuarat sampai waktu subuh besok kalau macam ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, di sini kita ada Penggubal Undang-undang, berkenaan dengan takrif macam ini semua undang-undang begitu. Kalau bahasa Kebangsaan dimulakan dari perkataan “b, d, m, p,” dan lain-lain walaupun yang dalam bahasa Inggerisnya mengikut order of letter juga “c, m, r, n” dan lain-lain. Semua undang-undang ini adalah dijalankan oleh Penggubal Undang-undang di jabatan Kementerian saya, sebab dia bukan terjemah terus. Berkenaan dengan bab-bab lain, tidak, tetapi dalam undang-undang ini mengikut aturan huruf apa yang mula. Kalau “A” dalam bahasa Kebangsaan itu “A, B, C, D” sampai ke bawah. Dalam bahasa Inggerisnya begitu juga, tetapi kalau kita pandang dalam terjemahan tentulah bertelingkah, sebab ke atas dan ke bawah. Semua undang-undang dibuat begitu; ini untuk penerangan kepada Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan terjemahannya. Kalau bukan terjemahan, ertinya Rang Undang-undang ini dibuat dalam dua-dua bahasa. Kalau dalam dua bahasa yang manakah yang sah?—(*Tan Sri Abdul Kadir:* Tidak menjawab)—Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Yang Berhormat yang kerdil macam saya ini patutlah dijawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (*Kepada Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah*) Sila duduk!

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya sudah bercakap tadi iaitu dalam bahasa Inggerisnya yang sah, walaupun tak ada perkara ini, kebanyakan undang-undang mengatakan dia ada certificate dihantar di sini, saya tak jumpa certificate ini. Saya memberi jaminan di sini yang sahnya ialah dalam bahasa Inggeris, melainkan ada contrary otherwise.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Melayu ini untuk apa di sini? Kalau hendak dikatakan terjemahan bukan terjemahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sebagai terjemahan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak. Peguam Negara sudah menolak mengatakan ini bukan terjemahan. Kalau terjemahan tak boleh mengikut alphabetical. Jadi yang Bahasa Kebangsaan ini apa dia? Saya mencadangkan Dewan ini ditangguhkan, kerana pihak Kerajaan tidak dapat menjawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Elok Yang Berhormat Peguam Negara menjawab perkara ini sewaktu menggolong kelak.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya tak menjawab!

6.08 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Saya hendak menarik perhatian Fasal 4. (1) berbunyi:

“4. (1) seseorang warganegara Malaysia semasa menunaikan haji, hendaklah mendaftar kepada Pendaftar, mengenai hal kelahiran, dalam tempoh empat belas hari dari kelahiran itu, dan, mengenai hal kematian, dalam tempoh tujuh hari dari kematian itu.”

Kalau boleh pihak Kerajaan menimbangkan masa ini dilanjutkan lagi, atau setelah ianya sampai balik ke Malaysia ini yang lebih masabab. Kalau 15 hari setelah dia sampai memijak bumi Malaysia ini baru boleh, kalau sekiranya 15 hari dia dalam kapal ke mana dia hendak mendaftar? Tak tahulah kalau pihak Kerajaan melantik Pegawai Pendaftar Mati dan Beranak dalam kapal ataupun melantik Pegawai Pendaftar Mati dan Beranak di tanah Mekah di sana. Kalau hendak lantik itu rasa saya sulit juga kita hendak menyimpannya kerana keadaan di Mekah sana.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebetulnya setelah sampai 15 hari, bukan dalam perjalanan.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Setelah sampai. Kalau sudah sampai, terima kasih.

6.09 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan ini dan

saya suka membawa untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai kelemahan-kelemahan Jabatan Beranak dan Mati di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang apabila satu-satu permohonan dibuat untuk mengadakan Kad Pengenalan yang baru atau mengadakan Sijil Warganegara Malaysia, Jabatan itu mengambil salinan yang pertama, original copies of Surat Beranak dan surat-surat kewarganegaraan ibu-bapa dan dihantarkan ke Ibu Pejabat Kuala Lumpur dan ditahan dua-tiga tahun, kadang-kadang empat tahun dan banyak kali dalam masa pos dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur surat yang mustahak ini telahpun didapati hilang. Pada satu hari saya ada di Jabatan Beranak dan Mati di Pulau Pinang, ada seorang China berjumpa dengan Pengarah Beranak dan Mati bertanya bagaimana surat beranak yang hilang itu.

Pengarah itu menjawab, "Saya akan ambil perhatian". Saya sendiri bertanya kepada orang China itu berapa lama surat beranak awak telah hilang. Dia kata, "Yang Berhormat, surat beranak saya telah hilang lebih kurang tiga tahun dan saya datang beratus-ratus kali surat itu belum dapat balik".

Saya minta serta merayu kepada Kerajaan supaya jangan mengambil surat yang pertama, cuma kita patut mengambil photostat copies untuk langkah-langkah yang patut kita mengambil dan juga waktu ditahan surat-surat beranak dan sijil warganegaraan ibu-bapa semasa hendak mencari kerja atau lain-lain terlampau susah dan tidak dapat apa-apa peluang.

Itu sahajalah saya bawa untuk perhatian Menteri yang berkenaan.

6.12 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Ahli Yang Berhormat yang akhir itu telah bercakap berkenaan dengan kerakyatan dan pendaftaran. Kita bawa undang-undang ini khas kerana kesesuaian undang-undang peruntukan khas orang naik Haji. Oleh sebab itu, tidak payahlah saya jawab perkara itu, oleh kerana itu luar daripada perkara yang kita bahaskan ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Yaacob membawa satu perkara yang besar. Saya tidak tahulah perkara ini samada betul

berlaku. Tetapi kalau betul berlaku: pergi ke luar negeri berdua-dua buat anak banyak-banyak, hantar ke mari, didaftarkan pula, anak itu anak dia atau anak orang kita tidak tahu, itu membahayakan negara. Yang saya tahu kerana saya berpengalaman, cucu saya sendiri ada di luar negeri, bila beranak di sana hendaklah mereka merepot. Bila tiba sahaja di negeri orang hendaklah rakyat negeri kita merepotkan dirinya kepada wakil kita di negeri itu. Itu mustahak. Kalau ada beranak, hendaklah dia merepot dengan isterinya di Pejabat wakil kita yang ada di luar negeri dan diregister di situ serupalah juga sebagaimana diregister di dalam negeri kita. Tetapi kalau suami-isteri pergi ke luar negeri, beranak di sana tiba-tiba dengan tidak tahu orang di sana, bapa saudara atau orang lain merepot di Pejabat Polis, kalau berlaku perkara itu memanglah perkara itu tidak betul dan merbahaya bagi keselamatan negara kita.

Itulah yang dapat saya jawab berkenaan dengan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Yaacob dalam Dewan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*

Fasal 1 hingga 13—

Tuan Haji Abdul Rahim bin Manan: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan lagi sekali kerana dalam Fasal 4 (1) ini saya masih ragu-ragu kerana Tuan Pengerusi mengatakan tadi telah sampai di Malaysia, tetapi dalam ayat ini cukup terang" dalam tempoh empat belas hari dari kelahiran itu," Bererti, kalau dia lahir di Mekah tempah perjalanannya pergi balik dengan kapal yang pertama, tidak kurang enam puluh hari baru boleh dia mendaftar di sini. Kalau dia hendak mendaftar di sana kepada Pendaftar yang dilantik oleh Pendaftar Besar, adakah Pendaftar ini dilantik. Jadi, manakala dijalankan undang-undang ini, saya minta pihak yang berkenaan

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.30. ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengambil bahagian sedikit sahaja di dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang ini. Sungguhpun peruntukan baharu itu adalah satu peruntukan yang baik, kerana ia membolehkan pemegang-pemegang Amanah melaburkan dalam pelaburan yang mana Kerajaan memberi jaminan. Oleh sebab yang demikian, saya percaya dengan pindaan yang dibuat itu, maka bukan sahaja projek-projek Kerajaan senang mendapat sambutan dari segi pelaburannya, tetapi juga membolehkan Pemegang-pemegang Amanah yang biasanya tidak mahu atau tidak berkenan hendak melaburkan dalam projek-projek Kerajaan, maka dengan adanya pindaan ini di sisi undang-undang bolehlah mereka berbuat demikian. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan pada 26hb Jun, 1974 dan mengapakah yang menyebabkan Kerajaan membawa balik tarikh itu pada tarikh yang tertentu iaitu pada 26hb Jun, 1974.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin atas pandangannya. Tentang penjelasan yang dimintanya itu saya berkehendakkan notis untuk mendapatkan sedikit maklumat daripada Pemegang Amanah Raya, kerana saya tidak ada maklumat berkenaan dengan soalan itu. Saya akan memberitahu Yang Berhormat Senator itu kemudian kelak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, salah di bawah Fasal 2 (a) dengan menambah selepas sahaja perkataan "Federation" yang terdapat dalam perenggan (b) kepadanya perkataan-perkataan "or by the Federal Government".

Tuan Pengerusi, perkataan "Federation" boleh jadi saya baca tidak habis, tetapi saya telah refer balik kepada undang-undang ini tidak ada tafsiran "Federation" setelah negara kita menjadi Malaysia. Jadi inipun menjadi satu masaalah dalam undang-undang kita kalau kita belum tentukan apa dia perkataan yang dimaksudkan "Federation".

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini ialah kerana undang-undang yang asal bukan tahun 1965 tetapi tahun 1949 iaitu semasa Sir Henry Gurney lagi telah dibuat. Jadi Rang Undang-undang ini telah di reprint No. 10 tahun 1967 yang kita pegang sekarang ini. Yang lain ialah sudah dipalang saolah-olah tidak dipakai lagi. Kalau naskah reprint No. 10 1967 itu yang valid atau sah mengikut perkataan undang-undang, maka perkataan "Federation" ini mestilah ditakrifkan semula. Tuan Pengerusi, for the sake of argument kita terima perkataan "Federation" itu mengikut takrif sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Kalau begitu keadaannya saya minta Kerajaan memberi perhatian terhadap pindaan itu kepada perenggan baru (f) dan tidak kepada (b) tidak B sahaja. Saya minta izin, Tuan Pengerusi, hendak membaca Rang Undang-undang ini dalam lima baris supaya terang mengapa saya membawa hal ini iaitu dalam Part II, Investment, 4 (i):

"A Trustee may invest any trust fund in his hand whether at the time in a state of investment or not in a manner following:

(a) in any of the securities of the Federal Government or the Government of the State of Sabah or the State of Sarawak or of the Republic of Singapore".

Berkenaan (b) pula yang hendak dipinda ini yang hendak masukkan perkataan "or by the Federal Government" yang berbunyi:

(b) in any securities the interest on which is or shall be guaranteed by Parliament or the Federation or by the Federal Government.

memberi penjelasan secukupnya kepada jemaah kita yang menunaikan fardzu haji. Barangkali kelahiran kurang tetapi kematian biasanya banyak. Sekiranya mengikut ayat Rang Undang-undang ini, kalau lewat daripada itu pihak keluarga boleh dihukum kerana lewat mendaftarkan lebih daripada empat belas hari lahir dan lebih tujuh hari mati, perkara ini sudah tentu sulit untuk dilakukan. Kalau dia mati pada hari dia bertolak daripada Jeddah, sampai ke sini pun sudah empat belas hari. Setelah turun kapal barulah dia boleh melapurkan.

Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Pegawai-pegawai Pendaftaran yang kita adakan dalam undang-undang ini akan dilantik. Memang sebelum ada undang-undang inipun sudah ada dilantik dalam kapal haji, dalam kapal-terbang dan di Tanah Suci sana untuk memberi penerangan kepada mereka ini. Tetapi kalau kurang penerangan, saya bersetuju hendaklah memberi penerangan semasa sebelum bertolak dari kapal-terbang dan kapal laut dan dalam masa perjalanan, khususnya dalam perjalanan, khususnya dalam kapal haji supaya mereka itu tahu undang-undang ini. Kalau tidak diberitahu memang tidak patut dia itu dihukum dengan sebab tidak merepotkan perkara itu. Saya fikir perkara itu akan dijalankan, kalau tidak sia-sia buat undang-undang, tetapi cara melaksanakan tidak teraniaya orang-orang itu dan dapat pula kita laksanakan segala undang-undang dengan berkesan dan betul, pihak yang berkuasa, saya tahu pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah melantik pegawai-pegawai yang tertentu. Kalau tidak maka bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan dalam Parlimen ini iaitu undang-undang ada, tetapi cara perlaksanaannya itu tidak senonoh. Itu boleh kita hentam balik.

6.18 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya terpaksa tukar cermin mata lain, sebab Rang Undang-undang ini dibuat dalam bahasa Inggeris, dan saya pun tidak competent dalam bahasa Inggeris. Saya hendak bercakap di bawah Clause 8 (2) yang berbunyi:

“(2) The Registrar-General may before making such entry into the register make inquiries to satisfy himself that the

particulars contained in the report book are true and accurate”

Menggunakan perkataan “and” di situ.

“and shall not enter any particulars which disebelah bawah menggunakan perkataan “or”.

he is not satisfied are true or accurate,”

Jadi yang dikehendaknya ialah benar dan tepat. Tetapi kita tidak mahu benda itu benar tetapi tidak tepat. Tepat dan tidak benar pun kita tidak mahu. Jadi bagaimanakah yang di atas menggunakan “and” di bawah menggunakan “or” inipun tersilap jugakah ataupun ada apa-apa penerangan ataupun tidak tahu yang mana sahlah atau tidak. Ini yang saya minta penjelasan. Jikalau boleh saya minta pihak Kerajaan sudilah menerima sekali iaitu perkataan “or” ini gantilah dengan “and”. Itu yang saya minta, Tuan Pengerusi.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, teguran ini seperti saya kata tadi memang saya selalu mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana membawa perkara ini. Tinggal lagi beliau selalu hendak marah sahaja menengok saya padahal beliau itu sahabat saya yang ikrab. Saya cuma mengemukakan Rang Undang-undang ini. Kalau ada kesalahan yang seperti ini maka kita berhak boleh meminda dalam masa mengecap. Tetapi kalau perkataan, “true and accurate” di sebelah atas itu saya bersetuju dengannya. Tidak boleh “or”. Saya rasa berkehendakkan huruf “true and accurate”, itu kalau tidak ayat di atas itu tidak ada makna, berlainan maknanya. Saya bersetuju kita ubah perkataan “true and accurate” itu semasa mengecap pada masa akan datang kelak.

Tuan Haji C. D. Ismail: Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Peguam Negara iaitu Fasal 2. Saya hendak memperbetulkan di antara Bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris. Dalam Bahasa Malaysia dikatakan:

“perakuan” ertinya sesuatu perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 9.”

Tetapi dalam bahasa Inggerisnya:

“report book” means the report book referred to in section 6”. Yang mana satu-kah? Section 6 atau seksyen 8?

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Pengerusi, cuma cap-mengecapnya berlainan.

“buku lapuran” ertinya buku lapuran yang disebut dalam seksyen 6.” Ada di atas, tetapi sudah tersilap ke bawah. Yang ke bawah ke atas, ke atas itu ke bawah—printing error.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Inilah perkara yang saya terangkan kepada Yang Berhormat tadi, Ahli Yang Berhormat salah perasan. Ini bukan printing error ke atas ke bawah. Aturannya itu mengikut perkataan mula. “b”, “d”, “M”, “P”, “p” dalam Bahasa Malaysia. Dalam bahasa Inggerisnya: “c”, “M”, “t”, “R”, “R”, report book itu ke bawahlah perginya, tetapi dalam Bahasa Malaysia “buku—“b”, dia naik ke atas, bukan silap. Itu cara penggubalan undang-undang.

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.24 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon bahawa suatu Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Pembahagian 1958, dibaca pada kali yang kedua.

Di bawah seksyen 7 Ordinan Pembahagian, 1958, harta pesaka si mati yang tidak berwasiat dipegang di bawah amanah bagi faedah anak-anaknya yang mencapai umur dua puluh satu tahun atau yang berkahwin sebelum mencapai umur itu. Oleh kerana mengikut Akta Umur Dewasa, 1971, umur kedewasaan telah diturunkan menjadi lapan belas tahun. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 7 kepada Ordinan Pembahagian, 1958, supaya ianya seimbang dengan Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penerangan, oleh kerana Rang Undang-undang ini dalam bahasa Inggeris, perkataan “Akta Umur Dewasa.” tetapi di dalam bahasa Inggerisnya “Age of Majority Act”. “Majority” atau “Maturity”. Sebab dalam segi bahasa sudah confuse sedikit. Saya minta penerangan. Kalau “Majority” pun, saya berterima kasih.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Pengerusi, “Majority” bukan “Maturity”.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.28 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) dibacakan kali yang kedua.

Ordinan Pemegang Amanah, 1949, sebagaimana yang terdapat sekarang ini, tidak meliputi pinjaman dan sekuriti yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, pinjaman-pinjaman di bawah Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan), 1965 dan sekuriti-sekuriti yang dijamin oleh Kerajaan bukanlah pelaburan yang dibenarkan di bawah Ordinan itu. Adapun tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan Amanah melaburkan wang amanah dalam pinjaman dan sekuriti itu.

Jadi yang hendak di guaranteed itu baik Federation atau Federal Government ada dua menggunakan "or" sedangkan dalam Fasal 2, berbunyi

"(f) in loans the principal and interest on which is or shall be guaranteed by the Federal Government;"

Jadi tidak ada "Federation". Jadi, inilah menyebabkan saya membawa perhatian Kerajaan bahawa saya syak perkataan "Federation" itu masih valid lagi dan saya anggap perkara ini masih tidak valid dan sepatutnya Rang Undang-undang ini ditangguhkan dan dihantar balik kepada Dewan Rakyat. Tambahan pula pihak Peguam Negara telah tidak dapat menjawab dan minta notis apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin. Biasanya in the course of debate tak payah minta notis. Jikalau dalam boxing saya hendak tumbuk, orang itu kata nanti dulu, saya hendak bersedia, saya tidak beri. Kalau Kerajaan minta notis apa jua yang dikemukakan senang sahaja. Ahli itu buat homework, maka Kerajaan akan minta notis dahulu. Kita sudah pening kepala dan masapun sudah lewat, Kerajaan dengan senang sahaja jawab, "I need notice. Ini pun saya rasa pihak Kerajaan akan kata;" "I need notice". Kalau semua hendak notis there is no use of debating it here.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Pengerusi, dalam Perlembagaan kita Perkara 1 perkataan "Federation" ada digunakan. Dalam bahasa Inggeris "Federation" bermakna "The States of the Federation shall be (a) the States of Malaya, namely, Johor, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Selangor and Trengganu dan (b) the Borneo States, namely Sabah and Sarawak". Ini bermakna di dalam Perlembagaan kita sampai masa sekarang ada perkataan "Federation", itu tidak dihapuskan dan menggunakan perkataan itu di dalam Rang undang-undang ini adalah sah.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perhubungan, saya mohon mencadangkan supaya Akta Penerbangan Awam (Pindaan), 1974 bagi meminda Akta Peberbangan Awam, 1969 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan satu sistem pengurusan kewangan yang moden bagi lapanganterbang-lapanganterbang di Semenanjung Malaysia.

Salah satu perkara yang penting yang telah disyorkan oleh lapuran Pelan Induk, 1972 bagi lapanganterbang-lapanganterbang Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Sandakan dan Kuching ialah untuk menubuhkan sistem pengurusan akaun atau kewangan yang moden di dalam rangka pentadbiran Kerajaan.

Penubuhan self-accounting unit di Jabatan Penerbangan Awam akan mencapai tujuan mewujudkan sistem akaun perdagangan di Jabatan Penerbangan Awam. Bagi permulaan system self-accounting akan dilaksanakan di semua lapanganterbang di Semenanjung Malaysia sahaja, oleh kerana ini dapat di laksanakan di dalam jangka masa tugas juruperunding.

Adalah dicadangkan supaya unit yang berkenaan ditubuhkan di Jabatan Penerbangan Awam di dalam bulan Januari, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.42 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian sedikit sahaja dalam masaalah membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan dan di samping itu saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh pihak penerbangan kita MAS yang mana baru-baru ini kita sama-sama melihat bahawa Jabatan ini telah mendapat keuntungan yang besar dalam perkhidmatannya pada masa yang lalu. Dengan penubuhan Sistem Pengurusan Kewangan

seperti ini memang telah kena pada tempatnya, yang mana dalam Undang-undang ini juga mengatakan wang-wang itu boleh juga dibuat pelaburan-pelaburan pembangunan berhubung dengan lapangan terbang-lapangan terbang dan sebagainya. Dalam masalah ini, saya hendak menegur sedikit dalam satu dua perkara.

Yang pertama sekali berhubung dengan lapangan terbang. Dalam tahun 1974 dahulu pihak Menteri yang berkenaan dengan Jabatan ini telah membuat pengakuan hendak membesarkan Lapangan terbang Kuala Trengganu yang kemudiannya telah diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri. Tetapi malangnya sehingga tahun 1974 telah berlalu lapangan terbang itu masih tinggal sebagaimana keadaannya seperti sediakala juga. Kesusahan-kesusahan yang telah dibentangkan dalam Dewan ini berhubung dengan penumpang-penumpang kapal terbang di Trengganu telah beberapa kali saya sebutkan di sini, terutama sekali lapangan terbang itu kecil tidak mempunyai kantin, hingga kadang-kadang apabila penerbangan lewat dua tiga jam maka penumpang-penumpang yang hendak menaiki kapal terbang dan orang-orang yang menghantarnya menanggung kelaparan kerana tidak ada kantin untuk makan, minum dan sebagainya. Perkara ini saya telah bangkitkan beberapa kali di sini, jadi saya haraplah oleh kerana untung yang didapati begitu besar sekali ber-million ringgit maka dalam tahun 1975 ini pembesaran Lapangan terbang Trengganu tolonglah dijalankan sebagaimana yang telah dijanjikan itu.

Yang kedua, saya hendak membangkitkan berhubung dengan perkhidmatan di Lapangan terbang Antarabangsa Subang di Kuala Lumpur ini sendiri. Perkara ini barangkali bukan berkaitan dengan pihak Penerbangan Awam tadi, tetapi berkaitan dengan bahagian lain, iaitu berhubung dengan teksi-teksi yang menunggu penumpang-penumpang di Lapangan terbang Antarabangsa Subang itu. Kalau pada masa dahulu kita sama-sama mengetahui, kapal terbang sekarang telah menjadi sebagai satu perkhidmatan yang biasa, bukan satu perkhidmatan yang istimewa, maknanya orang biasa, orang yang sederhana yang berpendapatan kecil pun telah mula menggunakan kapal terbang, begitu juga dengan orang yang tidak mempunyai wang yang banyak. Tetapi pada

masa-masa yang akhir ini dengan sebab kenaikan tambang kapal terbang telah berlaku, bukan sahaja memberatkan penumpang-penumpang kerana tambang telah naik dengan begitu banyak sekali, iaitu kalau dahulu dari Trengganu ataupun Kelantan sampai ke Kuala Lumpur hanya \$55 itupun setelah tambangnya naik, yang sebelum daripada itu tidak sampai \$55 pun, \$55 ini hanya pada beberapa bulan yang lalu. Sekarang telah naik jadi \$122 untuk pergi dan balik.

Kemudian ditambah pula satu lagi beban iaitu pada masa dahulu kalau kita turun di Lapangan terbang Antarabangsa Subang kita dapat menaiki teksi daripada Subang ke Kuala Lumpur tambangnya lebih kurang \$6 ataupun \$6.50 dengan menggunakan teksi yang bermeter sampai ke hotel. Pada masa ini tidak jumpa lagi keadaan seperti ini, kita terpaksa kena membayar \$12. Apa sebab jadi demikian, Tuan Yang di-Pertua? Kerana teksi-teksi yang menunggu di lapangan terbang sekarang telah menukarkan keadaannya, iaitu semuanya telah menaruh hawa dingin. Yang tidak berhawa dingin sudah tidak ada lagi di Lapangan terbang Antarabangsa Subang. Jadi oleh kerana berhawa dingin inilah teksi berebut-rebut walau seorang passenger pun diambil dan mereka itu dikenakan bayaran \$12. Ini merupakan satu paksaan, hendak naik teksi yang tidak berhawa dingin tidak ada. Kalau orang yang datang daripada sana pendapatannya kecil, tentulah sangat berat bagi mereka.

Dalam masalah ini saya berharap pihak yang berkenaan kalau boleh tambahkanlah beberapa lesen teksi lagi yang tidak berhawa dingin supaya mereka juga menunggu di lapangan terbang itu supaya dapat orang memilih, yang mana yang hendak istimewa seperti kata ustazah tadi, kalau suka boleh duduk yang berhawa dingin. Kalau orang yang tidak berapa suka sejuk sangat bolehlah naik teksi yang biasa dan dapat bayaran \$6 daripada lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya nampak janggal sedikit berkenaan dengan perkhidmatan dalam kapal terbang antara Trengganu, Kelantan dan juga ke Pulau Pinang, iaitu berkenaan dengan makanan. Bagi kami orang-orang di Pantai Timur nasi dagang—nasi dagang ini pulut, kalau orang naik kapal terbang MAS pada

masa sekarang ini dari Trengganu ke Kuala Lumpur mereka akan dihidangkan dengan nasi dagang. Saya hendak menerangkan, Tuan Yang di-Pertua, bagi kami orang-orang di Trengganu dan juga Kelantan nasi dagang ini adalah makanan untuk pagi (breakfast) kerana dia mengandungi pulut. Pulut ini biasanya, barangkali doktor pun tahu, kalau makan selalu berasa lemah badan, tidak boieh maka banyak. Tetapi dalam kapal-terbang kita ini, tengahari diangkat nasi dagang—jadi ganjillah. Tidak sesuai kalau untuk orang dari Pantai Timur. Orang-orang di sebelah Kuala Lumpur ini, saya tidak tahu. Jadi, saya minta alangkah lebih eloknya makanan tengahari tadi dihidangkan dengan nasi minyak untuk mengganti nasi dagang itu, kerana nasi dagang ini kalau dimakan memang lemah badan. Kalau kita datang ke Kuala Lumpur ini badan kita sihat apabila sampai di hotel terpaksa tidur dahulu sebab makan nasi dagang.

Itulah serba-sedikit, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang besar sekali, saya harap ialah Lapanganterbang Kuala Trengganu dimulakan pada tahun ini.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mansor atas pandangannya. Berkenaan dengan Lapanganterbang Kuala Trengganu adalah dalam rancangan Kementerian untuk memajukannya dan perkembangan lapangan terbang itu beransur-ansur dilaksanakan.

Berkenaan dengan masaalah teksi, ini bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian Perhubungan, tetapi ini adalah tanggungjawab di bawah Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan, maka dengan sebab itu Kementerian ini tidaklah boleh menjawab atas hal ini, tetapi saya suka beri jaminan bahawa pandangan Yang Berhormat Senator itu akan dirujuk kepada Kementerian yang berkenaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempe-
ngerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 13 (2) Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2) dan Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan), hendaklah didahulukan daripada lain Rang Undang-undang yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 13 (2) Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2) dan Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan), hendaklah didahulukan daripada lain Rang Undang-undang yang tertera dalam Aturan Mesyuarat hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.57 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas kebenaran yang telah diberi supaya Rang Undang-undang ini dibaca dan dibahaskan terlebih dahulu daripada Undang-undang yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini. Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada pengalaman-pengalaman yang telah diperoleh semenjak Undang-undang ini dijalankan kuatkuasanya, maka Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menyemak semula Akta Kawalan Harga, 1946 dengan tujuan untuk mengemaskinikan Akta tersebut supaya masalah-masalah mengawal dan mengawasi harga dapat diatasi dengan lebih berkesan lagi. Hasil daripada semakan itu, perkara yang tidak berkenaan dan kelemahan-kelemahan seperti berikut telah terdapat:

- (a) Seksyen 13 (2) Akta adalah berkenaan dengan kuasa Pengawal Harga di dalam menentukan perniagaan borong atau runcit. Kuasa penentuan ini adalah tertakluk kepada seksyen 3 (4) sebelum seksyen itu dipinda oleh Akta A 222. Sekarang ini seksyen 3 (4) telahpun dipinda oleh Akta A 222 dengan memberi makna dan tujuan yang lain kepada seksyen 3 (4). Oleh itu perkataan "subject to section 3 (4)" di bawah seksyen 13 (2) (a) adalah tidak berkenaan lagi.
- (b) Kementerian hanya diberi tempoh untuk memulakan perbicaraan jenayah bagi sesuatu kes di bawah Akta ini selama 14 hari sahaja. Jikalau tidak, barang-barang yang ditahan oleh Kementerian ini hendaklah dipulangkan balik kepada tuan yang empunya barang-barang itu. Tempoh 14 hari ini adalah didapati tidak mencukupi.
- (c) Denda yang dikenakan sekarang ini ialah \$10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan yang pertama. Denda ini adalah ditetapkan dalam tahun 1946 pada masa Akta ini mula diluluskan. Dalam tahun 1946 denda sebanyak \$10,000 adalah dianggap mencukupi untuk mencegah perbuatan kesalahan di bawah Akta ini. Denda ini tidak dipinda hingga ke akhir tahun 1974 ini. Demikian juga berkenaan dengan denda bagi Pertubuhan Perbadanan (Body Corporate) yang ditetapkan sebanyak \$20,000 bagi kesalahan pertama. Denda ini ditetapkan juga dalam tahun 1946 dan tidak dipinda hingga sekarang. Pada pendapat Kementerian ini, denda-denda ini tidaklah mencukupi dan tidak akan menakutkan pada masa itu.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas dan mengemaskinikan Akta Kawalan Harga, 1946, maka dicadangkan supaya Akta itu dipinda sebagai berikut:

- (a) Perkataan-perkataan "subject to section 3 (4)" yang terdapat di bawah seksyen 13 (2) dihapuskan kerana tidak berkenaan lagi dengan meminda seksyen 13 (2) (a) tersebut.
- (b) Tempoh 14 hari untuk memulakan perbicaraan jenayah itu dilanjutkan kepada 30 hari supaya memberi masa yang cukup kepada Kementerian ini menjalankan siasatan-siasatan yang perlu. Ini boleh dilaksanakan dengan meminda seksyen 14.
- (c) Denda-denda bagi perseorangan dan pertubuhan perbadanan (Body Corporate) ditambahkan supaya menjadi \$15,000 dan \$25,000 masing-masing dengan meminda seksyen 22. Ini adalah berseimbangan dengan denda-denda yang didapati di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum soal kenaikan harga barang-barang sedang diberi perhatian yang berat oleh Kerajaan dari segala segi. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, maka dipercayai satu langkah lagi ke hadapan telah diambil untuk mengatasi lebih-lebih lagi soal mengawal kenaikan harga-harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran supaya Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.04 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini berhubung dengan Akta Kawalan Harga dan saya menyentuh dengan seberapa ringkas yang boleh.

Satu perkara penghargaan yang patut diberikan kepada Kementerian ini bahawa dengan adanya Akta ini berjalan dapat menyenangkan rakyat dalam masalah mengetahui harga barang-barang dan dengan ini sendirinya barang-barang itu setengahnya telah menjunam turun atau lebih daripada

keadaan pada masa yang lalu. Perkara yang patut diperhatikan oleh Kerajaan dalam masalah meletakkan harga barang-barang ini ialah kadang kala kawalan pihak Kerajaan telah meletakkan harga yang tertentu tetapi sebenar-benarnya barang itu pada masa sekarang telah murah. Seperti saya misalkan beras dan minyak kelapa. Minyak kelapa satu botol sekarang sudah turun \$1.20 sen tetapi kawalan harga telah meletakkan dengan harga \$1.60 sen. Jadi peniaga ini mengambil kesempatan itu. Kesempatan ini patut diperhatikan oleh Kementerian.

Yang kedua, dalam masalah menjalankan penyiasatan. Bagi seseorang yang didakwa atas satu-satu kesalahan berhubung dengan Akta ini. Menurut hemat saya, saya berharap pegawai-pegawai yang berkenaan janganlah mengeluarkan perkataan-perkataan yang meng-gertak ahli-ahli peniaga itu, menakut-nakutkan dan mengeluarkan kata-kata yang kesat. Ini adalah mengecilkan hati menakutkan ahli-ahli peniaga khususnya peniaga-peniaga bumiputra. Dengan keadaan seperti ini, saya berharap Yang Berhormat Menteri meng-ambil perhatian.

7.06 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini kerana yang sebenarnya Rang Undang-undang ini dibuat pada mulanya pada tahun 1946. Barangkali ramai di antara kita yang ada di dalam Dewan ini masih kecil lagi. Sepatutnya perkara ini kita repeal supaya saki baki sebelum merdeka itu tidak berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata begitu kerana ada dua perkara yang saya hendak kemukakan di sini.

Yang pertama, berkenaan dengan Clause 3, kita hendak membawakan masa peluang bagi pihak Kementerian atau pihak yang akan mendawa daripada dua minggu kepada 30 hari. Dengan demikian, kata Yang Berhormat Menteri kita, satu langkah lagi kita maju ke hadapan. Saya rasa ini satu langkah kita mundur ke belakang dan bukan ke hadapan. Sebabnya begini, Tuan Yang di-Pertua. Tidaklah kerana dengan menambahkan dua minggu lagi ataupun menambah bilangan hari lagi itu kepada pihak pendakwa, maka itu dinamakan satu langkah ke hadapan. Apa salahnya kalau kita menambahkan pegawai dan menambahkan efficiency lagi. Jadi seolah-olahnya yang kurang efficiency itu

bukanlah kerana undang-undang dan pegawai-pegawai kita, tetapi kerana masa. Masa ini neutral. Dia tidak ada kena-mengena dan bukan dia yang menyebabkan dan bukan dia yang menyebabkannya, tetapi kita yang memilikinya dua minggu dan kita yang memilih 30 hari. Kalau kita katakan dahulu kita silap memilih dan sekarang ini baru kita betul, maka inipun masih lagi patut dibahaskan iaitu yang menjadi motif di sini iaitu Kerajaan hendak menjaga kecekapan pegawai-pegawai Kerajaan dan juga hendak menaikkan denda-denda itu supaya sesuai dengan wang yang kurang kekuatan pembelinya, kurang purchasing power sekarang ini. Kalau ini tujuannya maka saya sukalah beralih kepada Clause 4 Seksyen 22 yang hendak dipinda itu, iaitu kita pinda kepada 10 menjadi 15 dan yang kedua kita pinda kepada 20 menjadi 25.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik perhatian saya ialah orang yang akan kena dakwa dan apabila didakwa sabit dengan kesalahannya, maka dia akan menerima hukumannya yang terbahagi kepada dua, iaitu orang perseorangan dan orang syarikat (body corporate) ataupun legal personality dengan real personality. Jadi yang saya minta Kerajaan menerangkan dengan sejelas-jelasnya perinsip keadilan ialah kepada orang seorang (real personality) yang bekerja di dalam body corporate, kalau didapati salah. Kalau kesalahan itu semata-mata kesalahannya sendiri, maka itu tidak berbangkit dia itu dikaitkan dengan body corporate. Kalau dia melakukan kesalahan diketika in the capacity pada waktu itu dia sebagai pengarah ataupun sebagai officer maka kesalahan ini jointly, maknanya sudah berlaku dua sekali. Dalam perkara ini body corporate itu mendapat hukuman lain dan pegawai ini, director ataupun officer inipun mendapat hukuman di bawah perkara dua. Sebab itu Kerajaan dalam Bill ini cuba hendak melarikan di dalam Seksyen 22 (1) dikecualikan body corporate, yang antara lain bunyinya:

“Any person other than a body corporate but including a director or officer of any body corporate who commits an offence against or who fails to comply with this Act shall on conviction be liable to a fine not exceeding \$15,000.”

Tuan Yang di-Pertua, di sini body corporate itu tidak kena yang dikatakan director ataupun officer. Sedang director itu, sebahagian daripada body corporate itu

(integral), maknanya kita tidak boleh pisahkan. Seorang yang capaciynya director ataupun officer daripada body corporate, dia tidak boleh jadi individual, dia tidak boleh jadi real personality, dia legal personality ataupun a part of legal personality.

Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu di bawah sub-section yang kedua pula, maka body corporate itu pun kena hukum. Jadi dua kali dia kena hukum. Kalau argument daripada pihak Kerajaan mengatakan director ataupun officer tadi patut dikenakan hukuman walaupun dia pegawai, tetapi dia telah menyalahgunakan body corporate itu untuk kejahatan dia dan didapati dia betul ada niat, ada otak, ada mensrea untuk melakukan kesalahan, maka sudah patutlah dia dihukum di atas capacity dia sendiri bukan sebagai director. Ini bermakna di ketika hendak dihukum, manusia itu kita cari kesalahan dia sebagai individual bahawa: Kamu mesti kena hukum, tetapi body corporate pun kena hukum juga. Jadi seolah-olah sub-section (1) tadi berlawanan antara satu dengan lain. Saya minta pihak Kerajaan menerangkan mengapa di dalam sub-section (1) tadi itu di single-outkan director body corporate dengan orang perseorangan itu dikenakan dan di bawah sub-section (2) dikenakan hukuman juga di atas body corporate sedang dia sudah dihukum juga di atas body corporate, dan mengikut dalam sub-section (1) tadi sebagai orang biasa dan bukan sebagai director ataupun officer bagi body corporate.

7.12 *mlm.*

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pendapat dan pandangan atas cadangan pindaan kepada Undang-undang ini.

Kepada Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad saya sukalah menerangkan di atas pertanyaannya berkenaan dengan perletakan harga lama kepada barang-barang kawalan harga. Saya sukalah menyatakan bahawa undang-undang ataupun peraturan berkenaan dengan meletakkan harga barang-barang adalah sekarang ini dijalankan kuatkuasanya dan pegawai-pegawai yang berkenaan yang bertugas di dalam Bahagian Penguatkuasa akan mengawasi bahawa barang-barang dalam mana dikehendaki

harganya yang ditetapkan ataupun harga yang dijual pada masa hari dijual itu mestilah diletakkan kepada barang-barang yang tertentu. Ini bermakna bahawa bukan kesemua barang yang perlu diletakkan tanda harga, cuma barang yang diisytiharkan sebagai barang kawalan yang ada namanya, listnya di dalam peraturan yang telah diadakan baru-baru ini yang dikehendaki diletakkan harga kawalan. Jadi adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak-pihak yang dikehendaki meletakkan harga barang-barang itu kepada barang-barang yang telah diisytiharkan di bawah makna barang-barang kawalan dan selain daripada meletakkan harga barang-barang itu dikehendaki mereka itu meletakkan harga yang sebenarnya kepada barang-barang itu. Dan sekiranya barang-barang itu tidak diberi kenyataan yang sebenar dari segi harga dan mutunya sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan yang baru sahaja diluluskan itu, maka mereka itu akan didapati salah di bawah Undang-undang yang berkenaan. Di sini saya sukalah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kami akan mengawasi supaya pihak yang berkenaan itu akan meletakkan harga yang sebenarnya kepada barang-barang yang dikehendaki diletakkan harga-harga kepadanya.

Tentang permintaan Ahli Yang Berhormat itu juga supaya pegawai-pegawai tidak mengeluarkan perkataan-perkataan yang kasar dan mengertak, sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa pegawai-pegawai di Bahagian Penguatkuasa akan menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh kesopanan dengan penuh tatatertib. Jadi kalau sekiranya kedengaran oleh Ahli Yang Berhormat bahawa ada pegawai-pegawai yang berkenaan menjalankan tanggungjawabnya terkeluar daripada batas kesopanan dan tata-tertibnya, saya berterima kasih jika lapuran diberikan kepada saya supaya perkara itu dapat disiasat dan kalau ada pegawai-pegawai yang menjalankan tanggungjawab tugasnya dengan tidak mempunyai tatatertib kesopanan, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pegawai-pegawai berkenaan. Tetapi saya sukalah menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat memberi satu kenyataan kepada saya, bahawa dalam perkara semacam ini kadang-kadang ada berbangkit perkara yang menyebabkan keluar kata-kata kasar bukan sahaja keluar daripada pegawai-pegawai malahan daripada orang-orang yang berkenaan yang disiasat terhadap satu-satu

tuduhan yang mereka itu ada menyorok barang-barang. Perkara ini biasa berlaku dan setakat yang kami boleh laksanakan, kami akan minta kepada pegawai-pegawai yang berkenaan supaya bersabar dan supaya menjalankan tanggungjawabnya dengan tidak mengeluarkan perkataan-perkataan yang kasar dan perkataan-perkataan sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu yang bercorak kurang sopan, supaya dapat mereka menjalankan tanggungjawabnya dengan memuaskan.

Tentang pandangan ataupun pertanyaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Senator Abu Bakar Hamzah supaya langkah yang diambil untuk meminda undang-undang ini menambah bilangan hari dalam mana satu pendakwaan itu dibawa daripada 14 hari kepada tempoh masa yang ditetapkan, di sini suka saya menyatakan sebagaimana yang saya telah jelaskan dalam masa mengemukakan pindaan ini iaitu tujuan untuk menambah bilangan hari itu ialah semata-mata untuk memberi kesempatan kepada pegawai-pegawai supaya mempunyai masa yang lebih panjang menjalankan penyiasaan.

Ahli Yang Berhormat mungkin terlebih maklum kerana saya mengetahui Ahli Yang Berhormat pernah bertugas di dalam Polis, penyiasaan mestilah dibuat dengan halus dan teliti sebelum satu-satu kes itu dibawa ke mahkamah. Jadi banyak pada masa yang lalu, rasa saya kes-kes yang dibawa ke mahkamah yang gagal, yang tak berjaya oleh kerana penyiasaan yang dibuat itu dengan tergopoh-gopoh dengan tidak dikaji satu-satu evidence dan kenyataan itu dengan mendalam dari segi undang-undang, dari segi fact. Dengan itu ada kes, termasuk juga kes-kes sorok, saya mengakui di sini telah tidak berjaya di mahkamah oleh kerana masa tempoh untuk menjalankan investigation itu tidak begitu panjang. Dan saya suka menyatakan di sini bahawa pegawai-pegawai yang bertugas di dalam bahagian itu menjalankan tanggungjawab kerja sebagai pegawai penyiasset (investigation officer) adalah pegawai-pegawai yang baru sahaja dilatih dalam bidang penyiasaan bukan pegawai yang mempunyai pengalaman yang begitu mendalam sebagaimana yang diperolehi oleh pegawai Polis yang sudah lama bertugas di dalam menjalankan kerja-kerja penyiasaan. Jadi dengan kerana itu untuk memberikan kesempatan bagi penyiasaan itu dijalankan

dengan lebih rapi, lebih kemas, lebih cermat untuk menjamin supaya kes-kes itu kalau dibawa ke mahkamah boleh berjaya. Kami berpendapat tempoh 14 hari ini patut di tambah kepada 30 hari.

Tentang soalan berkenaan dengan samada pegawai dan juga corperate itu kedua-duanya patut dikenakan hukuman kalau didapati salah dalam satu-satu kes penyorokan, di sini saya suka memberi penjelasan bahawa di bawah undang-undang, satu-satu badan corporate itu adalah juga boleh didapati salah terhadap satu-satu kesalahan di bawah undang-undang ini selain daripada director ataupun secretary biasanya bila kita mendakwa satu-satu body corporate itu oleh kerana body corporate itu sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat bukan personality, biasanya kita panggil pengarah ataupun setiausahanya didakwa di mahkamah atas pendirian mereka sebagai pengarah ataupun setiausaha kepada body corporate. Kalau sekiranya dalam perbicaraan itu didapati body corporate itu bersalahan atas daripada vicarious liability, maknanya body corporate itu tak boleh mengatakan: Oh! saya bukan melakukan ini, pegawai ini menjalankan tugas, dia cuai. Dia tak boleh berselindung dari kenyataan ini, malahan kalau pegawai itu didapati bersalahan body corporate itu juga akan bersalahan di atas konsep vicarious liability ataupun perjangkitan kesalahan body corporate dengan pegawai-pegawainya. Dalam perkara ini, kalau sekiranya body corporate itu didapati salah maka pegawai yang berkenaan pun, samada pengarah ataupun setiausahanya adalah didapati bersalahan (guilty) juga.

Sub-section (1) itu yang sebenarnya adalah untuk individu—orang perseorangan dan Sub-section (2) itu yang sebenarnya adalah untuk body corporate.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tidak faham ini begini. Memanglah Sub-section (2) itu untuk body corporate sebab dia legal personality, takkan kita hendak tangkap dia masukkan dalam jel, tentu syarikat tak boleh masuk jel, itu memang betul untuk body corporate. Tetapi yang saya hendak minta tolong diberi faham ini ialah di dalam Sub-section (1) tadi ada tersebut director ataupun officer. Jadi bagaimana kita hendak katakan dia individu sedangkan pangkatnya director, tetapi kalau kita katakan including any person who was at that time an officer, itu okay, tetapi kalau

dia officer dengan director itu, dia tidak boleh dipecahkan daripada body corporate sebagaimana Yang Berhormat Menteri juga beritahu tadi. Kalau officer itu melakukan kesalahan maka body corporate pun turut sama berjangkitan kesalahan. Jadi bagaimana pula penerangan yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ini individu, apa yang tulis lain dan apa yang dicakap lain, bertambahlah saya tak dapat faham.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam undang-undang ini yang sebenarnya ada masa dianggap lebih baik dibuat tuduhan terhadap perseorangan. Macam director pun dia dipandang sebagai individu—perseorangan. Ada masanya dibuat tuduhan atas charge itu atas badan ataupun corporate. Ada kalanya sebagaimana saya kata konsep vicarious liability ini tak kena, ada kadang-kadang seseorang pengarah ataupun setiausaha untuk mementingkan kepetingan dirinya sendiri untuk melakukan satu-satu perbuatan yang menyeleweng daripada satu arahan yang dibuat oleh body corporate itu menjalankan tugas, dia mencari keuntungan sendiri, dia menyorokkan barang dalam kedai dengan tidak diketahui oleh sesiapa pun dengan tujuan untuk dia mendapat faedah daripada perbuatan menyorok ini. Barangkali kalau circumstances yang macam itu tuduhan itu dibuat kepada dia sebagai individu, bukan sebagai body corporate. Ini rasa saya yang dianggap perlu diadakan perbezaan di antara individual officer, pengarah dengan body corporate.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut cenderung ke situ, tetapi yang saya susah hati ialah undang-undang ini apabila kita luluskan perkataan yang bertulisnya yang tinggal menjadi undang-undang, tidak pula Mahkamah memanggil legislature hendak memanggil wakil Senate kita ini pergi ke mahkamah hendak bertanya: Pada hari itu waktu kamu membuat undang-undang ini macam mana maksud kamu? Tidak, dia bergantung kepada ini sahaja. Jadi dalam yang bertulis inilah director dengan officer, tetapi kalau kita katakan termasuk mana-mana orang yang pada masa itu menjadi pengarah ataupun pegawai, itu adalah terang tetapi kalau director sendiri dengan officer sendiri legal expression, saya rasa tidak sama. Pengarah dengan orang yang

pada masa itu menjadi director (pengarah) individu dia sendiri sebab boleh jadi Yang Berhormat Menteri hendak mengatakan ada masa seseorang itu melakukan untuk kesalahannya maka diasaskan di atas niat kepala yang saya katakan mensrea tadi. Kalau itu dia bukan director lagi, dia individu terus.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya tidak bersependapat dengan Yang Berhormat. Daripada argument Ahli Yang Berhormat, saya nampak sama sahaja. Argument daripada pihak sebelah sana pun, saya rasa lebih kurang sama sahaja penjelasannya, nampaknya tidak ada perbezaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui;

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.30 mlm.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Kawalan Bekalan (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada pengalaman-pengalaman yang telah diperolehi di dalam beberapa tahun yang lepas, maka Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menyemak semula Akta Kawalan Bekalan, 1961 dengan tujuan untuk memberi kuasa tambahan kepada Kementerian ini mengendalikan masalah-masalah mengawal, dan mengawasi bekalan

dengan lebih berkesan lagi. Hasil daripada semakan itu beberapa kelemahan telah terdapat seperti berikut:

- (a) Pada masa ini kuasa menyiasat di atas aduan-aduan daripada orang ramai adalah terhad kepada pegawai-pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Dalam kempen anti-sorok baharu-baharu ini, aduan-aduan di atas penyorokan di luar bandar tidaklah dapat diberi perhatian segera oleh pihak Polis kerana kebanyakan balai-balai polis di kawasan-kawasan luar bandar hanya mempunyai pegawai-pegawai polis yang rendah daripada pangkat Inspektor. Penyiasatan serta merta ke atas aduan-aduan itu tidaklah dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis yang menjaga balai-balai polis di luar bandar tanpa kuasa yang bertulis dari Pengawal Bekalan.
- (b) Masaalah tafsiran adalah juga didapati berkenaan dengan kuasa-kuasa Pengawal Bekalan di dalam memberi perintah atau arahan berkaitan dengan barang-barang kawalan yang telah diambil milik olehnya. Samada kuasa itu termasuk kuasa menjual atau memulang balik barang-barang itu sekiranya tindakan Mahkamah masih lagi belum selesai dan barang-barang itu tidak mudah rosak. Keraguan juga didapati kerana peruntukan yang tidak lengkap di dalam soalan tindakan di atas barang-barang lain seperti kenderaan, vesel atau lain-lain barang yang diambil milik bersama-sama dengan barang-barang kawalan.
- (c) Sungguhpun telah ada peruntukan dalam Akta ini yang menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa yang berniaga barang-barang kawalan tanpa lesen tetapi peruntukan ini tidaklah mencukupi kerana pekedai-pekedai masih boleh menafikan yang ia ada barang-barang kawalan dalam miliknya dan enggan atau tidak mahu menjual barang-barang kawalan itu.
- (d) Kuasa penyiasatan di bawah Akta ini adalah sama seperti kuasa penyiasatan polis di bawah Kanun Acara Jenayah. Pihak-pihak berkenaan telah mencabar berkenaan kuasa ini mengatakan segala kenyataan yang dibuat oleh orang yang dituduh adalah tidak boleh diterima

sebagai keterangan kerana pegawai-pegawai penguatkuasa dikatakan telah menggunakan kuasa polis di dalam penyiasatan mereka.

- (e) Peruntukan di dalam seksyen berkenaan dengan kuasa mahkamah menahan barang-barang kawalan adalah didapati tidak lengkap kerana peruntukan tidak dibuat bagi barang-barang lain yang diambil milik bersama-sama dengan barang-barang kawalan.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat sekarang di dalam Akta Kawalan Bekalan, 1961, maka dicadang supaya kita itu dipinda seperti berikut:

- (a) Kuasa menyiasat di bawah Akta ini perlulah diberi kepada mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Sarjan dan mana-mana pegawai polis yang menjaga balai polis supaya mereka dapat mengambil tindakan segera di atas apa-apa aduan yang diterima supaya Kempen Anti-Sorok dapat berjalan dengan lebih berkesan lagi. Bagi maksud ini seksyen 10 Akta perlulah dipinda supaya pegawai-pegawai polis tersebut diberi kuasa sewajarnya.
- (b) Seksyen-seksyen II dan 12 Akta perlu digantikan dengan peruntukan-peruntukan baru yang memberi kuasa yang nyata kepada Pengawal untuk menjual mana-mana barang-barang kawalan yang telah diambil milik olehnya, jika diputuskan untuk mengambil tindakan jenayah mengenai barang-barang itu. Tetapi jika tidak, maka Pengawal hendaklah mengembalikan barang itu kepada sepunya atau membayar kepadanya harga barang itu. Dengan adanya kuasa yang nyata untuk menjual maka tidaklah perlu lagi peruntukan yang memberi kuasa kepada Pengawal untuk memberi perintah supaya barang kawalan itu ditempatkan di pasaran, dan peruntukan itu perlulah digugurkan dengan sewajarnya. Hal menguruskan berkenaan dengan kenderaan, vesel dan lain-lain barang perlulah juga ditetapkan di dalam peruntukan baru itu.
- (c) Menambahkan juga satu seksyen baru kepada seksyen 16 supaya dijadikan satu kesalahan bagi seorang penjual berlesen yang menafikan secara dusta

yang ia ada memiliki mana-mana barang kawalan atau enggan menjualnya.

- (d) Ditambah satu seksyen baru kepada seksyen 24 supaya membolehkan diterima sebagai keterangan maklumat tertentu yang diberi oleh orang-orang yang dituduh.
- (e) Seksyen 26 perlu dipinda supaya memersamakan seksyen kecil (2) dengan seksyen kecil (1) berkenaan dengan perkara "kenderaan vesel atau lain-lain barang." Pada masa sekarang hanya seksyen-kecil (1) sahaja menyentuh mengenai barang-barang itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum soal bekalan dan kenaikan harga adalah satu masalah yang tidak mudah diatasi memandangkan kepada keadaan "stagflation" yang dialami di seluruh dunia sekarang ini. Adalah dipercayai dengan adanya satu pindaan ke atas Akta ini, maka senanglah sedikit bagi kita mengawal perkara-perkara bekalan, dan kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Kawalan Bekalan, 1961 (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.36 *mlm.*

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Menteri bagi mengukuhkan lagi undang-undang kawalan barang-barang ini.

Saya terlebih dahulu memberi ucapan tahniah kepada Kerajaan kita kerana telah bersungguh-sungguh mengambil tindakan-tindakan yang tegas dalam menghadapi perkara-perkara penyorokan barang dan juga kenaikan harga-harga barang di masa-masa yang telah lalu. Saya rasa pengalaman Kerajaan pada masa ini adalah satu pengalaman yang sangat pahit dalam sejarah Kerajaan menghadapi mengenai ekonomi negara kita ini. Pada masa ini boleh dikatakan negeri kita sekarang sudah mula reda atau berkurangan keadaan penyorokan barang dan sebagainya dan dengan tindakan-tindakan yang dibuat itu maknanya kita boleh mengatasi

sedikit sebanyak apa yang telah dilakukan oleh orang-orang yang curang kepada negara kita ini.

Pada pendapat saya undang-undang yang seumpama ini tidak mencukupi untuk kita menghadapi keadaan pada masa hadapan iaitu sekiranya berbangkit sekali lagi keadaan yang kelim kabut, kekurangan barang dan kenaikan harga dan sebagainya pada masa hadapan adalah dengan undang-undang ini sahaja pada saya tidaklah mencukupi, kerana apabila kita hendak menjalankan kuatkuasa undang-undang, kita berkehendak kepada kakitangan yang cukup untuk menjaga atau mengawal tiap-tiap tempat, tiap-tiap kampung dan tiap-tiap kedai dan ini adalah satu perkara yang mustahil untuk dijalankan dengan sempurnanya kuatkuasa undang-undang itu. Dalam kita memperkemaskan undang-undang ini, dalam masa kita mengatur undang-undang yang lebih kemas dan teratur, saya rasa ada baiknya bagi pihak Kerajaan mulai mengemaskan syarikat-syarikat kerjasama, perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan supaya syarikat-syarikat kerjasama yang ada dalam negara kita ini dapat betul-betul dijadikan syarikat-syarikat yang boleh menjual barang dengan harga yang murah kepada rakyat. Perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan umpama seperti PERNAS-EDAR, PERNAS TRADING patut diperkuat, patut diberi modal yang cukup patut diberi punca-punca barang yang murah supaya mereka ini boleh jual barang-barang yang murah ini kepada pekedai-pekedai runcit dengan harga yang murah dan syarikat-syarikat kerjasama yang menjadi pekedai-pekedai runcit ini bolehlah mengadakan barang-barang murah dengan tidak payah disorok.

Apabila perkara ini boleh berlaku dalam negeri kita orang-orang berniaga yang tamak itu akan menghadapi satu tentangan daripada kedai-kedai syarikat kerjasama yang mempunyai barang yang sama, semutu dengan dengan mereka, tetapi harganya murah. Saya suka hendak contohkan di sini apa yang berlaku, apa yang Kerajaan Mesir buat pada masa ini. Saya pergi ke Cairo; baharu balik. Saya melawat ke Cairo. Di Cairo saya tengok ada dua buah kedai, kedai kooperatif yang menjual barang murah dengan kedai yang tidak kooperatif yang menjual barang mahal.

Kedai kooperatif menjual umpamanya katakanlah ayam harganya \$5.00 kedai yang tidak kooperatif menjual ayam yang harganya \$10.00. Orang-orang kaya, yang berada, dia datang ke kedai yang senang membeli, iaitu kedai yang tidak kooperatif dengan harga \$10,00 kerana dia mahu senang, tidak mahu queue, tidak mahu dapatkan ration card dan tidak mahu susah menunggu mendapatkan barang. Dia beli ayam harga mahal, harganya \$10.00. Ayamnya sama dengan ayam yang dijual di kedai kooperatif yang harganya \$5.00, tetapi bagi orang ramai yang miskin, dia sanggup mengambil ration, tunggu queue umpamanya satu jam atau dua jam untuk membeli barang yang harganya separuh daripada harga yang dibeli oleh orang-orang yang berada.

Ini satu sistem yang saya rasa ada baiknya menjadi satu contoh dan tauladan kepada kita bagaimana kooperatif-kooperatif yang seumpama itu boleh dapat barang dengan harga yang murah, dan bagaimana pula boleh bertanding dengan kedai-kedai yang menjual barang yang berharga mahal.

Saya rasa kalau sekiranya kita bukannya satu kedai kooperatif yang harganya sama dengan kedai yang tidak kooperatif, tidak ada bezanya kooperatif. Maknanya kooperatif mahu untung lebih, serupa dengan kedai yang tidak kooperatif. Kadang-kadang kooperatif sendiri pun cuba hendak menyorokkan barang sama supaya katanya kita boleh untung sama bagaimana yang kedai bukan kooperatif. Tidak ada perbezaan, melainkan Kerajaan kita hari ini fikirkan bagaimana caranya hendak mengadakan punca barang, umpamanya kita katakanlah kita telah buat, mengambil tindakan berkenaan dengan beras. Kita gunakan kuasa, memberi kuasa penuh kepada Lembaga Padi dan Beras Negara untuk menguasai beras seluruh negara, membawa masuk beras, mengadakan beras dalam negeri, menjual beras dengan harga yang murah. Di situ satu perlawanan yang hebat di antara kedai beras yang dijual dengan cara teratur, dengan secara harga yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan kedai beras yang cuba hendak memainkan harga. Di situ kedai beras yang hendak memainkan harga ini tidak boleh kerana beras yang dikeluarkan oleh Kerajaan ini cukup untuk semua rakyat.

Kalau benda yang seumpama ini kita boleh buat sama dengan umpamanya minyak, kelapa, gula dan barang-barang keperluan

lain, saya rasa Undang-undang itu tidaklah begitu perlu dikuatkuasakan kerana benda itu sudah jadi begitu, harga sudah terkawal. Kalau kita mahu lawan kita lawan dengan barang juga. Kalau lawan dengan undang-undang dia boleh sorok, terpaksa kita buat undang-undang ini, cari, menetapkan, kita boleh rampas. Bukan main susah hendak atur technicalitynya undang-undang itu. Sebab tidak kena buat, kita tangkap bawa kepada mahkamah lepaskan sahaja, barang itu dilepas. Orang itu senang sahaja. Ini satu kesusahan bagi Kerajaan hendak lawan orang berniaga ini. Kalau hendak lawan orang berniaga kita kena lawan mereka berniaga, baharulah dia teruk kena. Itu satu kaedah, cara hendak lawan. Cuma Kerajaan kena tentukan kuatkan kooperatif. Katakanlah kita tubuhkan satu kooperatif untuk jualan borong ataupun impot barang. Kooperatif yang mengimpot barang ini kita beri kemudahan dia, beri potongan cukai umpamanya, beri kemudahan bawa masuk barang umpamanya, bagi harga barang yang murah. Kita tetapkan kalau ada fakteri dalam negeri umpamanya kita pegangkan fakteri itu, tentukan harga, bagi murah kepada kooperatif supaya tiap-tiap kooperatif boleh jual dengan harga yang murah.

Ada kooperatif yang menulis: Kooperatif ini untuk menentang inflasi. Masuk ke dalam lihat harga sama, sama potong leher juga. Tidak ada perbezaan. Ini kooperatif yang tidak boleh menolong Kerajaan dalam mengatasi inflasi. Inilah saya rasa undang-undang ini pun perlu, tetapi susunan untuk masa depan kita, untuk menurunkan harga barang ini perlu dibuat oleh Kerajaan daripada hari ini. Susun kembali kooperatif kita, wholesale kooperatif, ratalail kooperatif, perbadanan-perbadanan Kerajaan, kuatkan, baiki kedudukannya sebab ada perbadanan-perbadanan ini.

Itulah sebab dalam undang-undang ini, terpaksa kita hendak hukum Pengurus atau Pengarah Perbadanan. Itu menunjukkan ada benda itu. Perbadanan tidak tahu apa. Pengarah dan Pengurus yang memainkan, mencari keuntungan. Barang perbadanan itu dijual kepada orang lain, diambil untung, untung masuk ke dalam poket. Perbadanan tidak tahu, Kerajaan pun pusing kepala, hendak menghukum siapa. Hendak menghukum perbadanan? Perbadanan tidak berdosa. Kita hendak menghukum pegawai, pegawai perbadanan. Ini satu masalah.

Walau bagaimanapun terpaksa kita buat undang-undang hukuman pegawai perbadanan yang tidak betul. Saya fikir dipecat dahulu, kemudian baharu hukum. Jangan hukum dia dalam perkhidmatan. Inilah maksud saya susahny kita hendak menghadapi masalah-masalah yang seumpama ini.

Saya rasa ada baiknya daripada saat yang tenang ini walaupun kita ada kelam-kabut baharu ini, tetapi maknanya daripada saat-saat tenang kita cuba mengkaji bagaimana keadaan kita hendak menurunkan lagi harga barang walaupun barang sekarang sudah mulai menurun, mulai tenang dan tetap, tetapi rasanya masih lagi kita kata mahal harga barang itu. Cari jalan bagaimana hendak menurunkan lagi supaya kita rasa puashati dengan harga barang yang ada dalam negara kita ini supaya rakyat faham yang kita bukan duduk diam, walaupun tenang, tetapi kita masih berusaha untuk menguatkan tenaga kita, jentera kita, segala perbadanan-perbadanan kita dalam usaha menurunkan lagi seberapa murah barang supaya janganlah timbul masalah-masalah tidak puashati di kalangan rakyat mengenai harga barang ini.

Sebelum saya duduk saya sekali lagi memberi tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana Kementerian Perdagangan kita betul-betul dalam masa inflasi yang hebat dahulu telah menghadapi masalah itu dengan cara yang bersungguh-sungguh, yang patut kita puji dan kita harap Kerajaan kita akan menghadapi masalah-masalah lain daripada ini dengan cara bersungguh-sungguh juga. Apa juga masalah yang timbul dalam negara kita, kita hadapi dengan cara bersungguh-sungguh, kita hadapi dengan cara yang tegas dan jentera Kerajaan kita, kita tekankan supaya mereka itu menjalankan tugas dengan cara bersungguh-sungguh. Sebab kita mahu maju ke depan. Kita mahu ke depan, kita perlukan kepada tenaga yang cergas. Kalau sekiranya Menteri sahaja yang cergas, jentera tidak cergas, kalau Menteri sahaja mengeluarkan arahan, tetapi jentera tidak berjalan macammamana Menteri boleh buat. Tentulah tidak dapat, melainkan maknanya daripada atas dibawa ke bawah, daripada keseluruhan jentera Kerajaan itu dapat berjalan baharulah kita boleh berjaya dalam cita-cita memperbaiki keadaan hidup rakyat di dalam negara kita.

7.49 mlm.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini sambil itu mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang bertanggungjawab kerana dapat menekan harga barang-barang.

Memanglah semua rakyat tahu, saya tidak payah bincangkan panjang-panjang sangat di atas perkara ini—harga barang memang mahal, dibincangkan di mana-mana, di pelusuk kampung, dalam pekan dan sebagainya. Harga mahal, sebab mahal semua orang tahu barang kurang, begitu, begini. Itu tidak payah lagi dicakapkan oleh kerana sudah masing-masing sudah tahu harga mahal dan di negeri-negeri luar lebih mahal. Di negeri kita ini boleh dikatakan semurah-murahnya. Gula satu kati 65 sen, di Singapura sampai 75 sen. Beras di Singapura sampai satu ringgit satu kati, di sini cuma 55 sen satu kati. Maknanya di negeri kita ini memang murahlah oleh kerana ada controlnya. Saya ingat di negeri-negeri lain tidak ada food controlnya, tidak ada dibuat melainkan negeri kita ini, tetapi teguran saya di sini ialah di muka 6 :

“5. Di bawah seksyen baru 16A adalah menjadi kesalahan bagi seorang penjual berlesen untuk menafikan secara dusta yang ia ada memiliki mana-mana barang kawalan atau enggan menjualnya.”

Ini penjual-penjual kecil, yang menjual di kedai-kedai kecil. Inilah yang kita rampas hartanya sedangkan perniagaannya kecil dan hendak mendapat keuntungan. Tetapi di kedai-kedai besar Kerajaan hendaklah periksa betul-betul. Sebab ada kilang-kilang yang besar seperti Kilang Gula, dia menyimpan bahan-bahan gula dengan banyaknya seperti bahan gula mentah, gula merah. Misalnya, production 100 tan sehari, dia buat 35 tan sahaja. Ini jadi shortage, sebab dia hendak mendapat untung lebih. Jadi bagaimana pula Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendak menentukan supaya production kilang-kilang berjalan terus 100% banyaknya dan bukan dislowkannya? Janganlah nanti apabila pegawai-pegawai kita pergi memeriksa dikatakan mesinnya rosak dan sebagainya. Oleh kerana kilang-kilang ini dipunyai oleh orang-orang kaya maka dengan sebab boleh jadi sangkut-paut di sana-sini maka tidak diambil tindakan. Saya harap pada masa yang akan datang, kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan kawalan seperti bahan makanan ini

mestilah ditengok betul-betul supaya jangan lagi mereka ini dapat berselindung dengan capitalnya yang besar, kilang yang besar maka mereka mengeluarkan barang-barang sedikit-sedikit supaya rakyat tidak dapat membeli dan harganya pun mahal maka mereka itu bolehlah mengeluarkan barang-barang tersebut dengan harga yang mahal. Sekianlah sahaja perhatian saya terhadap perkara ini.

7.52 mlm.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan atas perkara ini. Tentang pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya supaya badan-badan seperti Syarikat Kerjasama diperkemas atau diperkukuhkan kedudukannya supaya dapat menjadi satu badan yang boleh mengedarkan barang-barang runcit dengan banyak supaya harganya murah, perkara ini tidak payahlah saya menerangkan dengan panjang lebar, kerana memanglah telah menjadi hasrat Kerajaan supaya badan-badan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu supaya diperkemas agar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum bahawa Kerajaan memanglah memandang berat atas perkara ini dengan memberikan tugas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri untuk mengendalikan tugas dan tanggungjawab kepada Perbadanan-perbadanan itu dan saya percaya termasuklah Syarikat-syarikat Kerjasama yang diberikan tanggungjawab dalam perkara ini.

Tentang kenyataan Yang Berhormat Raja Nong Chik bin Raja Ishak supaya kilang-kilang yang mungkin tidak mengeluarkan pengeluarannya dengan sepenuhnya hendaklah diawasi, sukalah saya menyatakan di sini, bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Undang-undang Control of Supplies atau Akta Kawalan Bekalan ada mempunyai kuasa untuk menyelidik dan memasuki ke dalam satu-satu kilang dan tempat-tempat di mana barang-barang itu disimpan atau diproses. Dan kalau sekiranya ada kenyataan bahawa kilang-kilang yang berkenaan tidak mengeluarkan barang-barang yang dikeluarkan atau diproses dengan

sepenuhnya, dengan tujuan supaya bahan-bahan itu dinaikkan harganya, maka Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah berkuasa terhadap barang-barang yang diberi takrif barang-barang kawalan atau control items, dengan mengarahkan kilang-kilang yang berkenaan itu supaya jangan melakukan perkara yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan mengurangkan production ataupun mengeluarkan barang-barang dengan tujuan supaya harganya naik. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian saya akan sentiasa mengawasi perkara ini supaya ianya jangan berlaku.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.58 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu undang-undang yang bertajuk Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1974.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemusnahan dan pengawalan serangga-serangga yang membawa penyakit dan mengenai pemeriksaan dan rawatan perubatan terhadap orang-orang yang mengidapi

penyakit yang dibawa oleh serangga-serangga dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa-kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, semua Pegawai-pegawai Perubatan Kesihatan dan Inspektor-inspektor Kesihatan termasuklah mereka yang bekerja dengan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Satu daripada jenis-jenis penyakit yang sangat merbahaya yang dibawa oleh serangga di zaman ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih maklum ialah penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk jenis *Aedes aegypti*. Untuk menghapuskan penyakit seperti tersebut, maka undang-undang ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pegawai-pegawai Perubatan Kesihatan, Inspektor-inspektor Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai yang bekerja dengan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk memasuki dan memeriksa premis-premis, yakni rumah-rumah, bangunan-bangunan, tanah-tanah dan sebagainya supaya pemunya-pemunya dan penduduk-penduduk tidak membiarkan serangga membawa penyakit membiak dalam premis-premis mereka ini adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai itu dengan memberi notis terlebih dahulu kepada pemunya-pemunya atau penduduk-penduduk yang berkenaan.

Dari kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan menerusi kempen-kempen di merata-merata kawasan baharu-baharu ini bahawa usaha-usaha untuk menghapuskan serangga seperti nyamuk *Aedes aegypti* tidak dapat dijalankan dengan penuh berhasil jika Kementerian ini hanya menggunakan penerangan-penerangan dan nasihat-nasihat sahaja kepada pemunya-pemunya dan penduduk-penduduk dan bergantung kepada kerjasama dari mereka itu. Usaha-usaha itu tidak memberi bekas. Oleh yang demikian, Kementerian ini telah mendapati adalah penting iaitu tanggungjawab untuk memusnahkan serangga-serangga pembawa penyakit di dalam premis-premis seperti nyamuk *Aedes aegypti* hendaklah diletakkan ke atas diri pemunya-pemunya atau penduduk-penduduk itu sendiri menerusi kuasa undang-undang. Oleh itu sangat-sangatlah mustahak bagi pihak Kerajaan menubuhkan undang-undang ini supaya dengan cara

tersebut mereka tidaklah boleh sentiasa berharap semata-mata kepada usaha dan tenaga Kementerian Kesihatan sahaja. Sebagai ahli-ahli dalam masyarakat, pemunya-pemunya dan penduduk-penduduk hendaklah mengambil bahagian menyertai usaha Kerajaan untuk memperbaiki kesihatan masyarakat amnya.

Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa orang ramai tidak dapat mengelak untuk memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan untuk mengawal dan menghapuskan serangga-serangga pembawa penyakit dalam rumah-rumah, bangunan-bangunan, tanah-tanah mereka dan sebagainya.

Fasal 11 adalah satu fasal yang penting yang akan memberi kuasa penuh kepada Ketua Pengarah Kesihatan atau Pegawai-pegawai Perubatan dan Kesihatan untuk menimbang dan menentukan kawasan-kawasan mana yang mungkin mengelakkan atau melindungi serangga membawa penyakit supaya mereka yang terlibat hendaklah mendapatkan kelulusan sebelum mereka itu menjalankan kerja-kerja pembangunan, memajukan tanah, mengorek dan sebagainya, dan mereka dikehendaki mengemukakan pelan-pelannya kepada Pegawai-pegawai Kesihatan terlebih dahulu.

Saya fikir tidaklah perlu bagi saya menghuraikan satu-persatu fasal-fasal yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini untuk menjimatkan waktu kerana sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menerima Rang Undang-undang ini sebelum persidangan ini. Saya suka menegaskan di sini bahawa undang-undang ini sangat-sangatlah perlu dikuatkuasakan dengan secepat mungkin untuk mengelakkan kejadian dan merebaknya penyakit-penyakit yang dibawa oleh serangga seperti penyakit demam denggi yang telah menyebabkan beberapa kematian pada masa-masa yang sudah yang tidak patut berlaku jika sekiranya orang-ramai telah berusaha mengambil berat sedikit untuk membersihkan rumah-rumah, bangunan-bangunan, tanah-tanah masing-masing dan kawasan-kawasannya supaya nyamuk-nyamuk tidak dapat membiak.

Kuasa-kuasa dalam undang-undang baharu ini tidak hanya terhad bagi penyakit demam denggi bahkan boleh digunakan bagi semua

jenis penyakit-penyakit yang didatangkan oleh serangga-serangga pembawa penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Rang Undang-undang bertajuk Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1974 dibentangkan di Dewan ini sekarang dibaca kali yang kedua dan diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.06 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Dalam pada itu, saya ingin mengambil bahagian perbincangan atas hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Saya berani memperkatakan bahawa selama ini Kementerian tersebut tidak berupaya mencegah penyakit yang berjangkit dalam negeri ini, terutama sekali demam malaria, demam nyamuk Aedes (denggi). Dengan sebab itu Rang Undang-undang tersebut dibawa ke dalam Dewan ini. Dan dengan keadaan ini ramai rakyat dalam negeri ini telah mendapat maut berpunca dari penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini patutlah memikirkan dengan adanya Rang Undang-undang ini bahawa bandar-bandar, pekan-pekan dalam negeri ini akan dapat dibersihkan dengan kuatkuasa undang-undang ini. Tetapi Kerajaan mestilah berfikir bahawa di setengah-setengah bandar dan tempat dalam negeri kita ini banyak parit yang mati, longkang tidak ada tempat untuk membuang air terus, disebabkan keadaan pelan bandar itu tidak dibuat lebih dahulu. Jadi keadaan yang semacam ini, saya mengharapkan supaya Kementerian mestilah membuat parit sebagai asas kemudahan kepada penduduk-penduduk dalam bandar itu supaya dapat dialirkan air yang membawa pada penyakit yang berjangkit itu supaya mencegah daripada perkara yang dibimbangkan.

Yang kedua, dalam Rang Undang-undang ini juga dapat kita menikmati bahawa

belaan-belaan ternakan dalam Majlis-majlis Tempatan, Majlis-majlis Bandaran dapat menghindarkan, sebab daripada ternakan ini juga akan mendatangkan nyamuk atau serangga yang akan membawa penyakit yang berjangkit kepada penduduk-penduduk.

8.09 mlm.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Haji Ahmad bin Arshad yang telah memberikan pandangannya kepada Kementerian Kesihatan, supaya Kementerian Kesihatan dapat menggunakan dan menjalankan tugasnya untuk menghapuskan segala serangga dan penyakit-penyakit yang merbahaya kepada orang ramai. Dan insya Allah saya akan cuba berusaha bekerjasama dengan Kementerian yang menjaga parit dan longkang-longkang ini supaya dapat berikhtiar jangan ada air-air bertakung, dan dengan ini saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara itu akan diambil perhatian dan akan diberikan kerjasama yang erat. Muga-muga dengan itu segala penyakit yang merbahaya ini dapat dihapuskan dan muga-muga rakyat jelata dalam negara kita ini mendapat kesihatan yang baik.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Rabu, 15hb Januari, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.13 malam.